MANUSIA DAN ISLAM

JILID SATU

Panel Penulis Diketuai Oleh
DR. HARON DIN

MANUSIA DAN ISLAM

JILID SATU

MANUSIA DAN ISLAM

JILID SATU

Panel Penulis Diketuai Oleh
DR. HARON DIN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2002

Cetakan Pertama 1990
Cetakan Kedua 1993
Cetakan Ketiga 1997
Cetakan Keempat 2000
Cetakan Kelima 2002

Perpustakaan Negara Malaysia   Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Manusia dan Islam / Haron Din ... [et al.].
Mengandungi bibliografi dan indeks
ISBN 983-62-1422-4 (jil. 1)
ISBN 983-62-1522-0 (jil. 2)
ISBN 983-62-1523-9 (jil. 3)
1. Islam. 2. Islam--customs and practices.
I. Haron Din, Dato', 1940.
297.4

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى خَاتَمِ الْاَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدِ الْاَمِيْنِ. وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِيْنَ. وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ

Manusia adalah sejenis makhluk Allah yang paling istimewa jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain. Diberikan kepadanya sifat-sifat khusus untuk membolehkannya menanggung amanah Allah yang tidak tertanggung oleh makhluk-makhluk lain, walaupun makhluk-makhluk itu lebih besar dan gagah daripada manusia itu sendiri. Langit, matahari, bintang-bintang, bumi, bukit-bukau dan sebagainya adalah makhluk-makhluk Allah yang hebat bentuknya, tetapi kecil pada kesanggupan dan kebolehan untuk menjadi makhluk Allah yang terbaik bagi menanggung amanah-Nya.

Ketika Allah s.w.t. membentangkan kepada makhluk-makhluk-Nya yang besar dan raksasa, untuk menanggung suatu amanah, maka semua makhluk itu telah menolak tawaran tersebut. Tiba-tiba makhluk yang bernama insan atau manusia, sanggup menerima dan menanggung amanah itu. Peristiwa pembentangan amanah tersebut telah dirakamkan dalam wahyu Ilahi yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. dengan firman-Nya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسٰنُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah bentangkan (tawarkan) tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya: (ingatlah!) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Al-Ahzab 33:72)

Al-Qurtubi, penyusun kitab tafsir al-Qurtubi, ketika mentafsirkan ayat-ayat di atas, menerangkan maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda; Allah s.w.t. telah berfirman kepada Adam a.s.; ''wahai Adam, Aku telah membentangkan amanah kepada langit-langit dan bumi, tetapi semuanya itu tidak sanggup menerimanya. Apakah kamu sanggup menerimanya?'' Adam menjawab, ''Ya hamba sanggup semuanya.''

Apakah amanah yang telah ditolak oleh langit dengan segala keagungannya untuk menerimanya?

Apakah bentuk amanah yang telah tidak disanggupi oleh bumi dengan segala kebesarannya untuk menunaikannya?

Apakah jenis amanah yang telah menakutkan bukit-bukau dengan segala ketahanan dan kepejalannya untuk melaksanakannya; yang tiba-tiba makhluk yang bernama insan itu dengan segala kekerdilannya, sanggup menerima amanah itu dengan segala senang hati untuk ditunaikan.

Adam sebagai manusia pertama telah sanggup menerima amanah itu. Dengan penerimaan itu Allah s.w.t. telah menyatakan dengan firman-Nya:

إِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْأَرْضِ خَلِيْفَةً

Terjemahan: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.

(Al-Baqarah 2:30)

Manusia sebagai khalifah berkewajipan untuk menanggung amanah yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. Sifat khalifah yang digelarkan kepada makhluk yang bernama insan itu memang cocok dengan amanah yang diterima untuk dilaksanakan.

Apakah bentuk amanah yang tidak disanggupi oleh bumi dengan segala kebesarannya untuk menunaikannya?

Menurut Jumhur Ulama; amanah itu ialah ''kewajipan menegakkan agama Allah ''Islam'' atau kewajipan melaksanakan tugas terhadap agama Allah (Islam) yang diberikan kepada manusia''.

''Din Allah'' atau agama Allah yang disebut Islam adalah suatu amanah, yang telah dibentangkan kepada makhluk-makhluk selain manusia untuk menerima dan menunaikan tanggungjawab keagamaan tersebut dengan sebaik-baiknya. Semua makhluk itu telah menolak. Akan tetapi manusia sanggup menerimanya.

Salah satu tugas utama Rasul, yang juga insan terhadap agama Allah itu ialah menerima wahyu, yang merupakan ayat-ayat al-Qur'an. Untuk menerima wahyu tersebut seseorang itu perlu mempunyai kegagahan dan keupayaan yang secukupnya. Jika tidak buruk padahnya. Allah s.w.t. telah menggambarkan keadaan itu dengan firman-Nya:

لَوْ أَنْزَلْنَا هٰذَا الْقُرْاٰنَ عَلٰى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خٰشِعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللّٰهِ وَتِلْكَ الْأَمْثٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُوْنَ

Terjemahan: Sekiranya Kami turunkan al-Qur'an ke atas sebuah gunung nescaya engkau melihat gunung itu khusyu' serta pecah-belah kerana takut keadaan Allah dan (ingatlah!) misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.

(Al-Hasyr 59:21)

Mengapa bukit yang begitu gagah dengan batu-batu pejalnya dan tegak di dalam bumi tunjangnya, akan hancur berkecai apabila diturunkan al-Qur'an (wahyu) kepadanya. Tidak lain lagi, melainkan kerana terlampau takut kepada Allah dan kemurkaannya, jika amanah dari wahyu itu tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Apabila wahyu-wahyu Allah yang merupakan suruhan dan larangan agama-Nya diturunkan kepada manusia, maka seluruh manusia dari kalangan para Rasul yang ditugaskan untuk menerima wahyu itu dapat menerimanya dengan baik. Bukan sahaja Muhammad s.a.w. yang menerima wahyu-wahyu itu, malahan orang yang sebelumnya, iaitu para Rasul dari Adam a.s. sampailah kepada Muhammad s.a.w. itu telah menerima dan melaksanakan tugas sebagai penerima amanah untuk menegakkan agama Allah: Hal sedemikian itu telah dirakamkan dalam al-Qur'an dengan firman Allah:

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّيْنِ مَا وَصّٰى بِهٖ نُوْحًا وَالَّذِى أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ
وَمَا وَصَّيْنَا بِهٖ إِبْرٰهِيْمَ وَمُوْسٰى وَعِيْسٰى أَنْ أَقِيْمُوا الدِّيْنَ وَلَا
تَتَفَرَّقُوْا فِيْهِ

Terjemahan: Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang tetapkan hukumnya — perkara yang diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan dia kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah-belah atau berselisihan pada dasarnya.

(Al-Syura 42:13)

Agama Allah adalah amanah Allah. Diberikan kepada manusia amanah itu, bukan sahaja untuk mereka laksanakan tugas-tugas agama itu untuk diri sendiri, malahan untuk keluarga, masyarakat dan negara.

Apakah itu agama? Apa erti Islam? Bagaimanakah yang dikatakan Islam itu sebagai suatu cara hidup yang lengkap? Iman, apa peranannya? Apa hubungan antara Islam dengan Iman? Bagaimana memahami Islam dengan sebenarnya? Apakah Islam hanya untuk akhirat sahaja? Apa peranan Islam terhadap masyarakat dan negara? Mampukah Islam menjadi suatu cara hidup yang sempurna? Dan berbagai-bagai pertanyaan lagi akan timbul.

Saya masih mengingati dengan jelas; sesudah saya memberi suatu ceramah agama di MES pegawai polis di Jalan Bukit Aman, Kuala Lumpur pada 23 Januari 1977 yang dihadiri oleh Tan Sri Muhammad Hanif Omar Ketua Polis Negara dan para pegawai tinggi beliau, beberapa soalan dikemukakan kepada saya selepas ceramah tersebut. Termasuk soalan dari Tan Sri Muhammad Hanif Omar sendiri. Semua soalan itu mengagumkan saya kerana saya dapat melihat sendiri minat dan kecenderungan yang kuat dari soalan-soalan itu untuk mengetahui sesuatu tentang Islam dengan cara yang menyeluruh (comprehensive) saya agak serba salah untuk menjawab soalan-soalan yang menghendaki jawapan yang panjang dan mendalam itu, sedangkan masanya amat terbatas.

Dalam masa perbualan sambil menghadapi jamuan pada malam itu, di sekitar ceramah saya dan juga soalan-soalan dan jawapan yang saya berikan dengan ringkas; suatu cadangan yang amat baik telah dengan tiba-tiba disuarakan oleh Tan Sri Muhammad Hanif Omar sendiri yang merupakan suatu daya utama darinya yang amat baik, untuk saya mengulas dan menganalisa "Islam" untuk menjadikan bahan bacaan pegawai-pegawai polis khasnya, dan orang ramai amnya. Oleh kerana cadangan itu tidak ada siapa yang akan mengatakannya tidak baik, maka saya terus memberi kesanggupan untuk mengusahakannya. Inilah detik bermulanya peristiwa yang membawa kepada lahirnya buku ini.

Oleh kerana usaha untuk menyusun sebuah buku tentang Islam dalam bentuk yang agak menyeluruh dan agak mendalam bukanlah suatu usaha yang mudah dan ringan. Maka Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, telah memberi perhatian khusus, kepada rancangan menyediakan buku ini. Dengan membentuk suatu sidang pengarang yang terdiri daripada saya sendiri sebagai ketua dan dianggotai oleh:

Ustaz Haji Hassan Haji Salleh
Dr. Sidi Ghazalba dan
Ustaz Sulaiman Yasin.

Kami telah menerima tugas tersebut yang merupakan suatu amanah khusus untuk ditunaikan sekadar yang terdaya. Untuk menyempurnakan tugas ini, kami telah mengusahakan hingga lahirnya buku yang kami namakan "Manusia dan Islam".

Seperti yang diperkatakan tadi bahawa Islam adalah agama Allah yang diturunkan kepada manusia sebagai suatu amanah, yang tidak disanggupi oleh semua makhluk, kecuali manusia; kita adalah manusia, maka di atas bahu kita tertanggung amanah itu.

Dalam kitab tafsir al-Qurtubi juga ada diterangkan (maksudnya): Ketika Nabi Adam hampir menemui ajalnya, ia ingin melepaskan amanah yang ditanggung selama hidupnya kepada makhluk-makhluk semuanya untuk dipikulkan selepasnya. Akan tetapi tidak ada siapa pun dari makhluk-makhluk Allah itu yang sanggup menerima amanah tersebut, melainkan anak-anaknya.

Maksud anak-anaknya itu ialah keturunannya, yang termasuk kita juga. Di atas bahu kita sekarang tertanggung amanah Allah yang amat berat itu. Untuk itu, bagaimana kita hendak melaksanakan amanah tersebut jika kita belum mengetahui apakah bentuk amanah itu. Bagaimana caranya menunaikan amanah itu? Apa jadi kalau amanah itu tidak ditunaikan? Apa ganjaran dan balasan kepada orang yang melaksanakan amanah itu? Adakah manusia semua telah melaksanakan tanggungjawabnya terhadap amanah itu?

Untuk semua persoalan seperti inilah buku ini disusun dengan cara yang mudah melalui peringkat demi peringkat. Bahagian demi bahagian untuk memudahkan kita memahami perkara-perkara pokok dari persoalan *Manusia dan Islam.*

Peringkat pertama: Buku ini mengupas tentang manusia. Dari Allah manusia datang untuk Allah dia dihidupkan kepada Allah ia akan kembali. Allah berfirman ringkas tetapi padat menyimpulkan persoalan ini dengan firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُوْنِ

Terjemahan: Dan (ingatlah!) Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Al-Zariyat 51:56)

Beribadat dalam ayat tersebut mempunyai erti yang luas, bukan hanya beribadat dalam erti kata yang sempit yang lumrah difahami. Manusia dalam konteks ini adalah khalifah Allah yang bertugas untuk merealisasikan agamanya. Menyelesaikan tanggungjawab menurut yang semestinya sebagai pemegang amanah Allah.

Peringkat kedua: Setelah makhluk yang bernama manusia itu mengetahui tentang dirinya sebagai khalifah Allah, maka persoalan agama dengan sendirinya timbul. Apa itu agama? Apakah yang diberikan oleh agama kepada manusia? Apa hubungan antara manusia dengan agama? Perlukah manusia kepada agama? Semuanya diterang dalam bahagian ini. Persoalan perlukah manusia kepada agama diberi perhatian khusus dalam buku ini, bukan sahaja dapat dibaca kupasan tentang persoalan itu secara ringkas di bahagian awalnya, tetapi suatu kupasan yang saintifik disertakan di akhir bahagian ini sebagai suatu bahagian khusus yang penting untuk yang berminat mendalami hal-hal seperti itu.

Peringkat ketiga: Manusia amat perlu kepada agama, manusia dan agama adalah seperti irama dengan lagu, jasad dan roh. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Jika dipisahkan maka kakulah dia. Manusia sejak dahulu hingga kini, walaupun di mana sahaja, sudah pasti ia beragama, kerana perasaan keagamaan itu merupakan suatu fitrah atau tabiat semula jadi yang pada umumnya tidak boleh dipisahkan.

Agama memang banyak. Agama apakah yang benar-benar cocok dengan manusia? Agama apakah yang paling besar dari semua agama? Agama apakah yang paling mampu memberi petunjuk untuk kebahagiaan manusia? Allah s.w.t. menjawab:

إِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ الْإِسْلَامُ

Terjemahan: Sesungguhnya agama yang sebenar di sisi Allah ialah Islam.

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلٰمِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الْخٰسِرِيْنَ

Terjemahan: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat (kelak) dari orang-orang yang rugi.

(Ali 'Imran 3:85)

Agama Islam adalah agama fitrah, iaitu agama yang suci lagi sesuai dengan tabiat semula jadi manusia. Allah s.w.t. berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللهِ ذٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُوْنَ .

Terjemahan: Setelah jelas kesesatan syirik itu maka hadapkanlah dirimu (Engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ''agama Allah'' iaitu agama yang Allah mencipta manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya lagi) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(Al-Rum 30:30)

Peringkat keempat: Setelah manusia mengenali Islam dengan jelasnya, manusia wajib beriman dengan Allah dan mesti melengkapkan diri dengan ciri-ciri iman itu sepenuhnya. Dari iman itu sudah pasti lahirlah amal. Sebagai pernyataan daripada iman tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَيْسَ الْإِيْمَانُ بِالتَّمَنِّيْ وَلٰكِنْ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ

Terjemahan: Iman itu tidaklah (cukup) dengan berangan-angan dan berkata-kata sahaja, akan tetapi mestilah dengan keyakinan yang bulat di hati dan diikuti dengan amalan-amalan yang sesuai dengan iman itu.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunnah)

Untuk beramal menurut kehendak iman, maka ibadat-ibadat disyari'atkan. Iman merupakan roh bagi Islam dan amal ibadat itu merupakan jasad baginya. Iman dan amal tidak boleh dipisahkan. Jika dipisahkan layulah iman, rosaklah amal. Apabila iman telah layu dan amalan telah rosak maka kakulah Islam dan pudarlah ia.

Ibadat dalam erti kata yang luas menjadi sendi-sendi utama untuk membangunkan Islam. Itulah tanggungjawab manusia untuk menunaikan amanah besar yang dipertanggungkan tadi, iaitu amanah yang diberikan kepada manusia untuk menegakkan agama; dengan tertegaknya agama maka tertegaklah moral Islam yang berdasarkan nilai-nilai yang ditetapkan oleh Allah. Moral Islam adalah moral sejati untuk menjamin kestabilan hidup manusia umumnya.

Agama tidak akan tertegak kalau sekadar menunaikan kewajipan fardu 'ain sahaja. Menegakkan agama mestilah di samping menunaikan fardu 'ain itu, fardu kifayah juga mesti ditunaikan bersama, kerana fardu kifayah itu amat besar peranannya untuk menegakkan Islam dan umatnya. Menegak dan meneguhkan ekonomi orang Islam adalah fardu kifayah. Mendirikan gedung-gedung perniagaan dan perusahaan yang diusahakan oleh orang Islam adalah fardu kifayah. Membangun institusi-institusi pengajian dalam bentuknya yang sesuai untuk mengeluarkan orang Islam yang beriman dan beramal salih, serta berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanahair, adalah fardu kifayah. Membentuk, mewujud dan mentadbirkan sebuah masyarakat Islam dalam erti kata yang sebenarnya adalah fardu kifayah dan lain-lain lagi yang menjadi keperluan umat Islam untuk terus tegak dan teguh umat itu adalah fardu kifayah.

Semua fardu kifayah itu jika tiada siapa yang menyempurnakannya, maka dosanya akan ditanggung oleh keseluruhan umat Islam.

Selagi tidak tertegak perkara yang disabdakan oleh junjungan besar Muhammad s.a.w. (terjemahan): *Islam itu amat tinggi dan tidak ada lagi lebih tinggi darinya,* maka selama itu amanah Allah tidak tertunai. Apabila amanah itu tidak tertunai, maka dosanya ditanggung oleh seluruh umat Islam. Masing-masing bertanggung-jawab di hadapan Allah apabila dipersoalkan tanggungjawab itu kepadanya.

Peringkat kelima: Setelah manusia mengenali hakikat dirinya, sudah mesti ia akan menerima Islam dan beriman dengan Allah, kerana yang menghalang manusia dari beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya adalah kejahilan. Lantaran kejahilan juga manusia menjadi bongkak dan takbur hingga tidak mengenali Allah yang menciptanya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا دِيْنَ لِمَنْ لَا عَقْلَ لَهُ

Terjemahan: Tidak ada agama bagi orang yang tidak mempergunakan akal.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Apabila iman telah bertapak dan subur di dada maka terpandulah manusia berdasarkan implikasi iman yang terpancar melalui petunjuk Allah. Manusia yang beriman sentiasa mencari petunjuk itu. Ia penuh yakin bahawa hanya petunjuk Allah sahaja yang akan dapat menyelamatkan dirinya, masyarakat dan negaranya dari sebarang ancaman dan kecelakaan.

Bagi memimpin dan memandu manusia, Allah s.w.t. menurunkan peraturan dan undang-undang yang menjadi garis panduan manusia supaya sentiasa merapatkan hubungan antara manusia dengan Allah dan dengan sekaligus memperkukuhkan hubungan antara manusia sesama manusia. Segala peraturan dan undang-undang walau bagaimana tinggi nilainya sekalipun, jika tidak dilaksanakan maka tidak ada gunanya undang-undang itu. Undang-undang Allah tidak ada yang kurang dan cacat kerana undang-undang itu datang dari Allah yang Maha Sempurna lagi Maha Bijaksana. Allah Maha Mengetahui keperluan manusia maka dianugerahkan kepadanya apa jua yang amat diperlukannya.

Bagi melaksanakan undang-undang Allah ini, Rasulullah s.a.w. diperintah oleh Allah s.w.t. supaya mendirikan sebuah

pemerintahan di Madinah dalam tahun pertama hijrah bagi melaksanakan undang-undang dan peraturan hanya tersimpan di celah-celah lipatan buku dan kitab sahaja.

Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap dan sempurna dapat dilihat apabila selesai mengikuti buku ini hingga tamat. Sekurang-kurangnya dapat dirasakan bahawa Islam bukan sahaja mengatur individu beribadat kepada Allah sahaja, tanpa menghiraukan dunia; malahan Islam mengatur masyarakat dan negara dalam segala aspek kehidupan yang diperlukan oleh manusia. Islam mampu memberi keselesaan hidup dan kebahagiaan yang sebenar yang amat diperlukan oleh makhluk yang bernama insan seluruhnya.

Bahagian manusia dan masyarakat sebagai terakhir dari buku ini akan diperlihatkan betapa luasnya bidang Islam dan masyarakatnya. Segala-galanya telah diaturkan oleh Islam. Akan tetapi hanya sebahagian sahaja dari persoalan itu yang dapat dikupas, sesuai dengan bentuk buku ini. Untuk lebih mendalami bahagian ini silalah rujuk bahan-bahan rujukan yang disebutkan dalam senarai rujukan.

Oleh kerana yang mengarang buku ini bukan seorang sahaja, maka sudah pasti akan didapati di dalamnya ada beberapa pengulangan bagi hal yang sama. Sebenarnya penyelarasan telah dibuat dan sememang disengajakan pengulangan itu berlaku, kerana dipandang dari segi mustahaknya perkara-perkara seumpama itu diulangi di tempat yang lain dalam konteks dan olahan yang berlainan, dengan tujuan untuk memantapkan kefahaman terhadap perkara itu.

Kepada Allah dipohonkan restu dan doa semoga semuanya mendapat keampunan dan rahmat Ilahi, dan kepada-Nya juga dipohonkan taufiq dan hidayah. Semoga usaha ini diberkati Allah.

Prof. Dr. Haron Din
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

I

MANUSIA DAN AGAMA

Hakikat Manusia

Walaupun manusia telah mengkaji dan mencari-cari dan akan terus mengkaji dan mencari hakikat dirinya, hasil daripada naluri ingin mengetahui yang telah sedia ada dalam dirinya, namun manusia tetap tidak akan mengenal dirinya selama manusia itu tidak mahu menerima hakikat kejadian dirinya seperti yang dikemukakan oleh Maha Penciptanya.

Yang mencipta itulah yang mengetahui, maka lojiknya ialah bahawa Allah yang mencipta manusia Dialah sahaja yang mengetahui hakikat kejadian diri manusia:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Terjemahan: Tidakkah Allah yang mencipta sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Dia amat halus urusan tabir-Nya, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya!

(Al-Mulk 67:14)

هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ
أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى

Terjemahan: Dia (Allah) lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Dia menjadikan kamu (berasal) daripada tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai-bagai peringkat dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih daripada dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang yang bertaqwa.

(Al-Najm 53:32)

Allah yang mencipta manusia, maka Dialah yang mengetahui asal kejadiannya, kelemahan-kelemahan dan kesempurnaannya, tugas dan risalahnya, kedudukan dan jawatannya, matlamat daripada kewujudan dan falsafah hidupnya, juga mengetahui tentang kepastian daripada kehidupannya yang abadi. Walaupun manusia telah, sedang, dan akan terus mencari untuk mengetahui ciri-ciri tersebut namun pengetahuan mereka jauh sekali daripada kesempurnaan dan ketepatan seperti pengetahuan atau pengenalan yang dikemukakan oleh Maha Pencipta alam semesta dan Maha Pencipta manusia.

Hakikat Kejadian Manusia

Menurut al-Qur'an sebagai kalamu'lLah yang disampaikan kepada manusia menerusi Rasul dan Nabi-Nya telah menegaskan bahawa manusia dicipta oleh Allah daripada dua unsur jasmani dan unsur rohani.

Unsur Jasmani

Al-Qur'an telah menceritakan secara terperinci tentang proses kejadian manusia sama ada manusia yang pertama (Adam) ataupun zuriat keturunannya, dari sudut unsur jasmaninya.

Tentang proses kejadian Adam al-Qur'an telah menyebutkan beberapa istilah-istilah:

1. Daripada air

2. Daripada tanah (*al-Turab*)

مِنَ التُّرَابَ

3. Daripada pati tanah

سُلاَلَةٍ مِنْ طِيْنٍ

4. Daripada tanah *tin* yang liat dan sebati

مِنَ الطِّيْنِ اللاَّزِبِ

5. Daripada tanah yang panas dan berbatu

مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ

6. Daripada tanah yang keras seperti tembikar

مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ

7. Daripada tanah bumi

مِنْ الأَرْضِ

8. Menjadikan bentuk — rupa

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ

Tentang proses kejadian zuriat keturunan Adam pula al-Qur'an menjelaskan begitu terperinci melalui istilah:

1. *Janin* dalam perut ibu kamu

أَجِنَّةٌ فِيْ بُطُوْنِ أُمَّهَاتِكُمْ

2. Zuriat keturunannya daripada pati air yang hina

سُلاَلَةٍ مِنْ مَاءٍ مَهِيْنٍ

3. Mencipta kamu berperingkat-peringkat

   وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا

4. Menciptakan kamu dalam perut ibu-ibu kamu seperingkat-seperingkat (ciptaan) dalam tiga kegelapan

   يَخْلُقُكُمْ فِيْ بُطُوْنِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلْقًا مِنْ بَعْدِ خَلْقٍ فِيْ ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ

5. *Nutfah* atau air benih

   نُطْفَةً فِيْ قَرَارٍ مَكِيْنٍ

6. Air mani

   مَنِيٍّ يُمْنَى

7. *'Alaqah*

   عَلَقَةً

8. *Mudghah*

   مُضْغَةً

9. Tulang

   عِظَامًا

10. Daging

    لَحْمًا

11. Satu ciptaan lain
    (dalam bentuk manusia)

    خَلْقًا آخَرَ

12. Menyempurnakan penciptaan bentuk rupa manusia

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ

Ringkas dan jelasnya bahawa unsur jasmani manusia dicipta daripada tanah di bumi. Ilmu Sains telah membuktikan bahawa terdapat dalam diri manusia unsur-unsur yang juga ada pada bumi. Walaupun penemuan sains itu tidak boleh dianggap hakikat ilmiah yang mutlak sehingga dapat mentafsirkan hakikat al-Qur'an dengan tepat, namun ia dapat menjelaskan sebahagian daripada hakikat al-Qur'an yang mutlak dan sempurna.

Oleh kerana asal kejadian manusia dari sudut unsur jasmani itu ialah daripada tanah maka segala tuntutan-tuntutan dan keperluan hidup yang bersifat jasmani adalah juga daripada tanah. Tuntutan dan keperluan hidup manusia yang bersifat jasmani terkumpul dalam tiga perkara pokok: Makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan, kediaman dan keamanan. Hakikat ini dibayangkan oleh al-Qur'an:

فَقُلْنَا يَآدَمُ إِنَّ هٰذَا عَدُوٌّ لَكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰ إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ

Terjemahan: Maka Kami berfirman: "Wahai Adam! Sesungguhnya (iblis) ini musuh bagimu dan bagi isterimu; oleh itu, janganlah ia menyebabkan kamu berdua keluar dari syurga, kerana dengan yang demikian engkau (dan isterimu) akan menderita. Sesungguhnya telah dikurniakan berbagai nikmat bagimu, bahawa engkau tidak akan lapar dalam syurga itu, dan tidak akan bertelanjang. Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam syurga itu, dan tidak akan merasa panas matahari."

(Taha 20:117–119)

Tidak keterlaluan, kalau dikatakan bahawa fabrik-fabrik dan kilang-kilang industri di dunia ini tidak terkeluar daripada me-

nyediakan tuntutan dan keperluan jasmani manusia semata-mata. Manusia yang hanya mengakui unsur jasmaninya sahaja dalam hidupnya, itulah yang disebut manusia kebendaan. Manusia ini tidak lebih daripada benda, bahkan lebih rendah daripada benda, kerana manusia yang selayaknya menjadi tuan kepada benda, yang menguasai benda telah menurun kepada taraf hamba benda yang dikuasai oleh benda. Manusia kebendaan ini adalah manusia yang ingin mahu kekal di dunia. Mereka ini diumpamakan oleh al-Qur'an sebagai anjing yang sentiasa termengah-mengah dalam keadaan yang menjelirkan lidah. Sama ada dihalau atau dibiarkan ia tetap menjelirkan lidah dan termengah-mengah. Islam didatangkan kepada manusia ialah untuk memelihara manusia supaya kekal dalam tahap keinsanan atau kemanusiaannya menepati dengan kedudukan yang termaktub dalam perlembagaan Ilahi. Menurut yang telah ditetapkan oleh Islam bahawa unsur jasmani serta tuntutan dan keperluan jasmani atau kebendaan itu hanyalah sebagai jalan atau *wasilah* kepada unsur rohani. Jasmani atau kebendaan hanyalah alat, atau khadam atau kenderaan untuk mencapai matlamat rohani atau kerohanian.

Unsur Rohani

Adapun tentang unsur kerohanian maka al-Qur'an menegaskan:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيْهِ مِنْ رُّوحِي فَقَعُوْا لَهُ سٰجِدِيْنَ

Terjemahan: Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tutupkan padanya roh daripada (ciptaan-Ku) maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

(Al-Hijr 15:29)

Dalam ayat-ayat yang disebut di atas Allah hanya menegaskan bahawa Allah telah meniupkan daripada roh-Nya pada jasmani Adam atau jasmani zuriat keturunannya setelah dijadikan bentuk rupanya sebagai insan, (adalah insan yang serupa bentuk insan kini) Allah telah tidak menceritakan kepada kita tentang cara atau kaifiyat Allah meniupkan daripada roh-Nya itu. Cara atau kaifiyat ini dirahsiakan oleh Allah yang hanya menjadi hak keistimewaan-Nya

sahaja sebagai Tuhan Maha Pencipta. 'Aqidah yang benar dan terjamin selamat ialah bahawa Allah telah meniupkan daripada roh-Nya dengan cara atau kaifiyat yang layak dengan keagungan Allah, dengan kemahasucian Allah, dan dengan kesempurnaan Allah. Kita tidak selayaknya dan tidak seharusnya mempergunakan akal kita atau memaksa akal kita untuk mengkaji dan mencari jawapannya, kerana Allah yang Maha Pencipta manusia sendiri tidak pun membayangkan keharusan akal untuk mengharunginya. Ini tidak bererti Islam merendahkan daya kemampuan akal manusia, tetapi sebaliknya dengan tindakan ini Islam telah menghormati akal manusia dengan meletakkan akal pada batas daerah kemampuan serta menegaskan batas daerah yang di luar kemampuannya. Persoalan bagaimana Allah telah meniupkan daripada roh-Nya adalah persoalan yang di luar daripada kemampuan akal manusia.

Daripada nas-nas yang dibentangkan oleh Allah tadi terbukti dengan jelas bahawa manusia dicipta daripada dua unsur. Jasmani yang berpunca daripada tanah dan kedua dari unsur rohani yang berpunca daripada urusan ketuhanan, atau dari alam ketinggian dan kekudusan, dari sisi Allah. Cantuman daripada dua unsur yang berbeza dan berlainan tabiat, sumber, dan arah matlamat terciptalah insan atau manusia dengan kekuasaan dan iradah Allah.

Tuntutan Rohani

Sebagaimana unsur jasmaninya mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kejasmaniannya, maka demikian juga unsur rohaninya mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya. Sebagaimana tuntutan jasmani itu berpunca daripada tanah, maka demikianlah juga tuntutan rohaninya itu berpunca daripada alam ketinggian dan kekudusan; iaitu terangkum pada 'aqidah, akhlak dan pengabdian; atau ringkasnya yang tersimpul dalam kalimah: ISLAM.

Menepati dengan hakikat ini Allah menegaskan bahawa agama Islam itu adalah fitratullah atau fitrah semula jadi manusia. Yang bererti Allah menjadikan manusia daripada tiada dan menciptakan pula agama Islam untuk panduan hidupnya, sebagai suatu cara hidup yang lengkap sempurna, sesuai dengan tabiat semula jadi manusia itu sendiri.

Keindahan dan Kesempurnaan Insan

Allah menegaskan kejadian insan adalah sebaik dan seindah kejadian (فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ) iaitu keindahan yang dikehendaki ialah keindahan dalam kedua-dua unsurnya, jasmani dan rohani. Bentuk lahir atau jasmaninya memang telah indah dan sempurna. Bentuk keindahan ini secara langsung adalah daripada ciptaan Allah. Tetapi keindahan dalam bentuk lahirnya yang diistilahkan oleh al-Qur'an (الخَلْق) itu belum menepati keindahan dan kesempurnaan insan seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Penciptanya. Keindahan dan kesempurnaan insan juga memerlukan pembentukan keindahan rohani yang diistilahkan oleh al-Qur'an dengan (الخُلُق) atau (الخُلْق). Keindahan *"al-Khalaq"* memerlukan keindahan *"al-Khuluq"* supaya ia benar menepati dengan *"fi ahsani taqwim/* dalam sebaik-baik kejadian". Tanpa keindahan *"al-Khuluq"* dan keindahan rohani maka manusia akan jatuh ke taraf "yang paling rendah dari segala yang rendah".

Untuk mendapatkan keindahan rohani maka usaha itu diserahkan kepada manusia supaya membentuk kerohaniannya atau keperibadiannya itu mengikut "acuan" yang telah ditentukan oleh Allah Maha Penciptanya. Ringkasnya manusia hendaklah meleburkan unsur kerohaniannya ke dalam "Acuan Allah".

Kesimpulan: Walaupun manusia dicipta daripada dua unsur yang berbeza dan bercanggah, tetapi dengan kekuasaan Allah yang memiliki unsur-unsur dan undang-undangnya telah mencantumkan kedua-dua unsur tersebut dalam satu bentuk kejadian yang dinamakan manusia. Kegiatan kedua-dua unsur tersebut hanya akan dapat melukiskan "ciptaan" seni hidup yang indah dan bernilai jika berpandukan acuan yang telah ditentukan oleh Maha Penciptanya. Tanpa panduan daripada formula atau kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Allah Maha Penciptanya maka sudah pasti akan melahirkan lukisan hidup yang tidak seni dan tidak bernilai yang akan mengisi tamadun manusia.

Permusuhan Iblis dan Syaitan

Di antara dua unsur tadi maka unsur rohani atau sudut kerohanian itulah yang menjadi tumpuan iblis dan syaitan. Perang

habis-habisan yang diisytiharkan dan memusnahkan jasmani insan tetapi unsur rohani inilah yang menjadi hiasan kepada 'aqidahnya, akhlaknya, dan ibadah serta pengabdiannya. Inilah yang sewajibnya disedari oleh manusia tentang hakikat permusnahan manusia yang abadi. Perjuangan musuh manusia yang tidak mengenal jemu dan bosan itu akan menyesatkan, menyelewengkan, menipu dan mengelirukan manusia daripada hakikat yang sebenar dalam tiga perkara pokok: 'aqidah, akhlak dan pengabdian.

Manusia Dicipta dalam Bentuknya yang Indah dan Sempurna Sejak Awal Mulanya

Pembicaraan tentang asal mula kejadian atau ciptaan manusia bukan suatu perkara yang tunduk kepada bukti-bukti yang berasaskan kepada percubaan dan pemerhatian pancaindera, kerana secara keseluruhannya masalah asal kejadian manusia merupakan masalah sejarah yang tidak dapat dipraktikkan padanya metod pemikiran dan daya pengamatan batin yang bersifat *filosopical* atau *transcendental*. Kedua-duanya merupakan bukti yang masih dalam taraf jangkaan atau hipotesis yang tidak dapat dijadikan asas yang konkrit untuk membina satu 'aqidah yang pasti dan yakin.

Jika Allah tidak menceritakan dalam kitab-Nya secara pasti tentang masalah tersebut nescaya tidaklah kita wajib berpegang atau mempercayai dengan apa pun juga pendapat yang berhubung dengannya. Akan tetapi oleh kerana perkara ini merupakan "Perkhabaran" yang benar dan mutawatir (yang yakin) melalui berita yang disampaikan oleh Allah kepada Rasul-Nya dalam al-Qur'an maka adalah menjadi satu kewajipan untuk kita mempercayainya yang tidak boleh disyak dan diragukan. Allah berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Terjemahan: Sesungguhnya telah Kami (Allah) menciptakan (jenis) manusia itu dalam sebaik-baik cara kami menjadikan sesuatu berkelengkapan sesuai dengan keadaannya.

(Al-Tin 95:4)

Firman-Nya lagi:

يَا اَيُّهَا الإِنْسَانُ مَاغَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيْمِ. الَّذِيْ خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ

Terjemahan: Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang amat Pemurah? Tuhan yang telah mengaturkan kejadianmu lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya diadakan anggota itu) serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya).

Ertinya mencipta manusia dalam kedudukannya yang berdiri lurus dan dalam sebaik-baik bentuk dan rupa kejadian.

خَلَقَ اللهُ آدَمَ عَلَى صُوْرَتِهِ

Terjemahan: Allah mencipta Adam atas gambarnya, iaitu gambar Adam.

Maksudnya bahawa Adam sejak diciptanya oleh Allah adalah mengikut bentuk kejadian seperti awal mulanya ia dicipta; bukanlah berkembang daripada satu bentuk kepada suatu bentuk yang lebih sempurna.

Berdasarkan kepada hakikat ini maka wajiblah diketahui bahawa manusia tetap dalam bentuknya seperti bentuk asal mula diciptakannya, tidak berubah sepanjang perkembangan sejarahnya, walau dalam apa pun perkembangan atau evolusi jenisnya, seperti yang pernah diperkatakan.

Kedudukan Teori Evolusinime atau Darwinisme

Kepercayaan ini seperti yang diputuskan oleh al-Qur'an dan Hadith adalah bertentangan dengan satu teori evolusinisme yang berasaskan kepada hipotesis sejarah, yang menegaskan bahawa manusia berkembang melalui rantai perkembangan jenis kejadian daripada bentuknya yang bersahaja dengan bentuknya yang komplikasi,

yang primitif kepada bentuknya yang maju, sama ada dari segi fizikalnya mahupun pemikirannya.

Sikap seorang muslim terhadap pendapat ini ialah bahawa pendapat yang dikemukakan oleh al-Qur'an adalah merupakan hakikat ilmiah atau teori Ilahi yang hak dan yakin, kerana al-Qur'an bukan kata-kata yang diada-adakan oleh Muhammad. Al-Qur'an ialah Kalamu'llah. Tuhan mencipta alam semesta dan mencipta manusia, maka Dialah sahaja yang Maha Mengetahui tentang hakikat kejadian manusia yang dicipta-Nya. Al-Qur'an juga adalah perkhabaran yang yakin yang mutawatir (iaitu yang sampai kepada kita secara sambung-bersambung tanpa ada jarak yang memutuskan) secara sah dan yakin seperti yang terbukti secara ilmiah dalam 'aqidah Islam.

Pendapat Darwinisme pula merupakan satu hipotesis ataupun sejauh yang dapat dikatakan merupakan satu teori yang masih belum mendapat sokongan dan dokongan bukti-bukti ilmiah. Teori yang didakwa oleh Darwin ialah bahawa segala alam haiwan adalah berasal daripada satu sahaja, kemudian dari asal yang satu itu telah berkembang kepada berbagai jenis mengikut keadaan alam sekitar dan suasana sekeliling termasuklah manusia.

Teori ini diasaskan kepada beberapa pendapat:

Pertama: Penyesuaian antara hidup-hidupan dengan alam sekitar. Untuk lebih jelas kita kemukakan contoh: Manusia di kutub utara berbadan gemuk dan memerlukan banyak bahan minyak untuk menahan hawa sejuk sementara manusia di kawasan yang berdekatan dengan garis khatulistiwa berbadan kurus dan lampai. Binatang yang hidup di dalam gua yang gelap penglihatannya tidak terang, tenaganya pun lemah kerana jarang digunakan, tetapi binatang yang hidup di kawasan yang terdedah kepada cahaya penglihatannya sangat kuat. Demikian juga mulut binatang serta kulitnya bersesuaian dengan keadaan hawa dan udara tempat ia hidup. Mulut tersebut akan disediakan sama ada dengan gigi atau paruhnya ataupun dengan belalai, atau alat seperti gergaji atau seumpamanya mengikut keperluan dan keadaan alam sekitarnya. Begitulah juga tentang bentuk kakinya atau

tangannya. Ada yang panjang, ada pendek, ada yang jelas dan ada tersembunyi. Kaki atau tangan itu sama ada berjari-jari atau kepak, atau pengayuh atau seumpamanya mengikut keperluan dan keadaan alam sekitar. Adapun kulit-kulitnya pula sama ada kasar dan kesat atau licin, sama ada berbulu, berambut, bersisik, yang juga sesuai dengan keperluan dan keadaan alam sekitar.

Kedua: Kesamaan antara hidup-hidupan. Kesamaan ini ternyata pada hujung jari-jarinya, jantungnya, alat penghadamnya, tulang-tulang dan urat-urat pepejal, alat kelamin, alat peranakannya seperti terbukti daripada ilmu pembedahan.

Ketiga: Perkembangan benih dalam rahim, bermula daripada *'alaqah,* kepada *Mudghah* hinggalah kepada bentuknya yang sempurna. Ini dapat dibuktikan daripada usaha kaji gali purba yang menemui tengkorak manusia yang bentuknya serupa dengan tengkorak jenis kera.

Keempat: Dakwaan bahawa perkembangan itu semua berlaku dan perlu huraian yang lebih dorongan dalam diri setiap jenis tanpa campur tangan kuasa luar dari dirinya.

Alasan-alasan yang dijadikan bukti itu adalah alasan yang tidak konkrit. Alasan pertama yang mengatakan penyesuaian antara hidup-hidupan dengan keadaan alam sekitar hanya merupakan penyesuaian lahir yang berkaitan dengan kulit rambut, bulu, hujung-hujung jari kaki dan tangan, bukannya perubahan pada hakikat ciptaan dan bukannya pertukaran dan perpindahan daripada satu jenis haiwan kepada satu jenis yang lain, kerana perubahan dan kejadian satu jenis haiwan kepada satu jenis yang lain, berkaitan dengan intipati benih asalnya atau titisan air maninya. Sains telah menemui hakikat ini; iaitu bahawa setiap jenis binatang atau haiwan mempunyai struktur yang asasi dan berbeza dalam sel pertamanya yang mempunyai kadar bilangan kromosom yang tetap dan tidak berubah. Benih setiap jenis haiwan mempunyai kadar bilangan kromosom yang berbeza. Selama bilangan itu tidak berubah maka tidak mungkin jenis haiwan akan berubah. Ini adalah hakikat ilmiah yang tidak siapa pun dapat menafikan. Dengan hakikat ilmiah ini

dapatlah dibezakan antara *nature* yang ada pada air benih, juga antara tabiat yang ada pada setiap jenis haiwan itu dengan pendapat Darwin; iaitu pendapat yang didasarkan kepada perkembangan bentuk lahirnya yang tidak ada kaitan langsung dengan perubahan jenis. Perubahan sel-sel manusia yang disebut *Epithelium*, atau perubahan yang berlaku pada dimensi-dimensi yang lahir, panjang, pendek, gemuk dan kurus yang selaras dengan keperluan dan keadaan alam sekitar itu pada hakikatnya bukanlah perubahan sel-sel air benih atau air mani setiap jenis yang menjadi syarat kepada perubahan setiap jenis haiwan.

Ternyatalah perbezaan yang amat bercanggahan antara hakikat yang dipastikan oleh sains dengan jangkaan atau haipotesis yang hanya diasaskan kepada pemerhatian yang umum dan mendatar.

Sebaliknya persesuaian antara setiap makhluk dengan keadaan alam sekitarnya: antara alat perasanya dengan keperluannya adalah menjadi bukti yang konkrit atas kewujudan Tuhan Maha Pencipta yang memberikan setiap sesuatu yang dicipta-Nya itu (bentuk) ciptaan-Nya kemudian memberikannya hidayat-Nya, juga merupakan satu seruan yang nyata yang membuktikan wujudnya Allah Maha Pencipta yang Agung melalui ciptaan-Nya. Pentadbir-Nya, dan Penyesuaian-Nya, supaya dapat menyediakan kepada setiap yang hidup itu segala sebab dan kelengkapan untuk pengekalan hidup dan kewujudannya.

Alasan kedua yang menegaskan adanya kesamaan antara semua yang hidup ini membuktikan bahawa semua jenis hidup-hidupan itu berasal daripada satu. Alasan ini dapat ditolak:

Pertama: Suatu pendirian yang sepakat diakui oleh semua pihak bahawa segala yang hidup ini adalah lahir daripada tanah. Jelasnya berasalkan daripada air dan tanah. Jika terdapat adanya kesamaan asal dan bahannya dan sama-sama mempunyai undang-undang kehidupan yang umum, adakah ini merupakan suatu keganjilan? Malahan sebaliknya yang menyebabkan keganjilan ialah tidak adanya kesamaan tersebut. Jadi adanya kesamaan yang lahir pada jenis haiwan itu ialah kerana bahannya yang sama yang berasal daripada air dan tanah, bukan kerana perkembangan daripada satu jenis kepada jenis yang lain.

Kedua: Adanya kesamaan dari segi bentuk lahirnya tidak boleh dijadikan bukti atas kelahiran setiap jenis haiwan dari jenis yang lain melainkan kepada orang yang pendek fikiran dan pandangan. Kepada orang ini boleh diumpamakan seperti orang yang memerhatikan jenis-jenis kenderaan yang banyak dan mempunyai gejala-gejala kesamaannya seperti pada rohnya, bentuk rekaannya dan enjinnya yang juga mempunyai persamaan dari segi sistem dan formulanya. Maka dengan mudah mengatakan kereta lembu telah melahirkan kereta kuda, kemudian yang melahirkan pula berbagai jenis kereta yang lain, seterusnya telah melahirkan keretapi. Asalnya satu tetapi kemudian berbeza dalam berlainan jenisnya kerana disebabkan keperluan masa dan keadaan alam sekelilingnya bukan kerana adanya campur tangan dari luar.

Adapun pada orang yang berakal fikiran dan mempunyai pandangan yang luas akan mengatakan bahawa perkembangan jenis kereta itu adalah hasil daripada kuasa luar bukan daripada kereta-kereta itu sendiri. Demikian juga daripada ciptaan orang yang bijak dari susunan seorang jurureka yang mahir, bukanlah daripada kelahiran jenis kereta yang sebelumnya. Adalah mustahil pada nilaian hukum akal bahawa jenis-jenis kereta itu mempunyai daya akal yang berfikir, mengatur dan menyusun, kemudian berubah dan berkembang lalu melahirkan jenis-jenis yang lain sesuai dengan keperluan masa dan mengikut satu matlamat yang tertentu dan satu pelan yang dirancangkan. Samalah juga keadaannya dengan sel-sel asal kejadian pada alam binatang atau tumbuhan-tumbuhan. Adalah mustahil sel-sel itu boleh berfikir, boleh mentadbir, boleh mengatur dan menyusun, boleh berkembang dan seterusnya melahirkan berbagai jenis bentuk dan rupa mengikut perjalanan yang tertentu menuju ke arah matlamat yang telah ditentukan dan dirancangkan.

Alasan yang keempat yang didasarkan kepada andaian bahawa perkembangan jenis-jenis haiwan itu adalah dorongan dari dalam diri setiap jenis haiwan tersebut adalah suatu andaian yang ternyata amat salah.

Pertama: Andaian ini hanya semata-mata andaian yang tidak berasaskan bukti ilmiah. Kalaulah membuat andaian tanpa bukti itu

suatu yang diharuskan dalam sains nescaya setiap teori akan diterima sah dan benar.

Sejauh yang dapat diterima dari kata-kata ''Dorongan dari dalam diri ''setiap jenis'' itulah yang membuat pilihan dan tepisan yang telah menjadikan atau melahirkan jenis lain sehingga sesuai untuk mengharung hidup maka dorongan dari dalam diri itu pastilah mempunyai daya akal fikiran, mempunyai kesedaran, perasaan dan fikiran, sehingga boleh membuat rancangan mengikut peraturan yang tetap yang mempunyai matlamat yang telah ditentukan. Akal siapakah yang dapat mengatakan bahawa sel-sel mempunyai akal fikiran, mempunyai tenaga mentadbir dan mengatur, memilih dan menapis, mengubah dan membentuk, mengikut perjalanan yang begitu tersusun rapi menuju ke satu matlamatnya iaitu untuk sama-sama membina kehidupan di dunia ini?

Tidaklah lebih natural kepada kewarasan dan kesiuman akal jika dikatakan bahawa perkembangan, pemulihan, tapisan, penyusunan dan peraturan yang begitu rapi dan kukuh pada setiap jenis kejadian di alam binatang itu adalah daripada kekuasaan, kehendak, ilmu dan hikmat Maha Pencipta alam semesta ini. Dialah yang menundukkan sel-sel dalam setiap kejadian itu kepada peraturan undang-undang pertumbuhan, matlamat (sunnatullah) yang telah ditetapkan dan ditakdirkan demi untuk menunaikan iradah Allah dan alam semesta ini, demi untuk membangunkan dunia seperti yang ditegaskan secara terperinci oleh al-Qur'an.

Kesimpulannya bahawa bukti yang dikemukakan oleh Darwin untuk menegakkan teorinya adalah dalil-dalil yang berbentuk induktif bukannya dalil pemerhatian dan percubaan seperti yang disangkakan oleh setengah-setangah golongan. Ertinya Darwin tidak melihat dan menyaksikan proses perkembangan jenis-jenis kejadian ketika dilahirkan dan ketika melahirkan jenis kejadian di alam binatang.

Dalam hal ini al-Qur'an menegaskan sebagai satu hakikat yang meruntuhkan teori Darwin:

مَآ أَشْهَدتُّهُمْ خَلْقَ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنْفُسِهِمْ وَمَا
كُنْتُ مُتَّخِذَ الْمُضِلِّيْنَ عَضُدًا

Terjemahan: Aku tidak memanggil mereka menyaksi atau membantu-Ku menjadikan langit dan bumi, dan tidak juga meminta bantuan setengah-setengahnya untuk menjadikan setengah-setengahnya yang lain; dan tidak sepatutnya Aku mengambil makhluk-makhluk yang menyesatkan itu sebagai penyokong.

II

MANUSIA SEBAGAI HAMBA ALLAH

Sebagaimana Allah Maha Pencipta telah menjelaskan tentang asal kejadian atau unsur kejadian manusia, demikian juga telah menjelaskan tentang hakikat siapakah dia sebenarnya manusia itu. Hanya Dia sahaja, sebagai sifatnya Tuhan Maha Pencipta, yang layak dan berhak memperkenalkan dan menjelaskan hakikat diri manusia, kerana dengan pengenalan yang tepat dan benar kepada hakikat dirinya, menepati seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Penciptanya maka akan tepat dan benarlah sikap dan konsep hidupnya, dan akan tepat dan benarlah gerak laku perbuatan atau ''suluk amali''nya dalam perjalanan hidupnya seterusnya akan tepat dan benarlah pula matlamat hidup yang hendak dicapainya. Manakala kompas panduan hidupnya itu tepat dan benar, akan tepatlah perjalanan hidupnya, seterusnya tepat pula matlamat yang ditujunya, maka akan tepatlah hasil natijah daripada perjalanan dan perjuangan hidupnya seperti yang dijanjikan untuknya.

Demi untuk kebaikan manusia sendiri, dan demi kerana rahmat dan 'inayah Allah kepada manusia maka Allah tidak sekali-kali menyerahkan usaha untuk mengenal hakikat dirinya seperti yang ada dalam Ilmu Allah Maha Penciptanya kepada manusia sendiri yang diketahuinya mempunyai kelemahan-kelemahan dan kekurangan. Demi kerana keadilan Allah dan Rahmat-Nya, Allah tidak akan menyerahkan kepada manusia, yang sememangnya tidak akan mengetahuinya sekalipun dengan segala kemampuan kemanusiaannya yang cuba mengusahakannya sejak zaman dahulu hingga ke hari Kiamat.

Siapakah manusia itu pada hakikatnya? Manusia adalah hamba, hamba kepada Allah Maha Penciptanya, kerana setiap yang dicipta itu pada hakikatnya adalah hamba kepada yang menciptanya. Sebagai hakikatnya hamba maka ia tidak mempunyai atau memiliki dirinya, tenaganya, dan hartanya. Kesemuanya itu adalah menjadi hakmilik kepada tuannya. Jika demikian halnya jadi diri si hamba kepada manusia maka akan lebih dari itu hal diri si hamba kepada Maha Penciptanya. Hidup dan matinya, sembahyang dan nusuknya, nyawa dan hartanya, anak dan isterinya adalah hak kepunyaan Allah, yang sewajibnya diperlakukan untuk Allah dan kerana Allah.

Menepati dengan hakikat ini juga maka perjalanan hidup manusia di dunia ini akan selaras dengan perjalanan hidup segala makhluk Allah yang juga sebagai hamba, seterusnya akan selaraslah pula dengan perjalanan alam semesta seluruhnya yang juga adalah sebagai hamba Allah di bawah satu pemerintahan, satu kehakiman, satu sunnah dan undang-undang. Inilah hakikat kesejahteraan yang mengisi tamadun dunia dan tamadun manusia.

Menepati dengan hakikat ini, maka sudah pastilah manusia tunduk patuh, taat setia, mengikut dan menurut kehendak Allah Maha Penciptanya. Jelasnya manusia pastilah sujud: (السُّجُوْدُ لله) dan pastilah menyerah diri kepada Allah.

إِسْلَامُ الْوَجْهِ لله

Oleh kerana segala ciptaan di langit dan di bumi itu adalah hamba kepada Allah, maka kesemuanya mestilah sujud kepada Allah. Berikutnya kesemuanya menyerah diri kepada Allah. Jika segala ciptaan di langit dan di bumi ini pada hakikatnya menyerah diri kepada Allah, maka alangkah lebih layak dan berhak manusia itu, sebagai sifatnya hamba Allah yang istimewa itu sujud dan menyerah diri kepada Allah itulah intipati atau saripati Islam sebagai agama Allah.

وَمَنْ أَحْسَنُ دِيْنًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ

Terjemahannya: Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas).

(Al-Nisa' 4:125)

إِنِّيْ وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيْفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ

Terjemahannya: Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menjadikan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid (Mengesakan Allah) dan bukanlah aku daripada orang yang menyekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain).

(Al-An'am, 6:79)

Penyerahan diri kepada Allah meliputi:
- 'Aqidah.
- Akhlak.
- 'Ibadah.
- Syari'at.

Manusia sebagai Khalifah

Hakikat bahawa manusia sebagai hamba Allah bukanlah satu penghinaan atau satu kehinaan kepada manusia. Sebaliknya gelaran hamba Allah adalah satu gelaran yang paling tinggi kepada manusia seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam al-Qur'an, kerana itulah gelaran yang diberikan kepada setiap Nabi dan Rasul. Kehambaan diri manusia kepada Allah Maha Pencipta hakikatnya adalah kemuliaan, keagungan dan kekuatan. Perlu dihuraikan dengan lebih mendalam serta menyentuh soal pentadbiran sesama manusia yang memerlukan satu sistem tauhid. Kehinaan yang paling hina ialah kehambaan manusia kepada sesama manusia atau makhluk. Inilah yang ditentang dan cuba dibasmi oleh Islam melalui asas dan konsep tauhid. Salah satu daripada keistimewaan atau kemuliaan manusia sebagai hamba Allah ialah manusia yang sebenarnya hamba kepada Allah itu telah dianugerahkan satu tugas amanah yang tidak dipunyai oleh seluruh makhluk lainnya; iaitu Khalifatullah di muka bumi.

Manusia sebagai hamba Allah telah dilantik untuk memegang jawatan khalifah Allah. Dan perlantikan itu adalah kerana kelayakan manusia untuk memegang jawatan tersebut. Antara kelayakan tersebut ialah bahawa di antara hamba-Nya maka manusialah yang

lebih hampir kepada Allah yang melantiknya, tentang sifat-sifatnya kerana biasanya dilantik itu ialah orang yang lebih hampir kepada yang melantik demi untuk menjadi penggantinya.

Sebagai hakikat, hamba-Nya dan khalifah-Nya maka manusia tidak berhak mencipta sesuatu yang diizinkan. Sebaliknya manusia hanyalah menerima, menyampaikan dan melaksanakan apa yang telah termaktub dan tertulis.

Khalifah adalah satu keistimewaan besar yang hanya diberikan kepada manusia, dan tidak diberikan kepada malaikat, jauh lagi untuk diberikan kepada Jin. Dari sini dapat diyakini bahawa bukan setiap hamba itu layak dan berhak menjadi Khalifatullah. Seterusnya juga bukan setiap manusia yang pada hakikatnya hamba itu dengan sendirinya adalah khalifah. Walaupun dari segi hakikatnya manusia itu hamba dan khalifah Allah, namun dari segi konsep dan pelaksanaannya adalah tidak. Oleh kerana itu maka manusia yang layak dan berhak menjadi khalifah itu ialah manusia yang telah melaksanakan konsep kehambaan diri kepada Allah, dan telah melaksanakan konsep penyerahan diri kepada Allah dalam keempat-empat ciri itu:

'Aqidah.
Akhlak.
'Ibadah.
Syari'at.

Terkandung dalam pengertian khalifah ialah menguasai dan memerintah ataupun mempunyai sifat: "*al-Siyadah* atau Ketuanan". Sifat ini diakui oleh Allah dalam al-Qur'an. Sebagai khalifah manusia diberikan mandat oleh Allah seperti yang termaktub dalam perlembagaan suci al-Qur'an untuk menjadi "Tuan" ke atas segala makhluk dan segala ciptaan di atas muka bumi ini. Tetapi sifat ini bukan menjadi sifat yang istimewa dan asasi dalam tugas khalifah. Sifat tersebut hanya sebagai alat atau jalan kepada manusia untuk melaksanakan tugas khalifah tersebut.

Jika ketuanan dan kekuasaan itu digunakan bukan untuk melaksanakan tugas khalifatullah di muka bumi maka manusia itu tadi tidak layak lagi sebagai khalifah, begitu juga manusia yang menentang dan melawan, menderhaka dan memberontak kepada Allah, kepada kekuasaan Allah, kepada pemerintahan Allah, kepada

kehakiman Allah, alangkah kerdilnya manusia untuk melakukan perbuatan tersebut.

Dari sini jelaslah, perkara yang telah ditegaskan dahulu bahawa bukannya setiap hamba Allah itu dengan sendirinya atau semestinya menjadi khalifah. Walaupun manusia itu pada hakikatnya hamba tetapi oleh kerana ia tidak melaksanakan konsep pengabdian kepada Allah dalam hidupnya maka dengan sendiri ia bukan khalifah Allah. Jadi manusia yang layak dan berhak menjadi khalifatullah ialah manusia yang menerima dan mengakui kehambaan dirinya dan melaksanakan konsep pengabdian. Tegasnya konsep penyerahan diri kepada Allah.

Selaras dengan hakikat tadi maka untuk mempergunakan ketuanan dan kekuasaan yang diberikan demi untuk menguasai alam benda dan alam semesta ini bagi faedah dan kepentingan tugasnya itu, manusia memerlukan "ilmu".

Al-Qur'an dengan jelas sekali mengakui bahawa salah satu daripada asas terpenting untuk melaksanakan tugas khalifah ialah ilmu. Ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu tentang alam benda demi untuk menguasai alam benda bagi dipergunakan untuk melaksanakan tugas khalifah dan untuk melaksanakan konsep pengabdian dan penyerahan.

Pengubahan kepada kedudukan ilmu yang tersebut bererti telah mengubah kedudukannya yang tabi' dan semula jadi, yang dengan sendirinya akan mengakibatkan kepincangan, kerosakan, dan kefasadan, kerana ilmu yang selayaknya menjadi "Nur" atau cahaya sudah bertukar corak kepada ilmu yang menjadi "api" yang membahang dan memusnahkan manusia dan tamadunnya.

Kedua ialah ilmu yang menjadi asas penting kepada manusia dalam menjalankan tugas khalifah, yang menjadi kompas panduan dan menjadi tali penghubung dengan Allah yang telah meletakkan tugas amanah khalifah.

Pertama ilmu tentang alam syahadah, kedua ilmu tentang alam ghaib, atau ilmu tentang alam fizik dan ilmu tentang alam metafizik, atau ilmu tentang alam benda dan ilmu tentang Pencipta alam benda.

Itulah yang dimaksudkan dalam ayat:

وَعَلَّمَ آدَمَ الأَسْمَآءَ كُلَّهَا

Terjemahannya: Dan Dia (Allah) telah mengajarkan (Nabi) Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya.

(Al-Baqarah 2:31)

الرَّحْمٰنُ. عَلَّمَ الْقُرْءآنَ. خَلَقَ الإِنْسٰنَ. عَلَّمَهُ الْبَيَانَ.

Terjemahannya: (Tuhan) yang Amat Pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajarkan al-Qur'an. Dialah yang mencipta manusia, Dialah yang telah membolehkan manusia memberi dan menerima penyataan.

(Al-Rahman 55:1–4)

Antara dua ilmu itu ilmu al-Qur'an, atau ilmu wahyu dan kenabian pastilah diletakkan pada tempatnya yang tabi' seperti yang telah ditentukan oleh Allah iaitu sebagai asas kepada ilmu al-Bayan, atau ilmu kemanusiaan.

Kesimpulannya: Hanya dengan Islam maka manusia berhak menjadi khalifah di dunia. Tanpa Islam manusia telah menentang dan memberontak terhadap kekuasaan pemerintahan, dan kehakiman Allah. Hanya dengan Islam yang berpandukan kepada dua jenis ilmu tadi manusia akan mencapai kesejahteraan (السلام) yang menjadi saripati tamadun umat manusia. Tanpa ilmu manusia tidak akan mencapai hakikat tamadun, kerana antara Islam dengan erti kesejahteraan tidak dapat dipisahkan. Hakikat akan lebih jelas dirasakan manakala Allah menegaskan kepada umat manusia bahawa Islam itu adalah fitratullah atau sunnatullah pada alam ciptaan-Nya Islam itulah juga fitrah manusia, dan fitrah alam semesta, penafian dan keingkaran manusia kepada Islam sebagai asas falsafah tamadunnya adalah bertentangan dengan sifat fitrah kemanusiaannya, yang pasti akan mengakibatkan kerosakan dan penderitaan manusia sendiri.

Manusia dan Ujian Allah

Apakah falsafah hidup insan? Itulah salah satu soalan yang begitu menarik minat manusia bahkan menjadi bahan pemikiran manusia,

seterusnya menjadi medan untuk menonjolkan kebolehan dan kemampuan masing-masing. Sebenarnya dan pada hakikatnya bahawa asas falsafah hidup insan bukanlah ciptaan atau rekaan manusia sendiri, dan bukanlah hak manusia. Sebagaimana manusia itu dicipta oleh Allah maka falsafah hidupnya yang menepati dengan hakikat kejadian itu adalah menjadi hak Allah Maha Penciptanya. Hanya asas falsafah hidup manusia yang disediakan oleh Maha Penciptanya itulah sahaja asas falsafah hidup manusia yang konkrit, kukuh, dan sempurna.

Allah berfirman:

هُوَ الَّذِى خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْغَفُوْرُ

Terjemahannya: Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi amat Pengampun (kepada orang yang bertaubat).

(Al-Mulk 67:2)

Kehidupan insan atau manusia di dunia ini adalah untuk menerima dan menghadapi ujian Allah. Hidup dengan segala kandungannya dengan segala keadaan dan suasananya, dengan segala corak dan warnanya itu adalah ujian Allah. Inilah asas falsafah hidup manusia yang hakiki seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Penciptanya.

Ayat yang umum ini telah dijelaskan secara terperinci oleh al-Qur'an dalam ayat-ayat lain:

Segala yang di atas muka bumi adalah hiasan indah untuk menjadi ujian kepada manusia.

Pangkat dan kedudukan adalah ujian kepada manusia.

Kesenangan dan kekayaan, atau kesusahan dan kemiskinan adalah ujian kepada manusia.

Berdasarkan kepada hakikat ini maka bahawa Allah adalah penguji, manusia adalah yang diuji, dunia ini adalah medan

ujiannya, usia hidupnya adalah tempoh masa menjalani ujian, sementara segala kandungan hidup itu pula adalah bahan-bahan atau soalan ujiannya.

Semakin manusia itu tinggi, mulia, dan sempurna maka semakin besar dan hebat ujiannya. Demikian seterusnya mengikut kedudukan, pangkat, ilmu dan kemampuan yang dimilikinya.

Ujian Allah kepada manusia bukan sekali-kali untuk merendah dan menghina manusia, sebaliknya ujian Allah pada manusia adalah untuk kesempurnaan manusia itu sendiri. Allah tidak menguji manusia di luar kemampuannya. Allah menguji manusia demi untuk kesempurnaan manusia itu sendiri dalam taraf kemampuan manusia dan setelah disediakan dengan segala alat kelengkapan pada dirinya, bahkan disediakan dengan panduan-panduan dan pertunjuk Ilahi yang jelas dan sempurna sehingga tidak ada hujah yang boleh dijadikan alasan untuk melepaskan diri daripada hakikat ujian Allah.

Hidup tanpa ujian Allah ini pada hakikatnya bukanlah hidup tetapi mati, hidup yang kosong dan sia-sia, tidak punya nilai dan erti sama sekali. Tanpa ujian bererti segala-galanya adalah sama, antara putih dan hitam adalah sama, antara lurus dan bengkok adalah sama, antara terang dan gelap adalah sama, antara yang celik dan buta adalah sama, antara yang hidayat dan sesat adalah sama, antara kebaikan dan kejahatan adalah sama, antara kemuliaan dan kehinaan adalah sama. Itulah kesesatan yang tidak ada tolok bandingnya, kesesatan yang amat jelas dan nyata kehidupan dunia dan kesejahteraannya tidak akan terbina atas asas falsafah yang sesat ini.

Hidup sebagai ujian Allah bukanlah falsafah kemanusiaan yang direka-reka dan diada-adakan oleh daya akal manusia tetapi ia adalah hakikat daripada Maha Pencipta yang menjadi teras dan asas pemikiran kepada kehidupan manusia demi untuk mencapai kesempurnaan hidupnya.

III

AGAMA DAN ISLAM

Asal Agama

Bahawasanya agama atau kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa yang pertama sekali terdapat di dunia ini ialah pemberitahuan dan peraturan yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Adam a.s., kemudian wahyu itu diperkuatkan dengan perlantikan putera Nabi Adam bernama Sahiz menjadi Nabi.

Agama Allah yang disesuaikan dengan jumlah manusia dan kebudayaan pada ketika itu memang diikuti dan dipatuhi oleh Ibu Hawa dan sebahagian besar daripada anak cucunya. Agama diturunkan Allah kepada manusia untuk membimbing mereka kepada jalan yang benar supaya mereka mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat, dengan mempercayai Allah yang Maha Esa selaku pencipta alam semesta dan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya.

Jika Allah tidak menurunkan agama sudah tentu manusia akan sesat sebab fikiran manusia dan pengalamannya terbatas. Manusia tidak mempunyai kemampuan untuk memahami masalah ketuhanan, malah kehidupan selepas mati, perkara-perkara ghaib seperti malaikat, syurga dan neraka, pembalasan amal dan sebagainya, kerana itulah Allah mengutus dan mengangkat ratusan ribu jumlah nabi dan ribuan rasul yang dimulakan dengan Nabi Adam dan disudahi dengan Nabi Muhammad s.a.w.

Dalam perjalanan sejarah tamadun manusia yang lama itu, memang ramai manusia yang terus-menerus menentang serta

membantah pengajaran-pengajaran Allah yang dibawa oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul itu, lalu dengan kehormatan dan kasihan belas Allah s.w.t. menurunkan kitab-Nya, supaya manusia dapat membaca dan memahami firman-firman Allah. Tujuannya yang utama ialah menegakkan kepercayaan tauhid (percaya kepada Allah yang Maha Kuasa), menghindarkan mereka daripada syirik, daripada pengaruh hawa nafsu yang liar dan mengajar mereka supaya mematuhi segala ajaran Allah dan menjauhkan diri daripada semua larangan-Nya.

Pendeknya tugas Rasul-rasul dan Nabi-nabi dalam ajaran keimanannya adalah sama walaupun ada perbezaan dari segi syari'at dan hukum di antara mereka selaras dengan keadaan dan zaman masing-masing. Firman Allah:

آمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِ وَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلٌّ آمَنَ بِاللهِ
وَمَلٰئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ

Terjemahannya: Rasul Allah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, dan (juga) orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikatnya, dan kitab-kitabnya, dan Rasul-rasulnya, (mereka berkata): ''Kami tidak membezakan antara seorang (dengan yang lain) daripada Rasul-rasulnya.

(Al-Baqarah 2:285)

Rasul terakhir yang diutuskan kepada seluruh umat manusia ialah Nabi Muhammad s.a.w. firman Allah:

هُوَ الَّذِى أَرْسَلَ رَسُوْلَهُ بِالْهُدٰى وَدِيْنِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّيْنِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُوْنَ

Terjemahannya: Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan (membawa) petunjuk dan agama

yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang musyrik tidak menyukainya.

(Al-Taubah 9:33)

Dengan limpah rahmat Allah s.w.t. setelah kebangkitan Rasulullah yang membawa agama yang terakhir, maka kita lihat berjuta-juta kaum muslimin yang termasuk ulama-ulama, ahli-ahli dakwah Islamiah bertebaran di muka bumi untuk mengajarkan al-Qur'an dan segala ilmu-ilmu Islam di segenap dunia bagi meneruskan kegiatan. Rasulullah s.w.t. yang telah disampaikan sejak 14 abad yang silam.

إِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ الْإِسْلٰمُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتٰبَ إِلَّا مِنْ بَعْدِمَا جَآءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِأٰيٰتِ اللهِ فَإِنَّ اللهَ سَرِيْعُ الْحِسَابِ

Terjemahannya: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) pada sisi Allah ialah Islam. Dan orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah (tentang) kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur (ingkar) akan ayat-ayat (keterangan) Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabnya.

(Ali 'Imran 3:19)

Pengertian Islam dari Segi Bahasa dan Syara'

Islam ialah agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., nama ini bukanlah rekaan Rasulullah bahkan ketetapan daripada Allah s.w.t.: Firman-Nya:

وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلٰمَ دِيْنًا

Terjemahannya: Dan Aku telah rela akan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

(Al-Ma'idah 5:3)

Pengertian Islam dari segi bahasa terdapat berbagai-bagai makna sebab perkataan Islam itu adalah nama terbitan dan kata kerjanya ialah perkataan "*Salam*" perkataan ini mengandungi tiga makna:

Pertama : Tulen dan suci daripada sebarang kecacatan zahir dan batin.
Kedua : Damai, aman atau sejahtera.
Ketiga : Taat dan menyerah.

Pengertian Islam dari segi syara' pula ialah mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad daripada Allah s.w.t.

Al-Syeikh Mahmud Syaltut mentakrifkan Islam ialah: Agama Allah yang diwasiatkan pengajarannya baik mengenai pokok dan syariatnya kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan perintah menyampaikannya kepada seluruh manusia serta menyeru mereka itu kepadanya. Tetapi al-Qur'an al-Karim membawa berbagai makna, kadang-kadang al-Qur'an menjadikan Islam sebagai lawan bagi syirik. Firman Allah:

قُلْ أَغَيْرَ اللهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُوْنَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ وَلَا تَكُوْنَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ

Terjemahannya: Katakanlah (wahai Muhammad): Patutkah aku mengambil penolong selain Allah yang menciptakan langit dan bumi. Dan Dia pula memberi makan dan bukan diberi makan? "Katakanlah" Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah (Islam). Dan

(aku diperintahkan dengan firman-Nya). Janganlah sekali-kali jadi golongan orang musyrik.

(Al-An'am 6:14)

Firman-Nya:

وَلَا يَأْمُرَكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوْا الْمَلٰئِكَةَ وَالنَّبِيِّنَ أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Terjemahannya: Dan dia tidak (pula patut) menyuruh kamu menjadikan malaikat dan Nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan patutkah dia menyuruh kamu dengan kekufuran sesudah kamu dengan (menjadi orang) Islam?

(Ali 'Imran 3:80)

Kadang-kadang al-Qur'an membawa makna ikhlas kepada Allah. Firman-Nya:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِيْنًا مِمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلّٰهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

Terjemahannya: Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan.

(Al-Nisa' 4:125)

Ayat ini memberi pujian kepada orang yang jujur kepada Allah dan menyerah diri kepada-Nya bahawa tiada Tuhan yang lain hanya Allah sahaja.

Tetapi makna yang paling banyak dipakai dalam al-Qur'an ialah patuh dan menyerah diri kepada Allah. Firman-Nya:

وَأَنِيْبُوا إِلٰى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوْا لَهُ

Terjemahannya: Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserahlah kepada-Nya.

Makna mematuhi dan menyerah diri kepada Allah ini adalah merangkumi seluruh orang mukmin dan kafir sebab seluruh mereka itu adalah makhluk Allah dan tiap-tiap makhluk mestilah mematuhi dan menyerah diri kepada khaliknya (penciptanya) sama ada suka

atau tidak kerana undang-undang alam adalah berjalan kuatkuasa-nya ke atas semua mereka.

Firman-Nya:

أَفَغَيْرَ دِيْنَ اللهِ يَبْغُوْنَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُوْنَ

Terjemahannya: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk (taat) sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun dengan paksa, dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan.

(Ali 'Imran 3:83)

Makna ''(أسلم)'' dalam ayat ini ialah tunduk dan patuh kepada perintah atau hukum Allah, sebab Allah telah menetapkan undang-undang untuk dunia dan seluruh alam semesta. Dunia dan seluruh alam semesta yang sangat luas itu berjalan, beredar, dan bergerak mengikut peraturan yang telah ditetapkan Allah tidak pernah menyimpang daripada undang-undang Allah. Kemudian perkataan ''(أسلم)'' itu digunakan maknanya kepada orang yang menyerah diri serta tunduk dengan kerelaan hati kepada Allah, sebab itu digelarkan perkataan ''Muslim'' kepada tiap orang yang tunduk dan menyerah diri kepada Allah.

Pengertian Islam dengan makna tunduk dan menyerah diri kepada Allah yang banyak digunakan dalam al-Qur'an adalah merupakan konsep semua Rasul dan semua Nabi.

Nabi Nuh berkata sepertimana tersebut dalam al-Qur'an.

وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ

Terjemahannya: Dan aku pula diperintahkan supaya menjadi golongan orang Islam (yang berserah diri kepada Allah).

(Yunus 12:72)

Nabi Ibrahim a.s. pun menyerah diri kepada Allah, seperti disebut dalam al-Qur'an.

وَلَقَدِ اصْطَفَيْنٰهُ فِى الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِى الْأٰخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِيْنَ. إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Terjemahannya: Kerana sesungguhnya Kami telah memilih Ibrahim (menjadi Nabi) di dunia, dan sesungguhnya ia pada hari akhirat kelak tetaplah daripada orang yang salih (yang tertinggi martabatnya). (Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: Berserah dirilah (kepada Aku wahai Ibrahim)! (Nabi) Ibrahim menjawab: ''Aku berserah diri (tunduk taat) kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(Al-Baqarah 2:130–131)

Nabi Yusof a.s. membawa konsep menyerah diri, firman Allah dalam al-Qur'an yang menceritakan Nabi Yusof berkata Tuhannya:

أَنْتَ وَلِىّ فِى الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ تَوَفَّنِىْ مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِيْ بِالصّٰلِحِيْنَ

Terjemahannya: Engkaulah Penguasa dan Penolongku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah aku dengan orang yang salih.

(Yusuf 12:101)

Nabi Musa a.s. berkata kepada kaumnya, seperti firman Allah dalam al-Qur'an:

يٰقَوْمِ إِنْ كُنْتُمْ اٰمَنْتُمْ بِاللهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوْا إِنْ كُنْتُمْ مُّسْلِمِيْنَ

Terjemahannya: Dan Nabi Musa pula berkata (kepada kaumnya): ''Wahai kaumku! Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah

kepada-Nya, jika betul kamu orang Islam (yang berserah diri kepada Allah)''.

(Yusuf 10:84)

begitulah seterusnya Nabi Isa a.s. membawa konsep tunduk dan menyerah diri kepada Allah. Firman-Nya:

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيْسَىٰ مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنْصَارِىْ إِلَى اللهِ قَالَ
الْحَوَارِيُّوْنَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللهِ اٰمَنَّا بِاللهِ وَأَشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُوْنَ.

Terjemahannya: Maka tatkala Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran daripada mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia: ''Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamanya) orang Hawariyyun (penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata'', kamilah penolong-penolong (utusan Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Isa) sesungguhnya kami ialah orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).

(Ali 'Imran 3:52)

Kemudian sekali Allah s.w.t. mengutuskan Rasul pilihan-Nya Nabi Muhammad s.a.w. dengan satu syari'at yang sempurna untuk menyambungkan tugas Nabi-nabi dan Rasul-rasul seperti firman Allah:

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّيْنَ مِنْ بَعْدِهِ
وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرٰهِيْمَ وَإِسْمٰعِيْلَ وَإِسْحٰقَ وَيَعْقُوْبَ وَالْأَسْبَاطِ
وَعِيْسٰى وَأَيُّوْبَ وَيُوْنُسَ وَهٰرُوْنَ وَسُلَيْمٰنَ وَاٰتَيْنَا دَاوُدَ زَبُورًا.
وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنٰهُمْ عَلَيْكَ مِنْ قَبْلُ وَرُسُلًا لَّمْ نَقْصُصْهُمْ
عَلَيْكَ وَكَلَّمَ اللهُ مُوْسٰى تَكْلِيْمًا.

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagai-

mana Kami telah memberikan wahyu kepada (Nabi) Nuh, dan Nabi-nabi yang (diutus) kemudian daripadanya, dan Kami (juga) telah memberikan wahyu kepada (Nabi) Ibrahim, dan (Nabi) Ismail, dan (Nabi) Ishak dan (Nabi) Ya'akub, serta (nabi-nabi) keturunannya, dan (Nabi) Isa, dan (Nabi) Ayub, dan (Nabi) Yunus, dan (Nabi) Harun, dan (Nabi) Sulaiman, dan (juga) Kami telah memberikan kepada (Nabi) Daud kitab Zabur. Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada (Nabi) Musa dengan kata-kata (yang secara langsung tidak ada perantaran).

(Al-Nisa' 4:163–164)

IV

ISLAM

Islam sebagai Cara Hidup yang Amat Lengkap dan Unik

Sesiapa yang mempelajari dan mengkaji al-Qur'an dan ilmu-ilmu Islam yang lain nescaya ia akan dapati bahawa pengajaran yang dibawa oleh Islam amat sempurna dan sangat unik. Firman Allah dalam al-Qur'an:

وَكَذٰلِكَ جَعَلْنٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُوْنُوْا شُهَدَآءَ عَلَى النَّاسِ
وَيَكُوْنَ الرَّسُوْلُ عَلَيْكُمْ شَهِيْدًا

Terjemahannya: Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang sesuatu yang benar dan yang salah), dan Rasul Allah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.

(Al-Baqarah, 2:143)

Di antara tujuan perjuangan Islam ialah mencari keamanan dan kesejahteraan untuk semua manusia. Firman Allah:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوا ادْخُلُوْا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً

Terjemahannya: Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hukumnya:

(Al-Baqarah 2:208)

Dan tujuan perjuangan Rasulullah untuk menggalakkan semangat kerjasama keamanan di antara seluruh umat manusia.

Firman Allah s.w.t.:

يَاأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahannya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadi kamu berbangsa-bangsa, dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

(Al-Hujurat 49:13)

1. Jika kita teliti ajaran-ajaran Islam itu bolehlah kita ringkaskan bahawa manusia dari zaman dahulu kala sampai generasi yang terakhir supaya masing-masing mengenal diri dan meyakini dengan jiwa raganya bahawa Tuhan Maha Esa itu ialah pencipta alam.

2. Islam memberitahu bahawa Allah s.w.t. telah menetapkan manusia menjadi khalifah (pemimpin) di planet bumi ini. Maka di atas segala penat khalifah-Nya bekerja, mengolah dan memerintah alam; air, pohon, binatang dan sebagainya Allah akan memberi ganjaran yang baik di akhirat. Di sini juga manusia dapat menghidupkan fungsi *'ubudiyah* (pengabdian kepada Allah) iaitu beriman kepada Allah Ta'ala sesuai dengan pertunjuk dan didikan Nabi s.a.w.

3. Islam memberitahu bahawa manusia akan hidup (kehidupan) semula setelah mati. Maka sudahkah difikirkan dari sekarang, apakah bekalan yang akan dibawa bersama untuk hari esok.
4. Islam mendidik manusia supaya setiap diri tahu dan mahu berterima kasih bersyukur atas limpahan rahmat dan kurniaan Allah Ta'ala yang tidak terhingga banyaknya. Maka dengan demikian jiwa dan raganya menjadi aman dan sejahtera.
5. Islam mendidik manusia supaya ikhlas mematuhi peraturan dan undang-undang atau hukum, baik yang datang daripada Allah, daripada Nabi atau daripada pihak yang berkuasa dalam masyarakat asalkan peraturan itu tidak berlawanan dengan lunas-lunas Allah s.w.t.
6. Islam mendidik manusia supaya masing-masing diri mempunyai budi pekerti yang luhur atau akhlak yang baik, iaitu hormat-menghormati dan tolong-menolong antara satu dengan lain dalam usaha mencari kebajikan bersama.
7. Islam mendidik manusia supaya berani menegakkan kebenaran, kebaikan, keadilan serta takut untuk melakukan kesalahan atau pelanggaran hukum-hukum sama ada terhadap hukum Allah yang Maha Esa dan Nabi dan seterusnya terhadap negara dan sesama makhluk.
8. Islam mengajar manusia supaya menegakkan dan memperjuangkan keadilan di mana-mana sahaja. Keadilan yang dituntut itu adalah keadilan makhluk baik dalam kalangan kaum Muslimin dan di antara kaum Muslim dengan orang kafir.

Firman Allah:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَأٰنُ قَوْمٍ عَلٰى أَلَّا تَعْدِلُوْا اِعْدِلُوْا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى

Terjemahan: Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua). Kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa.

(Al-Ma'idah 5:8)

Islam mengajar pemeluknya supaya bersikap sederhana dalam soal-soal kehidupan dan jangan melampaui batas dan jangan tenggelam dalam kehidupan disebabkan kemewahan yang berlebihan, kerana ia boleh membawa kepada keruntuhan. Firman Allah:

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيْهَا فَفَسَقُوْا فِيْهَا
فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنٰهَا تَدْمِيْرًا

Terjemahan: Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya. Maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.

(Al-A'raf 7:31)

Islam memberikan panduan tentang makan, minum dan sebagainya. Firman Allah:

يٰبَنِيْ آدَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا
وَلَاتُسْرِفُوْا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat atau mengerjakan sembahyang, dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau-lampau: Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas.

(Ali 'Imran 3:31)

Islam mengajarkan semangat bertanggungjawab kepada tiap-tiap orang sama ada ketua negara, pemimpin-pemimpin, ketua keluarga, isteri dan lain-lainnya. Sabda Rasulullah s.a.w.

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالأَمِيْرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ، فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: Tiap seorang daripada kamu adalah bertanggungjawab terhadap kawalannya, raja adalah pengawal, seorang lelaki adalah pengawal terhadap ahli keluarganya, dan perempuan (isteri) adalah pengawal terhadap rumah suaminya dan anak-anaknya, maka tiap-tiap seorang daripada kamu adalah pengawal dan tiap-tiap kamu adalah bertanggungjawab terhadap kawalannya.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Islam mengajar tiap-tiap Muslim supaya menjadi pandai, bijak dan beramal. Firman Allah Ta'ala:

يَرْفَعِ اللهُ الَّذِيْنَ آمَنُوْا مِنْكُمْ وَالَّذِيْنَ أُوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجٰتٍ

Terjemahan: Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan Allah meninggikan orang yang diberi ''ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) beberapa darjat.

(Al-Mujaddalah 58:11)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَهُمَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ

Terjemahan: Barang siapa yang berkehendakkan dunia hendaklah ia mempunyai ilmu barang siapa yang berkehendakkan akhirat hendaklah ia mempunyai ilmu, barang siapa yang berkehendakkan kedua-duanya sekali hendaklah ia mempunyai ilmu.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Demikianlah di antara pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh agama yang paling unik dan paling praktis di antara seluruh agama-agama di dunia ini.

Agama Adalah Perkara Mutlak bagi Manusia

Tuhan yang Maha Kuasa menjadikan alam semesta yang luas terbentang dan menjadikan manusia dan hikmat menurut iradat dan kudrat yang maha tinggi. Tiap-tiap satu kejadian termasuk bumi, matahari, bulan, bintang, Utarid, Zuhrah, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus, Neptun, Pluto dan berjuta-juta lagi yang tidak diketahui hanya Allah Ta'ala sahaja; beredar, bergerak, berjalan menurut peraturan-peraturan dan ketentuan-ketentuan Allah yang sangat rapi dan halus. Alam semesta seluruhnya adalah berjalan mengikut sunnah Allah.

Begitu juga manusia yang menjadi khalifah Allah di bumi mestilah hidup menurut hukum-hukum yang telah ditetapkan Allah demi keselamatan dan kesejahteraan baik di dunia dan akhirat. Manusia dijadikan oleh Allah terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasmani dan rohani, dalam tubuh manusia terdapat dua kekuatan atau dua tenaga, yang pertama tenaga yang membina yang tunduk di bawah pengendalian akal yang waras yang boleh membezakan antara baik dan buruk, betul dan salah. Tenaga inilah yang boleh mengarahkan manusia untuk melakukan kebijakan dan keadilan, persamaan, kasih sayang, tolong-menolong dan sebagainya. Yang kedua tenaga yang merosak yang tunduk di bawah runtunan nafsu, naluri yang liar, sesat, tamak, angkuh, hasad dengki, bangga, suka menumpahkan darah, melakukan kekacauan, huru-hara, melakukan fitnah dan sebagainya yang boleh membawa keburukan dan kehancuran masyarakat dan negara.

Di tengah-tengah dua kekuatan atau dua pengaruh inilah manusia berdiri dalam masyarakat. Maka dengan tarikan dunia, dan tersilau kepada mata benda yang beribu satu macam seperti wang ringgit, emas perak, perhiasan, pakaian, bangunan yang tersergam, alat kemudahan, kenderaan dan sebagainya membawa kebanyakan manusia tewas dalam perjuangan hidup. Ramai manusia yang menjadi korban nafsu, korban kepada kebendaan, pangkat dan kemasyhuran. Firman Allah:

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىْ

Terjemahan: Sesungguhnya nafsu manusia itu menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia daripada hasutan nafsu itu.

(Yusuf 15:53)

Firman-Nya:

إِنَّ الْإِنْسٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوْعًا وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوْعًا إِلَّا الْمُصَلِّيْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah; dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut; kecuali orang yang mengerjakan sembahyang iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya.

(Al-Ma'arij 70:19–23)

Andaikata dibiarkan manusia tanpa agama, tanpa beriman kepada Allah yang Maha Esa, sudah tentu dunia ini menjadi huru-hara. Kejahatan akan bermaharajalela, walhal Allah menjadikan manusia sebagai khalifah-Nya di bumi untuk memakmurkan dunia dan melakukan kerja-kerja yang baik yang memberi faedah kepada manusia dan masyarakat.

Untuk melaksanakan tujuan Allah yang menjadikan insan khalifah di bumi dan untuk membenarkan hikmat Allah sebagaimana firman-Nya yang ditujukan kepada malaikat di langit:

إِنِّى أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ

Terjemahan: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

(Al-Baqarah 2:30)

Mungkin ada orang yang mengatakan bahawa kita manusia ada mempunyai akal fikiran yang boleh membuat dasar dalam menentukan nilai-nilai kebaikan dan kejahatan untuk dilaksanakan dalam masyarakat dan negara.

Untuk menjawab soalan kepada nilai-nilai dan undang-undang yang dibuat oleh akal fikiran manusia itu tidak mutlak, tidak sempurna, dan tidak dapat memenuhi maslahat seluruh manusia. Sebab fikiran manusia terbatas, manusia selalu dipengaruhi oleh nafsu, dipengaruhi oleh alam sekitar, dipengaruhi oleh semangat kebangsaan, dipengaruhi oleh perasaan mementingkan diri sendiri. Dalam kehidupan manusia yang tidak terbatas maka manusia memerlukan perlembagaan yang mutlak, undang-undang yang sejagat yang ditetapkan oleh Tuhan pencipta alam semesta yang menjadikan seluruh manusia. Tuhan yang Maha Adil terhadap hamba-hamba-Nya.

Kelemahan Akal Manusia

Sebenarnya akal fikiran manusia tidak boleh dijadikan undang-undang yang mutlak, atau perlembagaan yang tetap yang boleh melaksanakan maslahat untuk semua bangsa, seluruh keadaan dan seluruh tempat, kerana fikiran manusia mempunyai ciri-ciri kelemahan yang jelas di antaranya ialah:

1. Akal fikiran manusia yang membuat berbagai konsep memang berlainan dan berbeza di antara satu dengan lain dan tidak sama pula tentang menentukan nilai-nilai hidup atau menentukan baik dan jahat. Mungkin satu nilai dipandang elok atau benar untuk satu masyarakat walhal tidak baik untuk masyarakat yang lain, atau satu nilai fikiran mungkin elok bagi satu zaman tertentu dan tidak baik untuk zaman yang lain, begitulah seterusnya. Sebab itulah ideologi-ideologi undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh manusia selalu berubah dan berlaku tokok tambah dari masa ke masa bahkan ada masanya dibuang sama sekali, kerana tidak ada maslahat dan tidak ada faedah.
2. Akal fikiran insan terdedah untuk dipengaruhi oleh hawa nafsu, perkauman, semangat kenegerian dan semangat mementingkan diri sendiri, keluarga dan kebangsaan, keadaan

seperti ini tidak akan mampu untuk membela perikemanusiaan yang sejati, menegakkan keadilan yang mutlak yang dikehendaki oleh seluruh umat manusia. Kita telah melihat dengan mata kepala sendiri bahawa banyak akta, undang-undang dan peraturan telah digubal dengan begitu rupa dalam satu negara dan suatu keadaan tiba-tiba ternyata dalam masa yang singkat bahawa ianya tidak sesuai lagi, lalu dibatalkan atau ditokok tambah dengan yang baru, begitulah seterusnya.

3. Akal fikiran manusia memang terbatas dan relatif. Ia tidak mampu membuat ramalan yang tepat atau menentukan peristiwa yang akan berlaku kelak. Banyak peristiwa berlaku di luar dugaan manusia. Maka yang Maha Mengetahui maslahat manusia ialah pencipta manusia iaitu Allah, maka undang-undang atau hukum Allah sahaja yang benar-benar adil dan benar-benar mutlak untuk semua bangsa dan pada segala zaman.
4. Tabiat manusia di dunia ini tidak begitu menghormati undang-undang sendiri walaupun undang-undang itu munasabah, sebab undang-undang manusia itu tidak menghubungkan dengan pembalasan di akhirat. Undang-undang ciptaan manusia hanya ditumpukan kepada dunia semata-mata, walhal hukum-hukum Allah adalah berkaitan antara dunia dan akhirat. Asal pembalasan bagi orang yang melanggar hukum Allah adalah ditumpukan di akhirat walaupun dikenakan balasan di dunia ini. Oleh yang demikian tabiat manusia yang beriman kepada Allah lebih menghormati dan lebih takut kepada balasan Allah di akhirat.

Dengan keterangan-keterangan yang ringkas di atas ternyatalah bahawa agama itu adalah perkara asasi dan perkara yang paling mustahak untuk kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia seluruhnya.

Kesedaran Agama Menjadi Asas Kebajikan

Untuk menyelamatkan manusia, masyarakat, negara dan dunia adalah terserah kepada agama yang benar. Agama yang benar yang berdasarkan kepada tauhid yang murni, keadilan yang mutlak, hukum-hukum yang berimbang yang ditetapkan oleh Allah Ta'ala

adalah menghubungkan antara manusia dengan Allah yang menjadi pengawal, pengadang, yang sentiasa melihat segala gerak-geri tiap-tiap insan. Orang yang beriman kepada Allah yang Maha Esa tidak berani menipu sama ada terang dan tersembunyi, kerana perbuatannya tidak terlindung daripada Allah. Orang yang beriman penuh kepada Allah tidak berani mencuaikan kewajipannya sama ada dalam terang dan tersembunyi, kerana Allah mengetahuinya, orang yang jujur beragama tidak berani melakukan ma'siat seperti mengumpat, hasad dengki, menipu, khianat, rasuah, berjudi, minum arak, zina, berdusta, bermuka-muka, dan sebagainya, kerana perkara-perkara itu akan dibalaskan oleh Allah di akhirat kelak.

Maka agamalah yang menjadi tenaga utama untuk membentuk peribadi yang baik dan akhlak yang tinggi, sabda Rasulullah:

Terjemahan: Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan kemuliaan budi pekerti.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Allah Ta'ala telah menetapkan asas bagi kehidupan manusia sejak diciptakan Nabi Adam a.s. untuk memakmurkan dan membangunkan dunia. Firman-Nya:

فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمٰتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ
الرَّحِيْمُ، قُلْنَا اهْبِطُوْا مِنْهَا جَمِيْعًا فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّى هُدًى فَمَنْ
تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُوْنَ

Terjemahan: Kemudian (Nabi) Adam menerima daripada Tuhannya beberapa kalimat (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya) lalu Allah menerima taubatnya, sesungguhnya Allah Dialah yang amat pengampun (penerima taubat) lagi amat mengasihani. Kami berfirman lagi: "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari Aku (melalui Rasul-rasul dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu nescaya

tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Al-Baqarah 2:37–38)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِيْنَ يَزْنِيْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ. وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِيْنَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Terjemahan: Tidak berzina seseorang penzina ketika ia berzina walhal ia beriman penuh, dan tidak mencuri seorang pencuri ketika ia mencuri walhal ia beriman penuh.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Maksudnya orang yang beriman penuh dengan Allah dan berpegang teguh kepada ajaran agama Allah tidak berani melakukan kekejaman, keburukan, dan sebarang ma'siat, kerana malu dan takut kepada Allah yang Maha Melihat, Maha Mengetahui. Maha Mendengar akan gerak-geri, laku perbuatan tiap-tiap seorang hamba. Firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Terjemahan: Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)

(Al-Zalzalah 99:7–8)

V

MANUSIA DAN KEPERCAYAAN

Pentingnya Iman bagi Manusia

Allah yang Maha Kuasa menjadikan alam buana yang luas terbentang dan menjadikan manusia dengan hikmat-Nya menurut iradat dan kudrat-Nya yang tinggi. Tiap-tiap suatu kejadian termasuk kejadian langit dan isinya seperti matahari, bulan, bintang-bintang dan planet-planet yang lain (seperti Utarid, Zuhrah, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus dan sebagainya) yang berlegar dan beredar serta bergerak menurut sistem-sistem dan peraturannya yang sangat rapi yang tidak terkira banyaknya. (Hanya Allah sahaja yang mengetahuinya). Semuanya itu dicipta dan dikendalikan oleh Allah s.w.t. Begitu juga kejadian bumi dengan isinya seperti jenis manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, ikan dan sebagainya dicipta dan dikendalikan oleh Allah yang Maha Kuasa. Semuanya tunduk di bawah peraturannya.

Manusia adalah makhluk Allah yang terdiri daripada dua unsur jasmani dan rohani. Manakala rohani pula terdapat dua naluri (penggerak semula jadi) atau dua tenaga. Yang pertama naluri yang membina yang tunduk di bawah akal yang waras yang boleh membezakan antara baik dan buruk, betul dan salah, benar dan sebaliknya. Tenaga naluri inilah yang boleh mengarahkan kepada kebajikan, keadilan, perasaan kasih sayang, kerjasama, dan sebagainya yang boleh melaksanakan matlamat damai atau kesejahteran: Matlamat utama dalam Islam ialah mencari kedamaian atau kesejahteraan sama ada bagi individu, keluarga, masyarakat,

negara dan dunia pada amnya. Supaya semuanya selamat sejahtera serta aman damai. Yang kedua naluri yang merosak atau yang meruntuh yang tunduk di bawah pengaruh runtunan nafsu. Seperti misalnya kemarahan, keangkuhan, tamak, dengki, keganasan yang mendorong manusia melakukan kerja-kerja yang tidak bertanggungjawab seperti menindas, merompak, menumpah darah, membunuh, merogol dan sebagainya yang boleh melemahkan dan meruntuhkan kesejahteraan, keamanan dan kedamaian (bagi mengenai) individu, keluarga, negara dan dunia.

Manusia Berada dalam Dua Kekuatan Naluri

Dengan dua kekuatan atau tenaga naluri inilah manusia menjalani hidupnya dalam masyarakat. Maka dengan pengaruh kebendaan dalam dunia, kesilauan terhadap perhiasan dunia yang seribu satu macam, seperti wang ringgit, emas perak, bangunan yang tersergam, alat-alat perhiasan yang menarik. Di samping manusia berada di tengah-tengah dua pengaruh yang tersebut di atas. Ramailah mereka yang lebih condong kepada perkara-perkara yang merosak. Firman Allah:

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىْ

Terjemahan: Sesungguhnya nafsu manusia itu menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia daripada hasutan nafsu itu).

(Yusuf 12:53)

Inilah di antara sifat-sifat kelemahan manusia pada umumnya. Firman Allah:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوْعًا إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوْعًا وَإِذَا مَسَّهُ
الْخَيْرُ مَنُوْعًا إِلَّا الْمُصَلِّيْنَ الَّذِيْنَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُوْنَ

Terjemahan: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut), apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah, dan

apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut; kecuali orang yang mengerjakan sembahyang, iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyang.

(Al-Ma'arij 70:91)

Jika naluri yang jahat memang sudah tentu kejahatan dan kerosakan akan bermaharajalela. Seterusnya keamanan, kedamaian dan kesejahteraan yang menjadi matlamat Islam itu tidak akan terlaksana. Walhal Allah Ta'ala menjadikan manusia sebagai khalifah-Nya di bumi untuk melakukan kegiatan-kegiatan dan kerja-kerja yang berfaedah atau berguna untuk individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia pada amnya. Firman Allah dalam al-Qur'an:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ

Terjemahan: Sesungguhnya Aku akan menjadikan khalifah di atas bumi! Kata mereka (malaikat apakah Engkau menjadikan dalamnya orang yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, walhal kami sentiasa memuji kebesaran Engkau dan mentaqdiskan Engkau!

(Al-Baqarah 2:30)

Untuk melaksanakan tujuan Allah menjadikan manusia sebagai wakil-Nya di bumi. Maka setiap orang memerlukan tenaga kebajikan atau kekuatan yang membina untuk memakmurkan bumi Allah ini. Maksud tenaga membina di sini ialah keimanan kepada Allah yang Maha Esa. Imanlah yang menjadi penggerak atau dasar bagi segala kemakmuran dan kebajikan dalam sejarah tamadun umat manusia. Sebagaimana yang telah dicatatkan dalam pengajaran seluruh agama langit dan kitab suci al-Qur'an al-Karim.

Mungkin ada orang yang mengatakan kita manusia mempunyai akal fikiran boleh membuat nilai atau neraca dalam menentukan kebaikan, kejahatan, mulia, hina, baik dan buruk. Untuk dilaksanakan dalam masyarakat dan negara. Inilah aliran fikiran

yang banyak berlaku di barat yang berpegang semata-mata kepada fikiran manusia yang terbatas yang diperjuangkan oleh ahli falsafah dan cendekiawan mereka.

Untuk menjawab soalan kepada nilai-nilai dan undang-undang yang dibuat oleh manusia itu tidak mutlak, tidak sempurna, dan tidak dapat memenuhi kehendak seluruh umat manusia. Sebab fikiran manusia terbatas. Manusia dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti alam sekitar, semangat kebangsaan, perkauman dan sebagainya. Maka manusia memerlukan nilai-nilai yang mutlak daripada Allah, kerana Allahlah yang hak, yang mutlak, yang tidak terpengaruh oleh sebarang faktor dan tidak memilih kasih dan sebagainya. Maka benarlah keimanan kepada Allah yang Maha Esa adalah menjadi paksi bagi kesejahteraan dan keimanan yang diistilahkan dalam Islam dengan perkataan "Salam".

Dengan alasan-alasan yang tersebut di atas ternyatalah bahawa cara yang paling berkesan untuk menyelamatkan individu, masyarakat, negara dan dunia ialah dengan memperdalamkan semangat kepercayaan atau keimanan kepada Allah yang Maha Esa. Kerana kepercayaan inilah yang menghubungkan secara langsung di antara manusia dengan Allah yang mencipta alam buana. Mencipta manusia yang sentiasa diawasi dan dilihat tiap-tiap gerak-gerinya. Orang yang benar-benar beriman kepada Allah yang Maha Esa tidak berani menipu, mendusta, mengkhianat, berdengki dan berdendam kesumat. Sebab Allah sangat mengetahui apa-apa yang terlintas dalam hati manusia. Manusia yang beriman kepada Allah sahajalah yang benar-benar menjadi warganegara yang membina, dedikasi, jujur dan luhur.

Pengertian Iman

Iman berasal daripada perkataan (أمن). Dalam bahasa kita (Melayu) ia bermakna aman atau membentuk keadaan aman dan tenteram. Dalam ilmu tauhid, iman membawa makna membenarkan dengan hati dan berikrar dengan lisan dan beramal dengan ajaran-ajaran Allah s.w.t. yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Untuk memenuhi pengertian beriman kepada Islam itu mestilah ada ketiga-tiga perkara ini. Iaitu mengakui dalam hati bahawa Islam itu benar, dan menyatakan dengan lidahnya bahawa Islam itu

agama yang benar serta mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam agama Islam itu. Kalau ketiga-tiga perkara ini tidak ada, maka tidaklah sempurna keimanan seseorang itu terhadap agama Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.

لَيْسَ الْإِيْمَانُ بِالتَّمَنِّى وَلَا بِالتَّحَلِّي وَلَكِنْ مَا وَقَّرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ

Terjemahan: Iman itu bukan dengan cita-cita dan perhiasan, tetapi ialah apa yang tersemai di hati dan dibuktikan dengan perbuatan.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunnah)

Iman al-Ghazali menghuraikan makna iman dengan katanya:

قَوْلٌ بِاللِّسَانِ وَتَصْدِيْقٌ بِالْجَنَانِ وَعَمَلٌ بِالْأَرْكَانِ

Terjemahan: Pengakuan dengan lidah membenarkan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun-rukun (anggota-anggota).

Rukun-rukun Iman

Yang dimaksudkan dengan rukun ialah asas-asas yang membentuk iman, kalau diibaratkan dengan pokok, rukun-rukun itu ialah akar, batang dan dahan-dahan yang bergantung kepadanya daun-daun. Begitulah dengan rukun-rukun iman, rukun-rukun itu ialah asas-asas yang dibina di atas segala kepercayaan manusia yang beragama Islam. Kepercayaan manusia Muslim mengenai alam dan apa yang terkandung dalamnya, hendaklah tidak terkeluar daripada landasan-landasan rukun ini. Apabila dia membentuk pandangan dan sikapnya serta buah fikirannya mengenai masalah-masalah hidup ia hendaklah melakukannya dengan berasaskan rukun iman ini.

Rukun-rukun iman itu enam perkara. Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلْإِيْمَانُ هُوَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَبِالْيَوْمِ الآخِرِ وَبِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ مِنَ اللهِ تَعَالَىٰ

Terjemahan: Iman itu ialah bahawa engkau percaya dengan Allah. Malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya, hari kemudian dan dengan penentuan baik dan buruk itu daripada Allah s.w.t. (Qada').

VI

IMAN: BERIMAN DENGAN ALLAH

Beriman dengan Allah

Mengenai keimanan kepada Allah s.w.t. ini, banyak sekali disentuh oleh al-Qur'an yang menjadi sumber asasi ajaran agama Islam. Al-Qur'an bukan sahaja menegaskan tentang adanya Allah s.w.t. tetapi juga menerangkan ajaran Islam mengenai ketuhanan yakni bagaimana corak dan bentuk kepercayaan kita kepada Allah s.w.t.

Kepercayaan kepada Allah s.w.t. bererti kita mempercayai Allah s.w.t. itu ada dan Dia adalah Esa atau Tunggal dan tidak ada yang serupa dengan-Nya. Dalam al-Qur'an Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ اللهُ الصَّمَدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhan) ialah Allah yang Maha Esa, Allah menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa yang setara dengan-Nya.

(Al-Ikhlas 112:1–4)

Beriman kepada Allah s.w.t. bererti percaya bahawa Allah bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan, Allah berfirman dalam al-Qur'an.

هُوَ اللهُ الَّذِى لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ عٰلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهٰدَةِ هُوَ الرَّحْمٰنُ الرَّحِيْمُ، هُوَ اللهُ الَّذِي لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوْسُ السَّلٰمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيْزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحٰنَ اللهِ عَمَّا يُشْرِكُوْنَ

Terjemahan: Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; yang menguasai (sekalian alam); yang Maha Suci, yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan): yang melimpahkan keamanan: yang Maha Pengawal serta Pengawas; yang Maha Kuasa, yang Maha Pengawal serta Pengawas; yang Maha Kuasa, yang Maha Kuat, yang melengkapi segala kebesarannya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.

(Al-Hasyr 59:22)

Beriman kepada Allah s.w.t. bererti mempercayai bahawa Dialah penjadi alam ini dan alam akhirat. Segala sesuatu tidak berlaku melainkan dengan kehendak-Nya. Allah s.w.t. berfirman:

ذٰلِكُمُ اللهُ رَبُّكُمْ لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ خٰلِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوْهُ وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيْلٌ

Terjemahan: Yang demikian (sifat-sifat dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Dia, yang menjadikan tiap-tiap sesuatu. Oleh itu beribadatlah kamu kepada-Nya dan (ingatlah), Dialah yang mentadbirkan tiap-tiap sesuatu.

(Al-An'am 6:102)

Beriman kepada Allah s.w.t. bererti mempercayai bahawa Dialah yang menghidupkan dan mematikan. Dialah yang memberi rezeki dan kepada-Nya bergantung segala yang di langit dan di bumi. Allah s.w.t. berfirman:

تُوْلِجُ الَّيْلَ فِى النَّهَارِ وَتُوْلِجُ النَّهَارَ فِى الَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَىَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَىِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Terjemahan: Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang ke dalam waktu malam, Engkaulah juga yang mengeluarkan (sesuatu) yang hidup daripada (benda) yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan (benda) yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan (benda) yang mati daripada (sesuatu) yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dengan tiada hitungan hisabnya.

(Ali 'Imran 3:27)

Beriman kepada Allah s.w.t. bermakna percaya bahawa semua makhluk ini adalah milik Allah s.w.t. Dialah tuannya dan Dialah sahaja yang berhak mengatur perjalanannya, semua perkara yang mengatur perjalanan hidup manusia hendaklah bersumber daripada Dia. Allah berfirman:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ مٰلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ

Terjemahan: Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang amat Pemurah, lagi amat Mengasihani. Yang menguasai pemerintahan hari pembalasan (Hari akhirat).

(Al-Fatihah 1:1–3)

Segala puji bagi Allah Tuhan yang memiliki alam ini, yang Pemurah dan Penyayang yang memiliki hari kemudian. Allah s.w.t. berfirman lagi:

أَفَغَيْرَ دِيْنِ اللهِ يَبْغُوْنَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِى السَّمٰوَاتِ وَالأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُوْنَ

Terjemahan: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk (taat) sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun dengan paksa, dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan.

(Ali 'Imran 3:83)

Beriman kepada Allah s.w.t. ialah yakin dan percaya bahawa Dialah sahaja Allah yakni Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya. Tiada Tuhan melainkan Dia. Allah berfirman:

اللهُ لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ

Terjemahan: Allah, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya).

(Al-Baqarah 2:255)

Beriman kepada Allah s.w.t. bermakna kita tidak kufur dengan menyekutui-Nya atau syirik.

فَلَا تَجْعَلُوْا لِلّٰهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ

Terjemahan: Maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah Tuhan yang Maha Esa).

(Al-Baqarah 2:22)

Beriman kepada Allah s.w.t. bererti kita tidak beribadat melainkan hanya kepada-Nya. Kita tidak menghambakan diri melainkan kepada Allah. Tidak meminta pertolongan melainkan kepada-Nya. Kepadanya digantung semua harapan. Surah al-

Fatihah yang kita baca dalam tiap raka'at sembahyang kita diwajibkan menyebut:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Terjemahan: Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

(Al-Fatihah 1:4)

Beriman kepada Allah s.w.t. bermakna kita melakukan semua perkara dalam kegiatan hidup kita ini kerana Allah dan dengan cara-cara yang tidak berlawanan dengan peraturan Allah s.w.t. Allah berfirman:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعٰلَمِينَ

Terjemahan: Katakanlah hai Muhammad "bahawa sembahyangku ibadatku hidupku dan matiku kerana Allah s.w.t."

Semua makna-makna keimanan yang dihuraikan di atas itu disimpulkan dalam syahadah dan pengakuan setiap Muslim iaitu:

أَشْهَدُ أَلَّا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ

Terjemahan: Saya membuat penyaksian dan pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah s.w.t.

Keimanan dan keyakinan kepada Allah s.w.t. menurut Islam adalah muncul di dalam diri manusia sejak mula-mula lagi. Yang menyebabkan mereka lupakan Allah dan lupakan kepadanya ialah kerana jiwanya tidak diasuh supaya sentiasa mengakui dan mengingati Allah s.w.t. Dosa-dosa yang dilakukan dan kejahilan yang menghalang mereka daripada mengenal Allah s.w.t. kekuatan semula jadi yang dapat mengenal dan mengakui Allah itu ditutup dan tidak bergerak. Mengenai kekuatan semula jadi yang mengakui dan mengenali Allah itu, Allah s.w.t. berfirman.

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ
عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا

Terjemahan: (Ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanku mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): ''Bukankah Aku Tuhan kamu?'' Mereka semua menjawab: Benar (Engkau Tuhan kami) kami menjadi saksi.

(Al-A'raf 7:172)

Apabila Tuhanmu mengeluarkan anak Adam daripada tubuhnya, zuriatnya dan menyuruhnya mengangkat saksi terhadap dirinya dengan berkata ''Bukankah Aku Tuhanmu maka mereka (menjawab) ya kami saksinya''.

Mengenali dan mengakui ketuhanan Allah s.w.t. bukan hanya sekadar mempercayai Allah s.w.t. serta keluasannya tetapi hendaklah diikuti dengan menyembah Allah dan tidak menyembah yang lain daripada-Nya.

Kalau hanya sekadar percaya adanya Allah s.w.t. dengan tidak mempunyai tanggapan yang sebenar mengenai Allah s.w.t. dan tidak menunaikan kewajipan yang sebenarnya terhadap Allah s.w.t. samalah juga dengan orang jahiliah, kerana di antara mereka itu memang mempercayai adanya Allah s.w.t. Mereka mengerti bahawa yang menjadikan alam semesta ini ialah Allah. Tetapi mereka dianggap jahiliah, kerana mereka tidak menjalankan kewajipan yang sebenarnya terhadap Allah s.w.t. Jika mereka beribadah, mereka beribadah kepada yang lain daripada Allah s.w.t. mereka tidak taat kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benarnya. Mereka menyembah berhala-berhala, ketua-ketua mereka, dan pawang-pawang. Jika ditanya mengapa mereka berbuat demikian mereka menjawab kononnya patung-patung, ketua-ketua dan pawang-pawang mereka itu menjadi penghubung dan perantaraan untuk menyembah dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Dalam sejarah manusia jahiliah pada zaman purba ketika mereka masih dalam alam kegelapan pun mereka mengenal Allah.

Mereka mengerti bahawa yang menjadikan alam semesta atau jagatraya dan yang wajib disembah ialah Allah s.w.t. Firman Allah:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَآءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُوْلُوْنَ اللهُ فَقُلْ افَلَا تَتَّقُوْنَ

Terjemahan: Tanyakanlah kepada mereka yang musyrik itu. "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengar dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup daripada benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati daripada makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?" dengan pertanyaan-pertanyaan tersebut) Maka mereka yang musyrik itu tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: Allah, katakanlah: "Jika kamu mengakui yang demikian, maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa".

(Yunus 10:31)

Demikianlah di antara pengakuan kaum jahiliah! Akan tetapi kenapa pula mereka menyembah patung-patung dan berhala? Mereka menjawab kononnya patung-patung dan berhala-berhala yang mereka hormati dan sembah itu adalah selaku alat penghubung atau perantaraan untuk menyembah Allah dan bertujuan mendekatkan diri mereka kepada-Nya. Maka al-Qur'an menempelakkan jawapan mereka iaitu dalam: Firman Allah s.w.t.:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُوْنَا إِلَى اللهِ زُلْفَى

Terjemahan: Kamu tidak menyembah-Nya atau memuja-Nya melainkan untuk mereka mendampingkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya.

(Al-Zumar 39:3)

Bagi kehidupan moden nampaknya unsur-unsur mensyarikatkan dan menyekutukan Allah ternyata penghormatan kepada patung-patung ukiran batu, keris-keris pusaka, pokok-pokok keramat, pemujaan kepada pemimpin, pendewaan terhadap manusia, atau mempercayai tukang-tukang nujum, dan sebagainya. Semua ini adalah perbuatan syirik, mempersekutukan Allah s.w.t. yang dosanya sangat besar dalam Islam.

Islam memandang bahawa perbuatan seperti itu adalah perbuatan hina sebagai akibat kebodohan. Tidakkah Allah menciptakan kamu sebaik-baik makhluk Allah di bumi dan mempunyai martabat yang tinggi di antara makhluk di permukaan bumi ini? Dengan perbuatan syirik, bermaknalah kita telah menodai martabat kemanusiaan kita. Maka sikap menghambakan diri, sujud, dan menghormati kepada alam benda, mendewa-dewa atau mempertuhankan manusia adalah merupakan perbuatan aniaya kepada diri sendiri.

Oleh sebab itu, Allah memerintah manusia berhubung langsung kepada-Nya tanpa menggunakan orang perantaraan atau benda-benda yang lain. Yang demikian Islam mengajarkan tauhid sebagai tiang seri kehidupan yang sebenar dan jalan yang betul.

Pada masa menyembah, memohon dan berdoa hendaklah ditujukan langsung kepada Allah s.w.t. Firman Allah:

وَاِذَا سَاَلَكَ عِبَادِى عَنِّىْ فَاِنِّىْ قَرِيْبٌ أُجِيْبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا
دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيْبُوْا لِىْ وَلْيُؤْمِنُوْا بِىْ لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُوْنَ

Terjemahan: Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu dari hal-Ku, maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) senantiasa hampir (kepada mereka), Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul.

(Al-Baqarah 2:186)

Bukti-bukti Saintifik tentang Kebesaran Allah

Setelah kita huraikan dengan ringkas tentang keimanan kepada Allah s.w.t. marilah kita kaji kewujudan Allah s.w.t., keesaan dan kebesaran-Nya dari segi dalil akal saintifik (ilmiah) pula. Sebenarnya kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa bukanlah ciptaan akal tetapi dengan perantaran wahyu atau naqli yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi yang berakhir dengan Rasul pilihan Nabi Muhammad s.a.w. Penurunan dasar tauhid itu bermula daripada Nabi Adam a.s. dan Nabi-nabi serta Rasul-rasul yang berikutnya seperti Nuh, Lut, Idris, Zulkifli, Yaakub, Daud, Sulaiman, Yunus, Musa, Isa dan lain-lainnya kemudian sebagai kita maklumi bersama Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan membawa ajaran yang jelas dan pasti tentang ketuhanan yang Maha Esa.

Tugas al-Qur'an bukanlah untuk memberi jawapan kepada pemikiran manusia tentang persoalan-persoalan alam semesta atau jagatraya dan hakikat wujudnya sesuatu benda dari segi ilmiah atau saintifik secara terperinci tetapi kitab suci al-Qur'an ialah kitab Allah untuk memberi petunjuk dan panduan kepada manusia tentang kehidupan dari segi agama dan dunia supaya manusia dapat hidup dengan aman damai dan bahagia baik dalam dunia seterusnya di akhirat.

Walaupun demikian ayat-ayat al-Qur'an membawa banyak pengertian yang halus sama ada langsung atau tidak langsung terhadap hakikat ilmiah atau saintifik mengenai perkara-perkara alam seperti persoalan manusia, kedoktoran, ilmu alam, ilmu pertanian, ilmu kesihatan, ilmu falak, ilmu antropologi, ilmu sejarah, ilmu biologi dan sebagainya. Ini semua memberi bukti kepada kita bahawa Nabi s.a.w. yang tidak tahu membaca dan menulis, serta hidup berjauhan pula daripada pusat-pusat ilmu pengetahuan pada masa itu seperti kota Iskandariah, Rom dan Athens: Namun begitu Baginda dapat menyatakan ilmu pengetahuan, persoalan-persoalan hidup dan mati yang begitu mengagumkan manusia pada segala zaman dan generasi. Semuanya itu adalah sebenarnya wahyu daripada Allah pencipta manusia, haiwan, tumbuhan dan seluruh alam semesta.

Cuba kita perhatikan dengan teliti bagaimana al-Qur'an memperkatakan proses kejadian manusia dari segi biologi yang selaras dengan fikiran saintifik. Sebenarnya manusia selaku makhluk yang bertanggungjawab itu mempunyai proses kejadian yang seimbang lagi indah. Maka dengan meneliti firman Allah ini dapatlah kita menyedari dan menginsafi kebesaran Allah s.w.t. Firman-Nya:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَٰنَ مِنْ سُلَٰلَةٍ مِنْ طِينٍ. ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ. ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا الْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَٰهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَٰلِقِينَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia dari pati (yang berasal dari tanah); kemudian Kami jadikan "pati" itu setitik air benih pada tempat penetapan yang teguh kukuh; kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku; lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, kami mulakan dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta.

(Al-Mu'minun 23:12–14)

Inilah satu daripada hakikat kejadian manusia yang diabadikan di dalam al-Qur'an yang begitu jelas yang tidak bercanggah dengan pendapat-pendapat ilmu pada zaman moden.

Adakah dapat diterima oleh akal bahawa Nabi Muhammad yang tidak pandai membaca dan menulis sanggup memperkatakan persoalan yang besar ini dengan fikirannya sendiri? Tentulah daripada Allah yang Maha Kuasa, maka benarlah al-Qur'an itu wahyu Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Setelah kita mempelajari tentang proses kejadian manusia marilah kita mempelajari pula hakikat yang kedua tentang kejadian alam semesta atau jagat raya dalam setengah-setengah ayat al-Qur'an, di antaranya ialah firman Allah:

قُلِ انظُرُوْا مَاذَا فِي السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْأٰيٰتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُوْنَ

Terjemahan: Katakanlah (Ya Muhammad)! Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi, tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan Rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang yang tidak beriman.

(Yunus 10:101)

Firman-Nya:

أَوَلَمْ يَنْظُرُوْا فِيْ مَلَكُوْتِ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَنْ يَكُوْنَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيْثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُوْنَ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang yang tidak menaruh kepercayaan kepada-Nya.

(Al-A'araf 7:185)

Di antara sebesar bukti tentang wujud keesaan Allah ialah penciptaan alam buana yang terbentang luas ini. Bumi yang kita hidup ini berserta bintang-bintang dan planet-planet yang bertabur-

an di angkasa lepas yang kita lihat dengan mata kepala amat menarik sekali. Itu semua membawa kita kagum, hairan dan bercampur takut, maka bertambah kuatlah iman kita terhadap Allah s.w.t.

Banyak sekali ayat al-Qur'an yang menyuruh manusia mengarahkan pandangannya kepada ciptaan alam buana ini, baik di langit dan di bumi supaya kita mengakui kewujudan dan keesaan Allah s.w.t. Di atas telah saya kemukakan dua ayat untuk pembaca-pembaca merenung dan meneliti dengan penuh perasaan.

Al-Qur'an menerangkan bahawa ketidakpercayaan kepada Allah selepas melihat dan memerhati alam buana ini yang mempunyai hikmat dan rahsia yang besar adalah menunjukkan sikap degil dan tidak peduli akan kebenaran. Orang mu'min ialah golongan manusia yang menerima dalil dengan insaf tentang alam buana yang membuktikan wujudnya Allah, firman-Nya:

خَلَقَ اللّٰهُ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ إِنَّ فِي ذٰلِكَ لَآيَةً لِلْمُؤْمِنِيْنَ

Terjemahan: Allah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang layak dan berhikmat; sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi orang yang beriman.

(Al-'Ankabut 29:44)

Menurut pendapat sarjana-sarjana astronomi bahawa bumi ini ialah satu daripada keluarga matahari, matahari pula hanya merupakan satu unit daripada berbagai-bagai kumpulan keluarga bintang atau planet yang tidak dapat dikira banyaknya, hanya Allah Ta'ala jua yang amat mengetahui benda-benda yang ada di ruangan angkasa lepas itu. Sebab Allah yang mencipta serta mengendalikannya.

Kita tidak mungkin tahu berapa jutakah jumlah bintang-bintang dan planet-planet yang berada dalam lingkungan keluarga matahari? Jika kita pandang dengan mata kasar bilangannya lebih kurang 6 000 tetapi jika kita lihat dengan teropong pembesar maka jumlahnya tidak dapat dikira, kerana terlalu banyaknya.

Kata sarjana astronomi bernama Capten banyaknya kira-kira 40 000 juta! Jika ratus ribu juta bintang-bintang yang terapung-apung di angkasa lepas bergerak, beredar dan berjalan menurut undang-undang yang ditetapkan tanpa bertembung atau berlaganya di antara satu sama lain ini adalah menjadi bukti yang sangat nyata bahawa memang ia dikendalikan oleh suatu kuasa yang terbesar iaitu Allah s.w.t. Allahlah yang mencipta dan mentadbirnya. Tidak dapat diterima oleh akal bahawa planet-planet dan bintang-bintang itu terjadi dengan sendirinya dan berjalan tanpa bertembung dengan spontan. Sedangkan kita saksi di bumi ini motokar-motokar atau kenderaan-kenderaan selalu berlaku kemalangan walaupun ada undang-undang lalulintas.

Kata Dr. Martin Stanley sungguhnya segala yang ada di alam semesta adalah membuktikan adanya Allah dan menunjukkan kekuasaan-Nya, kami sebagai sarjana-sarjana yang mengkaji dan menyiasat tentang keadaan alam semesta dengan menggunakan cara-cara membuat kesimpulan, sebenarnya kami tidak melakukan apa-apa, hanya memerhati kesan-kesan kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t.

Sekarang marilah kita mempelajari hakikat yang ketiga iaitu kejadian siang, malam, matahari dan bulan yang disebutkan dengan begitu ringkas di dalam al-Quran tetapi tepat, firman Allah:

وَمِنْ ءَايٰتِهِ الَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوْا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوْا لِلّٰهِ الَّذِى خَلَقَهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُوْنَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan, dan (sebaliknya) hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menjadikan mereka, kalau betullah kamu hanya menyembah dan beribadat kepada-Nya.

(Fussilat 41:37)

Malam siang terjadi daripada kesan bumi yang berpusing dan pusingan itu adalah di antara tanda-tanda yang nyata yang

membuktikan wujudnya Allah, seterusnya pusingan bumi itu sendiri memberi kesan yang besar terhadap kehidupan di bumi jikalau ia tidak berpusing dengan teratur akan kosonglah laut dan sungai, seterusnya jika ia berpusing dengan lebih laju tentulah rumah-rumah atau bangunan-bangunan akan berterbangan maka rosaklah sistem alam buana ini. Sebaliknya jika ia berpusing lebih lambat daripada keadaan yang ada yang telah ditentukan Allah maka penduduk-penduduk di bumi sama ada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan akan binasa kerana terlalu panas atau terlalu sejuk.

Matahari pula adalah tanda yang sangat besar tentang wujudnya Allah yang dia ditundukkan atau dimudahkan Allah untuk memberi tenaga kehidupan kepada semua benda-benda yang hidup di permukaan bumi sama ada haiwan, manusia, tumbuhan dan sebagainya. Segala penghidupan di bumi tidak boleh hidup dengan bahan tenaga panas yang tersimpan di dalam perut bumi sahaja. Ini bermakna segala sesuatu yang hidup di atas bumi akan mati lantaran terlalu sejuk. Matahari telah membekalkan tenaga dengan kekuasaan Allah dengan sukatan suhu tertentu yakni tidak lebih dan tidak kurang, semuanya sesuai untuk kehidupan tumbuh-an-tumbuhan, haiwan-haiwan dan manusia.

Manakala bulan pula dimudahkan atau ditundukkan oleh Allah s.w.t. kepada kita supaya kita dapat mengira dengannya masa dan waktu-waktu yakni haribulan. Selain itu cahayanya yang bersinar indah itu menjadi lampu kepada kita dan juga menjadi kompas bagi kapal-kapal dan sebagainya. Semua ini membuktikan kepada kita bahawa memang ada pencipta dan pentadbir yang mengendalikan bumi, matahari, bulan, bintang dan sebagainya yang dikenal dengan nama Allah s.w.t.

Demikianlah selesainya tiga perkara yang dikemukakan dengan secara ringkas iaitu proses kejadian manusia, kejadian alam semesta, keadaan bumi, matahari, bulan dan bintang serta kejadian siang dan malam untuk membuktikan dalil-dalil ilmiah atau saintifik tentang kewujudan dan keesaan Allah s.w.t. yang keimanan kepada-Nya menjadi pokok atau tunjang bagi rukun-rukun iman yang berikutan dengannya, selepas ini kita akan bincangkan pula konsep beriman dengan malaikat.

VII

IMAN: BERIMAN DENGAN MALAIKAT

Beriman dengan Malaikat

Adanya malaikat tidak dapat dikesani dengan penyelidikan dan pemikiran. Sumber pengetahuan kita mengenai malaikat ialah daripada al-Qur'an dan cerita daripada Rasulullah s.a.w. Kedua-duanya adalah benar dan tidak palsu atau dusta.

Manusia tidak dapat menafikan hakikat adanya malaikat ini, semata-mata kerana ia tidak nampak atau tidak dapat mengkaji. Banyak benda yang dapat dikaji di atas dunia ini yang tidak diketahui oleh manusia. Tetapi tidak boleh dikatakan benda itu tidak ada. Kelemahan manusia dapat melihat atau mengesan sesuatu dengan percubaan atau pengkajian tidak boleh menjadi alasan bagi membuktikan bahawa ianya tidak ada.

Hakikat kita mempercayai malaikat ialah supaya manusia itu mengetahui bahawa Allah s.w.t. berkuasa menjadikan apa-apa juga yang dikehendaki. Walaupun kejadian itu tidak dapat diketahui atau dilihat oleh manusia. Manusia hendaklah insaf bahawa dirinya itu adalah salah satu daripada kejadian-kejadian Allah s.w.t. Oleh itu janganlah menganggap sesuatu yang ghaib itu tidak ada kerana semata-mata tidak dapat dilihat. Kalau manusia tidak percaya kepada adanya malaikat seolah-olah dia menganggap Allah tidak boleh menjadikan sesuatu, jika sesuatu itu tidak diketahui oleh manusia. Anggapan seperti itu tentulah tidak benar, kerana

dengan itu bermakna kekuasaan Allah terikat dengan batas-batas pengetahuan manusia. Padahal yang sebenarnya kuasa Allah s.w.t. tidak sama sekali terbatas.

Tujuan Beriman dengan Malaikat

Sebagaimana telah dimaklum bahawa beriman dengan malaikat ialah salah satu daripada rukun iman dalam Islam. Kepercayaan kepada malaikat adalah termasuk ke dalam perkara ghaib, sebab malaikat itu tidak dapat dilihat oleh mata kepala dan disentuh oleh pancaindera dan hakikatnya sangat sukar difahami oleh akal fikiran semata-mata. Yakin kepada perkara ghaib adalah menjadi pertanda utama orang yang bertaqwa kepada Allah. Firman Allah:

ءَامَنَ ٱلرَّسُوْلُ بِمَآ أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِ وَٱلْمُؤْمِنُوْنَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللهِ وَمَلَٓئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ

Terjemahan: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, dan (juga) orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikat-Nya, dan kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya.

(Al-Baqarah 2:285)

Siapa Dia Malaikat?

Al-Qur'an telah menerangkan asal kejadian manusia iaitu daripada tanah. Hal ini telah diterangkan dalam buku ini ketika kita mempelajari proses kejadian manusia dan kejadian jin daripada api, tetapi tidak diterangkan dengan jelas tentang malaikat, tetapi ada riwayat daripada Rasulullah s.a.w., sabdanya:

خُلِقَتِ ٱلْمَلاَئِكَةُ مِنْ نُوْرٍ وَخُلِقَ ٱلْجَنُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ

Terjemahan: Dijadikan malaikat daripada cahaya dan dijadikan jin daripada percikan api.

(Riwayat Muslim)

Dengan keterangan Hadith ini ternyatalah bahawa malaikat itu ialah makhluk halus yang ghaib dan tidak dapat disaksikan oleh pancaindera, kerana ia bukanlah benda atau jisim. Walaupun begitu akal fikiran tidak menafikan wujudnya, bahkan sarjana-sarjana dan ulama-ulama pada masa sekarang pun memang mereka tidak mengetahui segala perkara. Mereka mengetahui hanya sedikit sahaja, bahkan benda-benda yang hidup atau benda-benda yang dapat disaksikan oleh pancaindera tidak semua diketahui oleh manusia. Sepanjang masa ada sahaja perkara baru atau makhluk baru yang ditemuinya walhal sebelum itu tidak diketahui.

Tuan Nasruddin Razak dalam kitabnya *''Al-Din al-Islami''* telah menyatakan malaikat sebagai makhluk Allah yang kuat, memiliki sayap yang banyak, sehingga dengan demikian membolehkan mereka melakukan gerak cepat. Dalam al-Qur'an ada satu simbol kecepatan yang digambarkan mengenai daya gerak malaikat, iaitu kecepatan sehari bagi malaikat sama dengan 50 000 tahun lamanya di dunia ini. Firman Allah:

تَعْرُجُ الْمَلَٰٓئِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ

Terjemahan: Malaikat-malaikat dan Jibril naik (menghadap) kepada Tuhan dalam sehari yang kadarnya lima puluh ribu tahun.

(Al-Ma'arij 70:4)

Menurut ilmu pengetahuan manusia kini bahawa di alam semesta cahaya adalah ukuran kecepatan mutlak iaitu kecepatannya 300 000 kilometer satu saat. Melihat kepada betapa luasnya alam semesta dan tugas-tugas malaikat antara lain mengurus alam semesta dan menyampaikan perintah-perintah Allah kepada makhluk-Nya maka pastilah dengan kudrat dan iradat Allah yang telah mengurniakan malaikat kekuatan dan kecepatan yang luar biasa.

Sebagai satu ilustrasi dalam menggambarkan kecepatan malaikat bahawa yang diperlukan oleh cahaya matahari untuk sampai ke bumi hanya 8 minit. Akan tetapi di luar sistem matahari kita, terdapat berjuta-juta bintang berpancar yang sebenarnya adalah

matahari juga. Menurut ilmu astronomi bintang yang paling dekat dengan bumi iaitu bintang *Alpha Century*. Jarak bintang tersebut dengan bumi ialah empat tahun perjalanan cahaya atau 4 × 365 × 60 × 300 000. Alangkah besarnya alam semesta ciptaan Allah yang Maha Kuasa.

Tabiat Malaikat dan Tugasnya

Malaikat mempunyai tabiat yang sangat berlainan daripada tabiat manusia. Ia tidak mempunyai nafsu, ia tidak mempunyai kuasa memilih. Ia telah ditugaskan oleh Allah dengan kewajipan-kewajipan tertentu terhadap jagatraya, tabiatnya semata-mata patuh dan tidak pernah menderhakai Allah. Firman Allah:

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي ٱلسَّمٰوٰاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِن دَآبَّةٍ
وَالْمَلَٰٓئِكَةُ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُوْنَ يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِن فَوْقِهِمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Terjemahan: Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang di langit dan apa yang ada di bumi daripada makhluk. Makhluk yang bergerak serta malaikat; sedang mereka (malaikat-malaikat itu) tidak berlaku sombong takbur (daripada beribadat dan sujud kepada-Nya). Mereka takut kepada Tuhan mereka, yang mengatasi mereka (dengan kekuasaan-Nya), serta mereka mengerjakan apa yang diperintahkan).

(Al-Nahl 16:49–50)

Tiap-tiap malaikat itu mempunyai tugas yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. selaras dengan kedudukan dan kemampuannya.

Di antaranya dipilih untuk menyampaikan risalah Allah yakni diutusnya kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi Allah. Firman Allah:

اللهُ يَصْطَفِي مِنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ

Terjemahan: Allah memilih utusan-utusan-Nya daripada malaikat dan manusia. Sesungguhnya Allah itu amat mendengar dan melihat.

(Al-Haj 22:75)

Firman-Nya:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ فَاطِرِ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُولِى أَجْنِحَةٍ مَثْنٰى وَثُلٰثَ وَرُبٰعَ، يَزِيْدُ فِى الْخَلْقِ مَا يَشَآءُ، إِنَّ اللهَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

Terjemahan: Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: Dua, tiga dan empat; Dia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakan-Nya apa jua yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Al-Fatir 48:1)

Firman-Nya:

فَنَادَتْهُ الْمَلٰٓئِكَةُ وَهُوَ قَآئِمٌ يُصَلِّى فِى الْمِحْرَابِ أَنَّ اللهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيٰى

Terjemahan: Lalu ia diseru oleh malaikat sedang ia berdiri sembahyang di Mehrab, (katanya): ''Bahawasanya Allah memberikan khabar yang menggembirakanmu, dengan (mengurniakan kepadamu seorang anak lelaki bernama) Yahya''.

(Ali 'Imran 3:39)

Firman-Nya:

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلٰٓئِكَةُ يٰمَرْيَمُ إِنَّ اللهَ اصْطَفٰكِ وَطَهَّرَكِ وَاصْطَفٰكِ عَلٰى نِسَآءِ الْعٰلَمِيْنَ

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: ''Wahai Mariam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan menyucikanmu, dan telah

memilihmu (dengan beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam (yang sezaman denganmu)''.

(Ali 'Imran 3:42)

Di antara Mereka Ditugaskan untuk Mengambil Nyawa

Ada di antara malaikat yang ditugaskan oleh Allah s.w.t. untuk mengambil nyawa seperti firman Allah:

الَّذِيْنَ تَتَوَفّٰهُمُ الْمَلٰٓئِكَةُ ظَالِمِيٓ أَنْفُسِهِمْ فَأَلْقَوُا السَّلَمَ مَا كُنَّا نَعْمَلُ مِن سُوْٓءٍ، بَلٰٓى إِنَّ اللهَ عَلِيْمٌ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُوْنَ

Terjemahan: (Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka menganiaya diri sendiri (dengan kekufurannya). Lalu mereka tunduk menyerah (ketika melihat azab sambil berkata): ''Kami tidak melakukan sesuatu kejahatan'', (malaikat menjawab): ''Bahkan (kamu ada melakukannya); sesungguhnya Allah amat mengetahui akan apa yang kamu telah kerjakan''.

(Al-Nahl 16:28)

Firman-Nya:

الَّذِيْنَ تَتَوَفّٰهُمُ الْمَلٰٓئِكَةُ طَيِّبِيْنَ يَقُوْلُوْنَ سَلٰمٌ عَلَيْكُمُ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُوْنَ

Terjemahan: (Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka bersih suci (daripada kufur, syirik dan maksiat), sambil malaikat itu berkata kepada mereka: ''Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan''.

(Al-Nahl 16:32)

Di antara Mereka Ditugaskan untuk Mencatatkan Amalan Manusia

Ada di antara malaikat telah ditugaskan oleh Allah Ta'ala untuk menulis segala gerak-geri, perkataan dan tingkah laku manusia. Firman Allah:

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَٰفِظِينَ كِرَامًا كَٰتِبِينَ يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ

Terjemahan: Padahal sesungguhnya ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawahan. Kamu, (mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu).

(Al-Infitar 82:10–12)

Di antara Mereka yang Ditugaskan Menanggung 'Arasy dan sebagainya

Ada di antara mereka telah ditugaskan menanggung 'arasy Allah dan sebagainya.

وَانْشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ وَالْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا
وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَٰنِيَةٌ

Terjemahan: Dan terbelahlah langit, lalu menjadilah ia pada saat itu lemah (dan runtuh), sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, dan aras Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh delapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu.

(Al-Haqqah 69:16–17)

Begitulah seterusnya malaikat itu menjalankan berbagai tugas yang diamanahkan oleh Allah Ta'ala. Hal itu Tuhan jualah yang Amat Mengetahui.

Pertalian Manusia dengan Malaikat

Orang Mu'min hendaklah memahami bahawa pertalian mereka dengan malaikat ada sempadan tertentu maka janganlah me-

lewati batas yang ditetapkan Allah Ta'ala. Malaikat ialah hamba Allah seperti makhluk-makhluk yang lain juga. Ia mematuhi Allah dan menjauhkan diri daripada melakukan ma'siat, sebab ketaatan dan kema'siatanlah yang boleh menentukan sama ada bahagia atau sebaliknya. Ada di antara setengah-setengah manusia melewati batas mengatakan malaikat itu perempuan atau anak-anak Tuhan. Firman Allah:

عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَّا يَعْصُوْنَ اللهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Terjemahan: Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkannya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

(Al-Tahrim 66:6)

Malaikat juga seperti makhluk-makhluk yang lain memuji dan mengakui kebesaran, kebenaran dan takutkan kepada kemurkaan Allah. Firman-Nya:

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيْفَتِهِ

Terjemahan: Dan guruh itu (demikian juga) para malaikat bertasbih memuji-Nya, kerana takut kepada-Nya.

(Al-R'ad 13:13)

Ada terdapat kesesatan daripada orang musyrik mengatakan malaikat itu anak perempuan Tuhan atau malaikat sebagai Tuhan. Firman Allah:

اَفَأَصْفَٰكُمْ رَبُّكُمْ بِٱلْبَنِيْنَ وَٱتَّخَذَ مِنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنَٰثًا إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا.

Terjemahan: Maka apakah patut Tuhan memilihkan bagimu anak-anak lelaki, sedangkan dia sendiri mengambil anak perempuan di antara para malaikat. Sesungguhnya kamu benar-benar mengucapkan kata-kata yang besar (dosanya).

(Al-Isra' 17:40)

Ada di antara orang musyrik pada zaman silam menganggap bahawa malaikat sebagai Tuhan, walhal malaikat sendiri melepaskan diri daripada mereka yang jahil dan bodoh itu seperti dalam firman Allah:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ إِيَّاكُمْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم بَلْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ

Terjemahan: Dan (ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan mereka semua (pada hari kiamat), kemudian Ia bertanya kepada malaikat: ''Adakah orang ini, (kamu setujui) menyembah kamu dahulu?'' Malaikat menjawab: ''Maha Suci Engkau (dari adanya sebarang sekutu dengan-Mu! Engkaulah (yang kamu hubungi sebagai pemimpin dan) pelindung kami bukan mereka. (Tidak ada hubungan daripada pihak kami dengan mereka mengenai sembahan pihak kami dengan mereka mengenai sembahan mereka akan kami), bahkan mereka adalah menyembah jin syaitan; kebanyakan mereka pula percaya kepada jin syaitan itu (sebagai sekutu Tuhan yang dipuja dan dipatuhi)''.

(Saba 34:40–41)

Sebenarnya malaikat sendiri adalah hamba Allah yang tidal berkuasa mendatangkan sebarang bahaya atau faedah kecual dengan keizinan Allah. Firman Allah:

وَكَم مِّن مَّلَكٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغْنِى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعْدِ أَن يَأْذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرْضَىٰٓ

Terjemahan: (Golongan yang musyrik mengharapkan pertolongan benda-benda yang mereka sembah itu) padahal berapa banyak malaikat di langit, syafa'at mereka tidak dapat mendatangkan sebarang faedah kecuali sesudah Allah mengizinkan bagi sesiapa yang dikehendakinya dan diredainya.

(Al-Najm 53:26)

Hanya setakat ini sahaja bahasan kita tentang malaikat dan berikutnya kita akan bincangkan pula rukun iman yang ketiga iaitu kepercayaan kepada kitab-kitab Allah s.w.t.

VIII

IMAN: BERIMAN DENGAN KITAB ALLAH

Beriman dengan Kitab Allah

Wajib percaya kepada kitab-kitab Allah — Pertalian manusia dengan kitab al-Qur'an — al-Qur'an ialah kebenaran yang dicari oleh manusia — pandangan al-Qur'an kepada al-Taurat dan al-Injil.

Wajib Percaya kepada Kitab-kitab Allah

Kepercayaan kepada kitab-kitab Allah satu daripada rukun iman dan Islam, kitab Allah itu mengandungi segala pengajaran yang disampaikan oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul sama ada titah perintah, larangan, panduan dan sebagainya kepada umat mereka itu. Oleh yang demikian tiap-tiap orang Muslim wajiblah percaya kepada kitab al-Qur'an dan kitab-kitab yang terdahulu daripadanya seperti suhuf Ibrahim, al-Zabur, al-Taurat, al-Injil yang telah diturunkan kepada umat yang terdahulu untuk membimbing mereka kepada jalan yang benar.

Dalam perjalanan sejarah kitab-kitab suci daripada tiap-tiap bangsa itu termasuk empat kitab yang disebutkan namanya di atas telah wujud penambahan, pengurangan dan perubahan terhadap isi kitab-kitab tersebut yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin agama mereka yang kemudian.

Oleh kerana ada dorongan-dorongan yang tertentu, maka sifat-sifat keasliannya sudah tercemar.

Di sini timbul pertanyaan: Apakah alasannya?

Untuk menjawabnya, tiap-tiap Rasul mengajarkan tauhid yang menjadi inti bagi semua kitab suci. Adapun syariatnya mungkin berbeza-beza, selaras dengan kehendak zaman dan keperluan bangsa itu sendiri, tetapi harus difaham bahawa ajaran-ajaran pokok tentang keimanan adalah sama jika diteliti tiap-tiap kitab suci yang ada di permukaan bumi ternyata tauhid tulen hanya terdapat dalam al-Qur'an. Tetapi kitab-kitab selainnya ajaran tauhid itu sudah diganti dengan syirik.

Injil perjanjian baru tidak menganut ketuhanan yang Maha Esa tetapi ketuhanan yang maha tiga (*Trinity*). Maka yang dapat ditemukan dalam kitab itu hanya bekas ketuhanan yang Maha Esa.

Jika wahyu-wahyu sebelum al-Qur'an hanya untuk bangsa dan zaman tertentu maka al-Qur'an dengan sifat akhirnya diuntukkan kepada semua bangsa dan semua zaman sejak ia diturunkan Allah. Wahyu-wahyu yang diturunkan pada tiap-tiap bangsa yang dahulu mengalami evolusi dan al-Qur'an adalah penutup evolusi itu. Selepas al-Qur'an perkembangaan fikiran dan pengetahuan manusia tidak terhenti. Maka perkembangan fikiran dan pengetahuan manusia terus-menerus ditujukan kepada Tuhan sama ada alam ghaib dan alam nyata maka al-Qur'anlah yang menjawabnya.

Kitab-kitab Allah juga boleh diertikan dengan panduan-panduan dan perundangan-perundangan Allah yang diwahyukan kepada hamba-hamba-Nya yang dipilih untuk memimpin manusia pada zaman mereka menurut penentuan risalah masing-masing. Firman Allah:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ
وَأَنزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا
فِيهِ

Terjemahan: Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi berita gembira (kepada

orang yang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar dengan balasan azab neraka), dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan.

(Al-Baqarah 2:213)

Firman Allah:

وَإِذْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Terjemahan: Pada (kenangkanlah) ketika Kami turunkan kepada (Nabi) Musa kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung dalamnya, yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat pertunjuk.

(Al-Baqarah 2:53)

Firman-Nya:

فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَاهِيمَ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَءَاتَيْنَـٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا

Terjemahan: Kerana sesungguhnya Kami telah pun memberikan kepada keluarga Ibrahim kitab (agama) dan hikmat (pangkat nabi), dan Kami telah memberi kepada mereka kerajaan yang besar.

(Al-Nisa' 4:54)

Firman-Nya:

الٓمٓ ذَٰلِكَ ٱلْكِتَـٰبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan

tentang sempurnanya), ia pula menjadi pertunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa.

. (Al-Baqarah 2:2)

Beriman kepada malaikat tidak terhasil selagi tidak beriman dan mempercayai bahawa Allah mempunyai kitab-kitab yang mengandung pertunjuk, dasar-dasar kebenaran dan tatasusila akhlak yang luhur, kerana keadilan Tuhan menghendaki melakukan hisab terhadap tiap-tiap satu yang dilakukan oleh manusia. Manakala keadilan tersebut tidak boleh dibebankan kepada mereka yang tidak mengetahuinya. Oleh sebab itulah Allah Ta'ala mengutuskan Rasul-rasul dari masa ke semasa dengan dikurniakan kitab-kitab kepada mereka untuk menjadi panduan.

Hubungan Manusia dengan Kitab Allah

Seorang Muslim yang beriman dengan kitab-kitab Allah mestilah mengamalkan segala ajaran kitab yang bertujuan menunjukkan manusia kepada jalan yang benar yang diredainya. Barangsiapa yang berkata ia beriman tetapi tidak menurut pengajarannya tidaklah boleh dikatakan beriman. Firman Allah:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ
ٱلْكِتَـٰبَ، أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri, padahal kamu semua membaca kitab Allah, tidakkah kamu berakal.

(Al-Baqarah 2:44)

Begitu juga beriman dengan kitab hendaklah merangkumi semua kitab Allah bukan sekadar beriman dengan setengah-setengah bahagian kemudian kita tidak mengikuti sebahagian yang lain. Tidak cukup berpegang dengan ayat-ayat tentang sembahyang, puasa, haji dan sebagainya kemudian ditinggalkan ayat-ayat yang berkenaan dengan mu'amalat atau kira bicara harian. Firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُوْنَ بِبَعْضِ ٱلْكِتٰبِ وَتَكْفُرُوْنَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَآءُ مَنْ يَفْعَلُ ذٰلِكَ مِنْكُمْ اِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ ٱلْقِيٰمَةِ يُرَدُّوْنَ إِلَى أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ وَمَا اللهُ بِغٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُوْنَ

Terjemahan: Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (daripada isi kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu di antara kamu, selain daripada kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.

(Al-Baqarah 2:85)

Keimanan Muslim terhadap kitab-kitab Allah merupakan kefahaman, kesedaran dan pelaksanaan ajaran-Nya, maka adalah menjadi satu kesalahan menggunakan ayat-ayat Allah itu dibuat azimat untuk menolak syaitan atau tangkal untuk mendapat keberkatan atau dibaca di tepi-tepi jalan untuk mendapat sedekah atau derma daripada orang ramai. Ini bertentangan dengan dasar kesusilaan dan dasar memuliakan ayat-ayat suci itu. Maka tidak harus sama sekali ayat-ayat suci itu sebagai tujuan mengemis dan sebagainya.

Al-Qur'an ialah Kebenaran yang Dicari oleh Manusia

Sebenarnya banyak kitab Allah yang telah diturunkan sebelum daripada al-Qur'an. Sebagaimana dinyatakan di atas tadi. Tetapi setelah Nabi-nabi dan Rasul-rasul itu wafat maka orang yang kemudian telah mengubah, meminda dan membuat ta'wil hingga menimbul perselisihan yang sangat hebat dalam agama. Umat manusia sedang menghadapi ancaman dan malapetaka kerana mereka telah meninggalkan agama Allah yang berdasarkan kepada tauhid tulen dan lain-lain rukun iman kepada agama syirik, agama berhala dan ada pula yang tidak beragama sama sekali serta aliran ateis, politeisme dan sekularisme pada abad-abad yang terkemudian ini.

Umat manusia memerlukan wahyu Allah Ta'ala supaya dapat menghindarkan mereka daripada kesesatan dan memimpin mereka supaya kembali kepada jalan yang benar yang boleh membawa kepada kesejahteraan baik di dunia dan akhirat. Hidup berbaik-baik sesama seagama. Terselamat daripada perbalahan dan permusuhan yang boleh melemahkan manusia itu sendiri.

Kedatangan Islam untuk menerangkan kebenaran "Agama Tauhid" tulen yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul seperti Adam, Nuh, Ibrahim, Isma'il, Ishaq, Yaakub, Dawud, Zulkifli Musa, 'Isa dan lain-lainnya. Kesemua Nabi-nabi dan Rasul-rasul tersebut membawa ajaran tauhid dan mempercayai hari kiamat, syurga, neraka, malaikat dan sebagainya.

Firman Allah yang ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.:

تَاللهِ لَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّنْ قَبْلِكَ فَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ
فَهُوَ وَلِيُّهُمُ ٱلْيَوْمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ. وَمَآ أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَٰبَ
إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى ٱخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Demi Allah! Sesungguhnya Kami juga telah mengutus Rasul-rasul kepada umat-umat yang terdahulu daripadamu (wahai Muhammad) lalu syaitan. memperelokkan pada pandangan mereka yang ingkar akan amal-amal mereka yang jahat itu; maka dialah menjadi pemimpin dan penolong mereka pada hari ini; dan mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Nahl 16:63–64)

Pandangan Al-Qur'an terhadap Al-Taurat dan Al-Injil

Perkataan al-Taurat telah diarabkan yang diambil daripada perkataan (*Torah*) dalam bahasa Ibri (Yahudi). Makna perkataan ini pada asalnya dalam bahasa Yahudi ialah syariat. Kitab Taurat ini adalah kumpulan wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. untuk menyeru Firaun dan pengikutnya kepada agama Allah yang sebenar, serta mengubah cara hidup mereka kepada cara hidup yang diwahyukan Allah dalam kitab Taurat. Kitab Injil pula

diturunkan kepada Nabi Isa untuk menyeru Bani Israel kepada agama Allah yang sebenar.

Al-Qur'an telah menyatakan bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan al-Taurat dan al-Injil sebelum daripada al-Qur'an untuk memberi petunjuk kepada manusia jalan yang benar. Firman-Nya:

اللهُ لَآ إِلٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّوْمُ نَزَّلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَابَ بِٱلْحَقِّ
مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرٰىةَ وَٱلْإِنْجِيلَ

Terjemahan: Allah, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan dia, yang tetap hidup-Nya, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Dia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (al-Qur'an) dengan (mengandungi) kebenaran, yang mengesahkan (isi kitab-kitab suci) yang ada di hadapan-Nya (yang diturunkan sebelumnya), atau Dia (juga) yang menurunkan (kitab-kitab) Taurat dan Injil.

(Ali 'Imran 3:2–3)

Di samping itu al-Qur'an telah memberi pandangan terhadap al-Taurat, sebab pengikut-pengikutnya telah mengubah dan meminda setengah-setengah ajarannya. Firman Allah:

مِنَ ٱلَّذِيْنَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ

Terjemahan: Di antara orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) kalam Allah (isi kitab Taurat) dari tempat dan maksudnya yang sebenar.

(Al-Nisa' 4:46)

Dan lain-lain lagi ada dinyatakan dalam al-Qur'an, firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِيْنَ أُوْتُوْا نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتٰبِ يُدْعَوْنَ إِلَى كِتٰبِ
اللهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ

Terjemahan: Tidakkah engkau pelik memikirkan (wahai Muhammad) terhadap (sikap) orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian daripada kitab (Taurat), mereka diseru kepada kitab supaya kitab itu dijadikan hakim (mengenai perkara-perkara yang timbul) di antara mereka.

(Ali 'Imran 3:23)

Maka dengan penjelasan-penjelasan yang tersebut di atas ternyatalah bahawa kitab Taurat yang ada dalam tangan orang Yahudi itu ialah sebahagian sahaja daripada kitab Allah bukan semua kitab.

Al-Qur'an telah menyebutkan pula bahawa orang Yahudi telah menyembunyikan banyak dasar agama mereka, firman-Nya:

يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ قَدْ جَآءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِّمَّا كُنتُمْ
تُخْفُونَ مِنَ ٱلْكِتَـٰبِ وَيَعْفُوا۟ عَن كَثِيرٍ

Terjemahan: Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada rasul Kami (Muhammad s.a.w.) dengan menerangkan kepada kamu daripada (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan daripada kitab suci, dan Dia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan).

(Al-Ma'idah 5:15)

Masalah yang mereka sembunyikan itu memang telah diturunkan kepada mereka itu ialah tentang sifat-sifat Nabi Muhammad s.a.w. dan berita-berita kedatangannya yang mereka sengaja mengubah perkataan-perkataan asal kepada maknanya yang lain.

Demikian juga ditinggalkan tentang hisab amalan manusia di padang Mahsyar kelak dan pembalasan di akhirat tidak disebut dalam kitab al-Taurat. Walhal dua masalah ini adalah menjadi kepercayaan asas bagi seluruh agama-agama langit.

Di samping itu al-Qur'an telah menyatakan bahawa orang

Nasrani telah melupakan sebahagian daripada asal kitab Allah. Firman-Nya:

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَـٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَـٰقَهُمْ فَنَسُواْ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُواْ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُواْ يَصْنَعُونَ

Terjemahan: Dan di antara orang yang berkata: "Bahawa kami ini orang Nasara". Kami juga telah mengambil perjanjian setia mereka, maka mereka juga melupakan (meninggalkan) sebahagian daripada apa yang diperingatkan mereka dengannya, lalu Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai ke hari kiamat; dan Allah akan memberitahu mereka dengan apa yang telah mereka kerjakan.

(Al-Ma'idah 5:14)

Berikut dengan ini kita akan bincangkan pula rukun iman yang keempat iaitu beriman kepada Rasul-rasul Allah.

IX

IMAN:
BERIMAN DENGAN RASUL ALLAH

Beriman dengan Rasul Allah

i. Hikmat pengutusan Rasul dan tugasnya — Wajib percaya kepada mereka.
ii. Tiap-tiap umat mempunyai rasulnya — Pertalian antara manusia dengan Rasul.
iii. Nabi Muhammad penyudah segala Rasul.

Hikmat Pengutusan Rasul-rasul dan Tugasnya

Orang yang menerima wahyu daripada Allah disebut Nabi. Nabi diperintahkan oleh Allah menyampaikan wahyu itu dalam bentuk syari'at disebut Rasul Allah (utusan Allah atau pesuruh Allah). Sebab itu seorang Rasul Allah adalah Nabi, tetapi seorang Nabi belum tentu menjadi Rasul. Dalam agama Nasrani Paulus, Mathew, Marcos, John dan lain-lain disebut juga rasul, tetapi dalam Islam mereka itu bukan Rasul sebab Rasul Allah ialah Nabi Isa a.s. Rasul-rasul Allah yang disebut dalam al-Qur'an seramai 25 orang. Sedangkan jumlah Nabi yang disebut dalam salah satu Hadith riwayat daripada pertanyaan Abu Zar kepada Nabi menurut riwayat Marduyah berjumlah 124 000 orang.

Kepercayaan kepada Rasul-rasul adalah salah satu daripada rukun iman dalam Islam. Maka tiap-tiap orang Muslim wajib percaya bahawa Allah s.w.t. telah mengutuskan Rasul-rasul

daripada kalangan manusia untuk memberi perkhabaran baik terhadap mereka yang melakukan kebaikan dan ancaman buruk terhadap mereka yang melakukan kejahatan.

Para Rasul telah menjalankan tugas mereka untuk mentauhidkan Allah yang Maha Esa yang penuh berkuasa atas segala makhluknya dan mereka telah menyampaikan segala hukum dan undang-undang Allah yang wajib dipatuhi dan segala larangan mesti dijauhi dan wajiblah dipercayai bahawa mereka semua telah menyampaikan seruan Allah dengan penuh kejujuran.

Allah s.w.t. telah menyokong mereka itu dengan berbagai mu'jizat supaya manusia membenarkan seruannya masing-masing. Mu'jizat itu ialah perkara luar biasa yang menakjubkan akal fikiran manusia, kerana ia berlaku di luar kekuasaan manusia tanpa mengikut undang-undang lojik dan undang-undang ilmu. Allah s.w.t. berfirman:

كَانَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللهُ ٱلنَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ
وَأَنزَلَ مَعَهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ بِٱلْحَقِّ

Terjemahan: Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar dengan balasan azab neraka), dan Allah menurunkan bersama-sama Nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandung keterangan-keterangan yang) benar.

(Al-Baqarah 2:213)

Para nabi yang telah diutuskan itu ialah manusia pilihan Allah untuk memandu umat manusia kepada jalan yang lurus yang membawa kepada kebahagiaan sama ada di dunia dan akhirat. Firman Allah:

كَمَآ أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنكُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ ءَايَـٰتِنَا

وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: (Nikmat berkiblatkan Ka'abah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat Kami) menguruskan kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (daripada amalan syirik dan ma'siat), dan yang mengajar kamu kandungan kitab (al-Qur'an) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang kamu belum ketahui.

(Al-Baqarah 2:151)

Wajib Percaya kepada Rasul-rasul

Al-Qur'an menyeru kita supaya mempercayai semua Rasul Allah. Firman Allah:

قُولُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْمَـٰعِيلَ وَإِسْحَـٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ وَمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِىَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ

Terjemahan: Katakanlah (wahai orang yang beriman): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (al-Qur'an), dan (kepada) apa yang diturunkan kepada (Nabi) Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub dan anak-anaknya, dan (juga kepada) apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan (Nabi) Isa (Injil), dan (kepada) apa yang diberikan kepada Nabi-nabi dari Tuhan mereka, kami tidak membeza-bezakan di antara seseorang daripada mereka (sebagaimana kaum Yahudi dan Nasrani membeza-bezakannya), dan kami

semua adalah Islam (berserah diri tunduk taat) kepada Allah (semata-mata).

(Al-Baqarah 2:136)

Di samping itu al-Qur'an menyatakan bahawa orang yang beriman kepada setengah-setengah Rasul dan sebaliknya mengingkari agama mereka. Firman-Nya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ أَن يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللهِ وَرُسُلِهِ، وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلاً

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang kufur (ingkar) kepada Allah dan Rasul-rasulnya, dan orang yang hendak membezakan (iman mereka) di antara Allah dan Rasul-rasul itu dan orang yang berkata: "Kami beriman kepada setengah-setengah Rasul-rasul itu dan kami kufur (ingkar) kepada setengah-setengahnya (yang lain)", serta bertujuan hendak mengambil jalan (lain) di antara (iman dan kufur) itu.

(Al-Nisa' 4:150)

Maka berdasarkan saranan dan petunjuk nas-nas ayat al-Qur'an, bermakna Islam telah menentukan prinsip yang teguh untuk memupuk semangat saling mengerti, persaudaraan dan perpaduan antara umat manusia dalam usaha mencari kebajikan bersama.

Inilah di antara sifat-sifat keistimewaan agama Islam yang membuka semangat persefahaman dengan seluas-luasnya di antaranya dengan agama-agama lain kerana Islam telah mewajibkan kepada penganutnya agar percaya dan menghormati sekalian Nabi-nabi dan Rasul-rasul Allah.

Orang yang mengkaji dengan jujur ternyatalah bahawa cara Islam menyatupadukan agama-agama menerusi risalah Muhammad adalah cara yang paling selamat untuk keamanan dunia. Sebab Islam telah mengakui semua agama langit adalah wahyu daripada

Allah. Lalu menegaskan pula disebabkan perjalanan kurun demi kurun, generasi demi generasi telah menyebabkan berlakunya penyelewengan daripada hakikat asli agama-agama itu sendiri.

Selepas berlaku kekecohan itu Islam menyeru seluruh manusia supaya menerima al-Qur'an yang terkumpul dalamnya segala intisari dan kelebihan-kelebihan kitab Allah yang terdahulu. Di samping menambahkan lagi perkara-perkara baharu yang selaras dengan perkembangan dan keperluan asasi manusia pada zaman kebelakangan ini. Semua Rasul terikat kepada arahan Allah terhadap segala tindakan dan kegiatan yang mereka lakukan. Firman Allah:

مَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ

Terjemahan: Tidak ada kewajipan yang ditugaskan kepada Rasul Allah selain daripada menyampaikan (perintah-perintah Allah) sahaja, dan Allah senantiasa mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan.

(Al-Ma'idah 5:99)

Mereka tidak mengeluarkan mana-mana mu'jizat bagi menyokong kebenaran mereka itu melainkan mu'jizat yang dikurniakan Allah. Firman-Nya:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِيَ بِأَيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللهِ.

Terjemahan: Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mendatangkan suatu mu'jizat melainkan dengan izin Allah.

(Al-Ra'd 13:38)

Tiap-tiap Umat Ada Rasulnya

Undang-undang Allah bagi manusia memerlukan pengutusan Rasul kepada tiap-tiap umat daripada kalangan mereka sendiri umat

memandu ke arah jalan yang benar. Di antaranya mentauhidkan Allah yang Maha Esa dan menggariskan panduan hidup yang baik demi merealisasikan keamanan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Firman Allah:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّٰغُوتَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkan dia menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut.

(Al-Nahl 16:36)

Firman-Nya:

وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ

Terjemahan: Dan tidak ada sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.

(Fatir 35:24)

Ayat-ayat di atas dengan jelas menerangkan bahawa tiap-tiap umat itu telah diutuskan seorang Rasul untuk memberi bimbingan supaya mereka itu mengikut garis-garis yang telah ditetapkan.

Allah mengutuskan Rasul untuk manusia demi kepentingan mereka sendiri supaya terselamat daripada gejala-gejala buruk dan kesenangan yang paling tinggi di akhirat kelak.

Al-Qur'an telah menyatakan nama dua puluh lima orang Rasul-rasul pilihan yang telah diutuskan kepada umat manusia di samping itu ada Nabi-nabi yang tidak diceritakan dalam al-Qur'an sepertimana yang diterangkan di atas dahulu. Firman Allah:

وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَٰهُمْ عَلَيْكَ مِن قَبْلُ وَرُسُلًا لَّمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ وَكَلَّمَ اللهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا

Terjemahan: Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan mereka kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada (Nabi) Musa dengan kata-kata (yang secara langsung, tidak ada perantaraan).

(Al-Nisa' 4:164)

Hubungan antara Manusia dengan Rasul-rasul

Hubungan seorang Muslim dengan Rasul-rasul Allah hendaklah didasarkan ke atas tabiat mereka itu yang selaras pula dengan tugas mereka itu. Maka janganlah manusia melampaui batas hingga membesarkan mereka ke taraf Tuhan atau anaknya kerana mereka sebenarnya golongan manusia juga yang dipilih oleh Allah Ta'ala. Firman Allah:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤْتِيَهُ اللهُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُواْ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ اللهِ

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab (agama), dan hikmat, serta pangkat Nabi, kemudian ia (tergamak) mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang yang menyembahku dengan meninggalkan (penyembahan) Allah".

(Ali 'Imran 3:79)

Ayat ini dengan tegas menentang sebarang pengabdian sesama manusia. Sebaliknya jangan pula memandang Rasul-rasul itu sebagai manusia biasa malah hendaklah kita muliakan mereka. Sebab tugas mereka ialah menyampaikan seruan suci daripada Allah Ta'ala.

Penghormatan yang wajar kepada peribadi mereka adalah diterangkan dalam firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرْفَعُوٓاْ أَصْوَٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ ٱلنَّبِىِّ

وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ ٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَـٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara semasa menghadapkan cakap kepada sebahagian yang lain. (Larang yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.

(Al-Hujurat 49:2)

Hal ini selaras dengan prinsip kesusilaan yang diamalkan oleh orang yang bertamadun, iaitu pada masa kita bercakap atau bertukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin kita yang jujur haruslah kita bercakap dan berbincang dengan suara yang lembut dan cara yang hormat.

Sebenarnya telah berlaku penyelewengan besar dalam kalangan orang Yahudi dan Nasrani hingga mereka mengangkat darjat nabi-nabi mereka ke darjat ketuhanan. Sikap ini telah melampaui batas dan ini merupakan syirik dan timbul daripada kesesatan mereka sendiri. Keadaan ini telah dinyatakan di dalam al-Qur'an:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ اللهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَـٰرَى ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ اللهِ، ذَٰلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَـٰهِئُونَ قَوْلَ ٱلَّذِيْنَ كَفَرُوا مِن قَبْلُ قَـٰتَلَهُمُ اللهُ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ

Terjemahan: Dan orang Yahudi berkata: "Uzair ialah anak Allah," dan orang Nasara pula berkata: "Al-Masih ialah anak Allah." Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, mereka menyamakan perkataan orang kafir yang terdahulu, semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka (boleh) terpaling (daripada kebenaran)?

(Al-Taubah 9:30)

Tetapi kaum Muslimin terselamat daripada sikap melampaui seperti itu kerana kitab suci al-Qur'an telah menyatakan bahawa al-Masih ('Isa a.s.) itu hanya seorang daripada Rasul. Firman Allah:

مَا ٱلْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُوْلٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ

Terjemahan: Tiadalah al-Masih Ibu Mariam itu melainkan seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul.

(Al-Ma'idah 5:75)

Firman-Nya lagi:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ

Terjemahan: Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, yang sudah pun didahului oleh beberapa Rasul (yang telah mati atau terbunuh).

(Ali 'Imran 3:144)

Firman-Nya lagi:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu.

(Al-Kahfi 18:110)

Menurut saranan-saranan dan pernyataan-pernyataan ayat-ayat yang tersebut di atas ternyatalah bahawa hubungan atau pertalian di antara kaum Muslimin dengan Rasul-rasul Allah ialah pertalian menerima penyampaian dan ketaatan. Sebab tiap-tiap perkara yang terkeluar daripada suruhan Rasul bererti terkeluar daripada suruhan Allah dan Allah sahaja Tuhan kita yang kita beriman kepada-Nya seterusnya Dialah yang mengutuskan Rasul-rasul ke dunia untuk

memandu kita menuju ke jalan keselamatan dan kesejahteraan. Firman Allah:

مَن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ

Terjemahan: Sesiapa yang taat kepada Rasul Allah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah.

(Al-Nisa' 4:80)

Nabi Muhammad Penyudah Segala Rasul

Risalah Nabi Muhammad s.a.w. adalah menutup semua risalah-risalah dari langit dan ia membatalkan risalah-risalah yang terdahulu daripadanya kerana bentuknya yang sejagat yang tidak dibataskan dengan sebarang ruang dan waktu serta sesuai dengan zaman, segala keadaan dan semua umat manusia. Firman Allah:

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ

Terjemahan: Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang daripada lelaki kamu tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi.

(Al-Ahzab 33:40)

Ayat ini memberi arahan kepada manusia dengan menyatakan tujuannya bahawa ia telah menutup zaman kenabian dan bahawa tidak ada lagi Nabi selepas daripada Nabi Muhammad s.a.w. Sejak wafatnya Baginda Rasulullah telah berlalu selama lebih kurang 14 abad iaitu kurun demi kurun dan generasi demi generasi tidak ada lagi nabi sesudahnya.

Walaupun ada puak-puak tertentu daripada penganut agama lain yang tidak mengakui Muhammad sebagai Nabi yang disebutkan kedatangannya dan mereka masih menunggu kedatangan seorang Nabi, maka setelah 14 abad berlalu sudah cukuplah mereka untuk kembali ke pangkal jalan iaitu beriman kepada risalah Nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan Allah ke dunia. Firman Allah:

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman, dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

(Saba' 34:28)

Para Rasul sebenarnya mempunyai tugas yang sama atau dengan perkataan lain mereka pemangku kesatuan risalah ketuhanan (kesatuan misi ketuhanan). Syeikh Muhammad 'Abduh berkata: ''Nilai kedudukan mereka di antara bangsa-bangsa tidak ubah seperti kedudukan akal terhadap diri tiap-tiap orang manusia. Mereka bertugas mengajar manusia untuk mengenal Tuhannya dengan pengetahuan yang benar. Bertugas mengajar manusia tentang 'aqidah dan ibadat mengikut garis-garis yang ditentukan Allah, memandukan manusia dalam hidup di dunia ini supaya membersihkan rohaniahnya, yang bebas daripada penghambaan hawa nafsu agar manusia menjadi insan kamil. Dengan demikian mereka telah memimpin manusia agar sentiasa berkekalan di atas fitrahnya dan fungsinya selaku khalifah Allah di bumi. Suatu makhluk yang diamanahkan alam ini kepadanya. Tegasnya para Rasul itu bertugas memimpin manusia supaya hidup berbahagia di dunia, adapun dari segi persoalan keduniaan semata-mata para Rasul itu hanya memberikan garis-garis kasar tentang teknologi, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Demikianlah dengan ringkas perbincangan kita tentang beriman dengan Rasul, kemudian kita akan bincangkan pula rukun iman yang kelima iaitu beriman dengan hari akhirat.

X

IMAN:
BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT

Beriman dengan Hari Akhirat

Dalil-dalil naqli dan aqli tentang adanya akhirat — Hakikat roh dalam al-Qur'an — manusia dibangkitkan semula — nikmat di syurga dan azab di neraka.

Dalil-dalil Naqli dan Aqli tentang Adanya Akhirat

Sebelum kita bahaskan tajuk ini terlebih dahulu sukalah dinyatakan bahawa keyakinan kepada akhirat merupakan rukun iman yang kelima. Ia merupakan asas ajaran al-Qur'an dan sunnah serta satu daripada dasar seluruh agama langit. Falsafah Islam memandang keyakinan kepada Allah yang Maha Esa dan akhirat adalah sendi bagi rukun iman. Bagi orang yang yakin akan Allah yang Maha Esa – lojiknya ia akan percaya kepada akhirat. Kenapa? Kerana Tuhan mewajibkan bahawa kehidupan dunia yang nyata ini akan dilanjutkan oleh kehidupan akhirat yang ghaib bagi manusia sekarang. Jika keyakinan kepada Allah tergugat maka keyakinannya kepada akhirat juga turut tergugat. Puak eteis yang tidak percaya akan Tuhan dengan sendirinya tak percaya pula akan akhirat.

Sebaliknya jika kita ragu-ragu tentang Tuhan maka cara untuk menanamkan keyakinan kepada-Nya ialah dengan jalan menyedari maut selaku pintu gerbang ke akhirat. Masalah maut tidak mungkin dipecahkan oleh ilmu dan falsafah dengan cara pasti. Kepastian

kepada sesuatu yang akan terjadi selepas mati akan membawa kegelisahan, manakala kegelisahan berkembang kepada ketakutan. Maka manusia takut menghadapi mati.

Pelarian manusia daripada ketakutan dapat merintis jalan kepercayaan kepada Tuhan. Dalam rangka ini kita dapat memahami ucapan Nabi 'Isa yang terkenal ''Ingat akan mati ingat akan Tuhan!''.

Menurut al-Qur'an maut bukanlah merupakan berakhirnya kehidupan manusia, malah ia merupakan rantaian antara kehidupan di dunia dengan bentuk kehidupan lain yang lebih tinggi di akhirat.

Dalil-dalil yang Menunjukkan Adanya Hari Kiamat (Akhirat) Ada Dua Bahagian

Pertama dalil naqli dan yang kedua dalil'aqli. Adapun pengertian dalil naqli ialah dalil menerusi wahyu daripada Allah yang menyatakan tentang adanya kehidupan selepas mati untuk dihitung segala amalan tiap-tiap seorang individu yang dilakukan semasa hidupnya di dunia.

Dalil-dalil 'aqli pula ialah bahawa setiap manusia yang hidup pada zaman dahulu dan sekarang sama ada yang tinggal di kota atau di desa, yang pandai atau jahil, mempunyai perasaan yang halus bahawa selepas kehidupan di dunia ini ada kehidupan yang berikutnya untuk seseorang mendapat keadilan yang tidak diperolehinya di dunia yang sementara ini, di akhirat kelak manusia akan dibalas dengan balasan yang setimpal dengan amalannya sama ada baik dan jahat.

Kata Norman Pinsh Bill sebetulnya perasaan semula jadi yang tersemat dalam jiwa manusia tentang adanya akhirat setelah mati adalah suatu bukti yang kuat berkenaan adanya perkara itu. Sebenarnya apabila Allah Ta'ala hendak memberi kepercayaan kepada manusia terhadap sesuatu perkara maka ditanamkan fikiran itu dalam perasaannya. Keinginan untuk kekal hidup walaupun di alam yang lain adalah perasaannya yang begitu lumrah bagi jiwa manusia yang tidak boleh dipandang sepi.

Hakikat penting tentang hidup semula selepas mati itu tidak sampai kepadanya menerusi material sahaja bahkan dari segi 'aqidah dan kesedaran jiwa. Sesungguhnya ilham itu merupakan

perkara penting untuk memahami suatu hakikat dari segi ilmiah.

Tuhan berfirman:

أَفَرَءَيْتُم مَّا تُمْنُونَ ءَأَنتُمْ تَخْلُقُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ ٱلْخَٰلِقُونَ نَحْنُ
قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ ٱلْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ
أَمْثَٰلَكُمْ وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Tidakkah kamu perhatikan (air mani) yang kamu tumpahkan? Kamukah yang menciptakannya atau Kami? Kami telah menentukan kematian bagi kamu dan Kami tidak dapat dikalahkan untuk mencegah Kami mengubah sifat-sifat kamu dan mengubahkan kamu kepada bentuk yang tidak kamu ketahui.

(Al-Waqi'ah 56:58–61)

Daripada setitik air mani terjadilah manusia dalam proses berbentuk bayi, kanak-kanak, pemuda, dewasa dan tua. Ianya selalu mengalami perubahan tetapi hakikatnya tetap. Si Ahmad berbeza bentuknya ketika bayi, kanak-kanak, dewasa, pemuda dan sekarang telah tua. Tetapi ia tetap Si Ahmad. Apabila tua ia mati. Mati adalah perubahan terakhir kehidupan dunia. Selanjutnya diubah lagi oleh Allah sifat-sifat dan bentuknya yang tidak diketahui oleh kita kecuali Allah, tetapi hakikatnya sebagai manusia adalah tetap. Perubahan-perubahan yang berlaku semenjak mati itu adalah ghaib bagi pandangan dunia kini, yang abstrak itu tidak mungkin dinyatakan di sini. Tuhan yang Maha Esa itu Esa pula sifat kekuasaannya. Dia adalah Maha Kuasa, diciptakan manusia lalu digariskan hukumnya (Sunnah Allah) yang dihayati oleh manusia yang diciptakannya itu. Daripada embrio berubah menjadi bayi, daripada bayi berubah menjadi kanak-kanak, pemuda, dewasa, tua dan akhirnya mati. Jika Allah Maha Kuasa tentu pula berkuasa mengubah manusia yang sudah mati itu menjadi bentuk dan sifat ukhrawi dan tidak duniawi lagi.

Hakikat Roh di dalam Al-Qur'an

Masalah nyawa atau roh adalah yang paling rumit dalam bidang ilmu dan falsafah, sejak manusia mula memikirkan tentang hakikat

sesuatu perkara. Di antara mu'jizat al-Qur'an ialah meletakkan masalah ini di tempatnya yang betul. Kerana fikiran manusia yang terbatas walhal masalah itu ialah perkara metafizik.

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja!

(Al-Isra' 17:85)

Memang pengetahuan manusia itu sedikit dan terbatas. Sebab masa hidupnya terhad, keadaan yang dialaminya terhad dan fikirannya tidak mutlak. Oleh itu Allah mengatakan "Tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit".

Hal ini menepati dengan apa yang dikatakan oleh seorang sarjana Perancis bernama Charles Rieshee. Katanya yang bermaksud: Kenapakah kita tidak mengatakan dengan suara yang lantang bahawa ilmu yang kita milik sampai kini cuma mengetahui dari segi lahiriyah sahaja, tetapi hakikatnya memang tidak diketahui serta tidak termasuk di bawah pancaindera kita. Sebenarnya tabiat yang hakiki bagi undang-undang ilmu yang mengarahkan benda yang hidup dan beku adalah sangat jauh untuk dimengerti oleh akal fikiran kita. Pada akhirnya beliau berkata: Orang yang benar-benar pandai hendaklah ia merendahkan dirinya dan berani, merendahkan diri kerana ilmu kita sedikit dan berani sabab bidang dunia memang sentiasa terbuka untuk dibuat kajian.

Al-Qur'an telah menyatakan rohlah yang membawa manusia hidup. Ini disebutkan dalam firman-Nya:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُواْ لَهُۥ سَـٰجِدِينَ

Terjemahan: Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (Ciptaan)-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

(Al-Hijr 15:29)

فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ ٱلْحُلْقُومَ وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ

Terjemahan: Maka alangkah eloknya kalau semasa (roh salah seorang kamu yang hampir mati) sampai kepada kerongkongnya. Sedang kamu pada masa itu (berada di sekelilingnya) menyaksikan keadaannya.

(Al-Waqi'ah, 56:83–84)

Tetapi apa yang kita tahu tentang roh ialah perkara yang di masukkan oleh Allah ke dalam tubuh manusia lantas dia hidup dan apabila sampai ajal roh itu dikeluarkan daripada badan lantas manusia pun mati.

Sebenarnya dalam al-Qur'an didapati lebih kurang 300 ayat yang mengatakan tentang kematian dan keadaan-keadaan kehidupan selepas daripada mati seperti di alam barzakh dan di akhirat.

Nas-nas al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. menerangkan roh itu kekal. Ada roh yang mendapat nikmat kerana amalannya di dunia dahulu itu jahat dan ada roh yang terseksa lantaran amalannya di dunia dahulu itu jahat dan ada roh yang mengatakan maksudnya: *Roh orang yang mati dalam keadaan baik merupakan sebuah daripada taman syurga, manakala roh orang yang mati dalam keadaan jahat merupakan satu gaung neraka.* Di sini perlu dijelaskan tentang alam barzakh atau hidup dalam kubur sebelum daripada kebangkitan hari kiamat.

Barzakh ialah dinding yang membatasi antara dua ruang, iaitu bermula daripada mati sampai hari kebangkitan semula manusia. Ia merupakan dinding yang membataskan antara dunia dan akhirat yang dinamakan barzakh. Ia adalah alam tempat perhatian arwah orang mati sebelum dibangkitkan Allah semula dalam bentuk baru. Di situlah roh menunggu akhirat. Akhirat yang sebenar bermula daripada kiamat.

Ayat-ayat al-Qur'an telah menerangkan tiga tingkat evolusi manusia sebagai makhluk di alam nyata, mula-mula tingkat zat atau benda air mani, kemudian selepas itu tingkat organik atau biologi (makhluk hidup setingkat haiwan) dalam kandungan rahim. Tingkat ketiga ialah psikososial atau kebudayaan manusia setelah ia dilahirkan ke dunia. Evolusi itu tidak hanya berlangsung pada jasmaniah tetapi juga para rohaniah.

Tentang alam barzakh janganlah dipandang dengan kaca mata duniawi. Dunia adalah alam kebendaan yang dialami oleh manusia dengan tubuh kasarnya. Manakala alam barzakh jasad manusia telah terpisah daripada rohnya, oleh itu kehidupan manusia adalah kehidupan rohaniah.

Ada golongan manusia yang dasar kepercayaannya kepada kebendaan semata-mata. Mereka menganggap apabila manusia mati maka sejarahnya telah tamat. Hidup sesudah mati tidak ada. Fahaman ini ialah fahaman kaum Ateis atau kaum mulhid atau kaum dahri menurut istilah Islam. Keyakinan mereka bersumberkan kepada ideologi materialisme. Dasar ini mengatakan roh itu tidak ada.

Ada golongan lain yang mempunyai rangka kepercayaannya bahawa apabila manusia mati maka ia mengalami kehidupan reinkarnasi yakni penjelmaan. Ia bererti, perubahan hidup dan bentuk seorang yang mati berdasarkan kepada seluruh akibat 'akhlaqiyah iaitu tingkah laku seorang. Apabila tingkah laku jahat maka ia akan lahir dalam bentuk makhluk yang lebih rendah. Dia seperti kucing, anjing, babi, kayu, batu dan sebagainya atau orang itu akan lahir sebagai manusia yang hina hidupnya. Inilah kebanyakan fahaman agama budaya yang bukan agama langit.

Manusia Dibangkit Semula

Hikmat Allah Ta'ala menghendaki wujudnya negeri akhirat selepas hidup di dunia ini yang seseorang akan melihat balasan amalannya yang setimpal. Jika baik maka baiklah balasannya begitu juga sebaliknya. Allah menghendaki demikian untuk meyakinkan manusia bahawa negeri akhir itu benar agar mereka memperbekalkan diri mereka dengan amalan atau kegiatan yang boleh mendatangkan kesejahteraan di alam baqa' yang kekal abadi.

Islam memberi perhatian berat terhadap 'aqidah mempercayai kepada hari kiamat dan hari kebangkitan di akhirat, kerana ianya merupakan asas yang mustahak untuk kebajikan dan memperbaiki tingkah laku manusia di alam ini. Andaikata kebanyakan manusia mempercayai akhirat tentulah suasana dunia ini menjadi bahagia dan bertambahlah keberkatan dan keamanan dalam dunia.

Akan tetapi tabiat manusia pada mana-mana zaman pun telah

dipengaruhi oleh dunia dan matanya disinari oleh sinaran palsu dunia yang sementara itu. Seterusnya ramailah yang syak tentang kebangkitan dan hisab di padang mashyar pada hari kiamat.

Banyak ayat al-Qur'an yang membentangkan keadaan hidup selepas mati manusia di antaranya:

لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ بِٱلْحُسْنَى

Terjemahan: Untuk membalas orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan, dan membalas orang yang membuat baik dengan balasan yang sebaik-baiknya.

(Al-Najm 53:31)

Firman-Nya:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَٰكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Terjemahan: Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?

(Al-Mu'minun 23:115)

Firman-Nya:

وَهُوَ ٱلَّذِى يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ

Terjemahan: Dan Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedangkan pelaksanaan yang demikian amatlah mudah bagi-Nya.

(Al-Rum 30:27)

Maka dengan nas-nas al-Qur'an yang tersebut di atas menjadi bukti yang jelas bahawa kehidupan akhirat itu perkara pasti dan telah menjadi dasar kepercayaan dalam agama Islam dan seluruh agama-agama langit.

Huru-hara pada Hari Kiamat

Pada hari kiamat berlaku huru-hara yang sangat dahsyat yang menimpa alam buana dan penghuninya. Keadaan huru-hara yang amat dahsyat itu digambarkan oleh Allah dengan firman-Nya:

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ وَإِذَا ٱلْجِبَالُ
سُيِّرَتْ وَإِذَا ٱلْعِشَارُ عُطِّلَتْ وَإِذَا ٱلْوُحُوشُ حُشِرَتْ وَإِذَا
ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتْ وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ
بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتْ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتْ
وَإِذَا ٱلْجَحِيمُ سُعِّرَتْ وَإِذَا ٱلْجَنَّةُ أُزْلِفَتْ عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّآ
أَحْضَرَتْ

Terjemahan: Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap). Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak. Dan apabila gunung-ganang diterbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu). Dan apabila unta-unta yang bunting berbiar. Dan apabila binatang-binatang liar dihimpunkan. Dan apabila lautan meluap-luap bercampur-baur. Dan apabila tiap-tiap diri disatukan dengan pasangannya. Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya. Dengan dosa apakah dibunuh? Dan apabila surat-surat amal dibentangkan: Dan apabila langit ditanggalkan dari tempatnya. Dan apabila neraka dinyatakan menjulang; dan apabila syurga-syurga didekatkan (setelah semuanya itu berlaku), maka mengetahuilah tiap-tiap diri akan amal yang telah disediakannya.

(Al-Takwir 81:1–14)

Ayat-ayat di atas menggambarkan pertukaran corak alam buana seluruhnya yang matahari telah hilang dari tempat asalnya dan cahayanya pun hilang, binatang-binatang yang bercahaya di angkasa lepas telah jatuh berguguran dan habis cahayanya, gunung-ganang dan bukit-bukau hancur luluh, unta-unta yang bunting berkeliaran lari tanpa dipedulikan oleh tuan-tuannya kerana terlalu dahsyatnya dengan malapetaka yang mengancam, lautan-lautan telah meluap dan menggelegak limpah lantas menjadi sebuah lautan, segala roh-roh yang bercerai dengan badan kembali bercantum semula ke dalam badannya masing-masing, bayi-bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup tanpa dosa dibangkit semula untuk disoal akan orang yang melakukan jenayah yang sangat kejam. Suratan amalan yang tercatat segala tingkah laku dan tindak tanduk manusia telah ditetapkan untuk diperhitungkan amalan masing-masing, langit dijahanamkan dan rosaklah segala sistemnya, neraka jahanam telah dinyalakan dengan bahan bakarannya dan apinya menjulang tinggi, dan syurga disediakan dengan perhiasan indah yang tidak dapat digambarkan dengan lukisan kata. Maka pada hari tersebut segala sesuatu bertukar rupa, tiap-tiap orang akan diberitakan apa yang telah dilakukan dalam dunia dahulu sama ada baik atau buruk, semuanya didedahkan sama ada besar atau kecil, terang dan bersembunyi, yang baik akan mendapat ganjaran pahala iaitu dengan syurga, manakala yang jahat akan mendapat balasan dengan neraka.

Dalam ayat yang lain pula ditambahkan gambaran dahsyat yang menimpa manusia yang bertujuan untuk memberi amaran kepada mereka yang masih leka atau lalai dan mabuk dengan fitnah dunia supaya mereka bersegera menyediakan bekalan amal untuk akhirat. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ يَوْمَ
تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ
حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَٰرَىٰ وَمَاهُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ
ٱللَّهِ شَدِيدٌ

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu

suatu perkara yang amat besar. Pada hari kamu melihat (peristiwa-peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu yang menyusu akan lupakan anak yang disusukannya, dan perempuan-perempuan yang mengandung akan keguguran anak yang dikandungnya; dan engkau akan melihat manusia mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat dan mengerikan.

(Al-Haj 22:1–2)

Nikmat dan Azab di Akhirat

Tentang nikmat-nikmat di syurga bagi hamba Allah yang taat, dan azab di neraka terhadap hamba-hamba yang derhaka banyak sekali diterangkan dalam al-Qur'an al-Karim dengan menggunakan berbagai ilustrasi dan aliran bahasa yang boleh difaham oleh manusia di dunia kini. Tetapi bukanlah keadaannya serupa dengan keadaan yang berlaku di dunia ini, sebab negeri akhirat dan kehidupannya sangat berlainan sama sekali daripada dunia ini.

Berkenaan dengan kenikmatan di syurga pembaca-pembaca boleh menelitinya dalam terjemahan al-Qur'an al-Karim dalam bahasa Melayu, Inggeris dan sebagainya cuma di sini beberapa ayat untuk menjadi contoh sahaja di antaranya ialah firman Allah:

مَثَلُ ٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى وُعِدَ ٱلْمُتَّقُونَ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلأَنْهَـٰرُ
أُكُلُهَا دَآئِمٌ وَظِلُّهَا

Terjemahan: Sifat syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertaqwa itu ialah air sungai-sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya; makanannya kekal tidak putus-putus, dan naungannya senantiasa teduh.

(Al-Ra'd 13:35)

Firman Allah:

يَـٰعِبَادِ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ وَلَآ أَنْتُمْ تَحْزَنُونَ. ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
بِـَٔايَـٰتِنَا وَكَانُوا۟ مُسْلِمِينَ. ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ أَنْتُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ تُحْبَرُونَ.

يُطَافُ عَلَيْهِم بِصِحَافٍ مِّن ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ وَأَنتُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ. وَتِلْكَ ٱلْجَنَّةُ ٱلَّتِىٓ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ. لَكُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ

Terjemahan: Mereka yang bertaqwa itu, diberi penghormatan serta diseru oleh Allah s.w.t. dengan firman-Nya): "Wahai hamba-hamba-Ku! Pada hari ini kamu tidak akan merasai sebarang kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik), dan kamu tidak pula berdukacita," (mereka itu ialah) orang yang beriman akan ayat-ayat keterangan Kami, serta mereka menjadi orang Islam yang taat patuh, (mereka diberi sebaik-baik balasan dengan dikatakan kepada mereka): "Masuklah kamu ke dalam syurga bersama-sama isteri-isteri kamu (yang beriman), dengan menikmati sepenuh-penuh kegembiraan dan kesenangan. Diedarkan kepada mereka pinggan-pinggan besar dan piala-piala daripada emas; dan di syurga itu pula disediakan segala yang diingini oleh nafsu serta dipandang indah oleh mata; dan (dikatakan kepada mereka): "Kamu adalah tetap kekal dalamnya." Dan (dikatakan lagi kepada mereka): Inilah syurga yang diberikan kamu mewarisinya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan. "Kamu beroleh dalamnya berbagai jenis buah-buahan, untuk kamu makan daripadanya".

(Al-Zukhruf 43:68–73)

Manakala ayat-ayat yang menyatakan keazaban neraka banyak diterangkan dalam al-Qur'an, silalah baca sendiri dalam terjemahan-terjemahannya. Saya akan sebutkan beberapa ayat sahaja sebagai contoh di antaranya ialah firman Allah:

فِى سَمُومٍ وَحَمِيمٍ وَظِلٍّ مِّن يَحْمُومٍ لَّا بَارِدٍ وَلَا كَرِيمٍ

Terjemahan: Mereka diseksa dalam angin yang membakar dan air yang menggelegak, serta naungan daripada asap hitam yang tidak sejuk, dan tidak pula memberi kesenangan.

(Al-Waqi'ah 56:42–44)

كَلَّا لَيُنۢبَذَنَّ فِى ٱلْحُطَمَةِ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْحُطَمَةُ. نَارُ ٱللَّهِ ٱلْمُوقَدَةُ
ٱلَّتِى تَطَّلِعُ عَلَى ٱلْأَفْـِٔدَةِ

Terjemahan: Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam "al-Hutamah". Dan apa jalannya engkau dapat tahu apa dia al-Hutamah itu? Ialah api Allah yang dinyalakan (dengan perintah-Nya), yang naik menjulang ke hati.

(Al-Humazah 104:4–6)

Firman-Nya:

فَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ قُطِّعَتْ لَهُمْ ثِيَابٌ مِّن نَّارٍ يُصَبُّ مِن فَوْقِ
رُءُوسِهِمُ ٱلْحَمِيمُ. يُصْهَرُ بِهِۦ مَا فِى بُطُونِهِمْ وَٱلْجُلُودُ وَلَهُم مَّقَـٰمِعُ
مِنْ حَدِيدٍ كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا۟ فِيهَا
وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ

Terjemahan: Maka orang kafir akan dipotongkan untuk mereka pakaian daripada api neraka, serta dicurahkan atas kepala mereka air panas yang menggelegak, yang dengannya dihancurkan apa yang ada dalam perut mereka, dan kulit badan mereka. Dan disediakan batang-batang besi untuk menyeksa mereka. Tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, disebabkan mereka menderita azabnya, mereka dikembalikan padanya, serta dikatakan: "Rasakanlah kamu azab seksa yang membakar!"

(Al-Haj 22:19–22)

XI

IMAN: BERIMAN DENGAN QADA' DAN QADAR

Beriman dengan Qada' dan Qadar

Percaya kepada qada' dan qadar Allah s.w.t. ialah, mempercayai bahawa, segala sesuatu yang terjadi dan peristiwa-peristiwa yang berlaku adalah menurut ketentuan dan ketetapan Allah s.w.t.

Manusia dijadikan oleh Allah s.w.t. dan Dialah yang menentukan perjalanan gerak-geri dan kelakuannya semua ditentukan oleh Allah s.w.t. yang berkuasa sepenuh ke atasnya. Allah berfirman:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّا أَن يَشَآءَ اللهُ

Terjemahan: Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah.

(Ali 'Imran 3:30)

Allah s.w.t. yang berkuasa memberi petunjuk kepada manusia atau masyarakatnya, Allah s.w.t. berfirman:

فَيُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ

Terjemahan: Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan kejadiannya), juga

memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan kejadiannya).

(Ibrahim 14:4)

Sungguhpun Allah s.w.t. yang menentukan kebaikan dan keburukan manusia. Tetapi Dialah yang menetapkan sesuatu ketentuan ke atas manusia itu dengan adil. Allah berfirman:

وَأَنَّ اللهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيْدِ

Terjemahan: Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim terhadap hamba-hamba-Nya.

(Ali 'Imran 3:18)

Dalam menentukan ketetapan nasib hamba-hamba-Nya itu; Allah s.w.t. mengingkari sikap dan amalan manusia yang buruk. Ikhtiar dan usahanya merupakan kemampuan-kemampuan yang ada padanya. Kerana itu Allah s.w.t. mewajibkan manusia berusaha ke arah kebaikan dan menetapkan peranan usaha dalam penentuan nasib manusia itu. Kiranya baik yang diusahakan maka baiklah. Begitulah sebaliknya. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ ٱللهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang yang ada pada diri mereka sendiri.

(Al-Ra'd 13:11)

Dengan itu percaya kepada qada' dan qadar bermakna percaya bahawa penentuan Allah s.w.t. itu secara adil dan bersesuaian dengan kehendak-Nya kepada manusia, hak berusaha dan berikhtiar. Dengan lain perkataan, ia menentukan segala-galanya dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan-Nya. Peraturan-peraturan yang bersesuaian dengan kehendak-Nya untuk menjadikan manusia itu makhluk yang bertanggungjawab yang dapat dipersoalkan amalan mereka di dunia dan dapat dibalas di akhirat menurut sebagaimana kehendak Allah s.w.t. jua.

Kekeliruan di Sekitar Kepercayaan Qada' dan Qadar

Terdapat berbagai-bagai kekeliruan di kalangan manusia dalam memahami kepercayaan kepada Qada' dan Qadar. Justeru adanya kekeliruan ini, patut dinyatakan di sini beberapa kekeliruan tersebut dan jawapan mengenainya. Faktor utama kekeliruan ini ialah kejahilan. Tetapi ada juga sebab-sebab lain. Di antaranya terpengaruh kepada serangan musuh-musuh Islam yang sengaja menimbulkan kekeliruan untuk memesongkan kepercayaan umat Islam.

1. Kekeliruan pertama yang sengaja ditimbulkan ialah anggapan bahawa kepercayaan kepada qada' dan qadar itu menghalang kemajuan. Kekeliruan ini sengaja ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam terutamanya di kalangan orientalis (sarjana-sarjana barat yang ahli mengenai pengajian ketimuran). Justeru orang ini sebenarnya tahu bahawa dalam perkembangan sejarah, kepercayaan ini tidak pernah menjadi sebab kemunduran. Orang Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabat, adalah manusia yang sangat kuat keyakinan mereka kepada qada' dan qadar. Tetapi mereka telah berjaya menguasai sebahagian besar dunia dan menyebarkan keadilan di serata tempat walau di mana mereka berada. Mereka terus membina kemajuan yang tinggi nilainya dan tamadun yang besar.

   Orang barat yang menimbulkan kekeliruan ini juga tahu bahawa dalam masyarakat mereka juga terdapat fahaman yang merupai kepercayaan kepada qada' dan qadar. Tetapi mereka tidak pernah menyatakan bahawa kepercayaan ini menghalang kemajuan mereka. Kekeliruan ini sengaja ditimbulkan untuk mengelirukan orang yang tidak berfikir terhadap Islam. Sama ada orang Islam atau bukan Islam.

2. Kekeliruan kedua timbul daripada salah faham mereka mengenai kepercayaan ini. Iaitu kepercayaan *Jabariyyah* yang beranggapan bahawa manusia ini tidak perlu berusaha dan berikhtiar, kerana semuanya ditentukan oleh Allah s.w.t. Manusia ini seperti debu yang berterbangan mengikut arah pukulan angin dan tidak lagi dapat berbuat apa-apa dalam

menentukan nasib mereka. Aliran seperti ini semata-mata kerana tidak menyedari bahawa kepercayaan kepada qada' dan qadar yang ditetapkan oleh Islam, tidaklah seperti yang dijelaskan itu. Iaitu Allah s.w.t. memberikan daya berikhtiar dan berusaha, seperti yang dapat dilihat daripada pengalaman manusia. Justeru adanya keupayaan berikhtiar inilah maka manusia itu diberi tanggungjawab dan ditanya mengenai tanggungjawab itu.

3. Kekeliruan ketiga ialah aliran pemikiran *Qadariyyah* iaitu satu aliran yang berfahaman bahawa, manusia itu bebas sebebas-bebasnya, dan dialah yang menentukan nasibnya. Kepercayaan seperti ini, dapat dibuktikan kepalsuannya dengan mudah daripada pengalaman manusia sendiri yang tidak semua usaha dan kehendak manusia itu tercapai. Kebolehan dan pengetahuan manusia adalah terbatas. Keadaan ini menunjukkan, manusia tidak mampu menentukan segala-galanya. Perjalanan hidup manusia, adalah tertakluk kepada kehendak Allah s.w.t.

Beriman kepada qada' dan qadar adalah satu daripada rukun iman dalam Islam. Qada' dan qadar dalam pengertian sehari-hari selalu disebut takdir. Rukun iman yang terakhir itu hendaklah kaum muslimin berhati-hati memahaminya kemudian hendaklah disedari dengan iman dan ilmu yang benar. Jika tidak mungkin akan mengakibatkan orang tergelincir mengikut 'aqidah yang sesat. Kekeliruan umum terhadap qada' dan qadar atau kepercayaan kepada takdir itu ''segala untung nasib baik dan buruk seseorang manusia itu telah ditetapkan secara pasti oleh Tuhan. Oleh itu kenyataan yang diterima oleh tiap-tiap manusia hendaklah diterima dengan sabar.

Untuk memahami pengertian qada' dan qadar, kita perlu mengkaji al-Qur'an. Bagaimana pengertian qada' dan qadar itu menurut Kalam Allah yang diwahyukan dalam bahawa. Arab? Menurut al-Qur'an qada' bererti:

i. Hukum.

Sebab itu hakim dalam Islam bermakna kadi. Erti ini digunakan dalam ayat firman Allah:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا

Terjemahan: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), mereka tidak (disifatkan) beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka kemudian mereka tidak pula merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima (keputusan itu) dengan sepenuhnya.

(Al-Nisa' 4:65)

ii. Perintah.

Pengertian ini diambil dalam ayat-ayat firman Allah:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata.

(Al-Isra' 17:23)

iii. Memberitakan.

Pengertian ini diambil ayat-ayat firman Allah:

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَـٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ

Terjemahan: Dan Kami menyatakan kepada Bani Isra'il (dalam kitab Taurat): ''Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Palestin) dua kali.

(Al-Isra' 17:4)

iv. Memberitakan.

Pengertian ini diambil dari ayat, firman Allah:

إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Terjemahan: Apabila Dia (Allah) hendak menetapkan sesuatu perkara, maka Dia hanyalah beriman kepada-Nya: "Jadilah engkau lalu menjadilah ia".

(Ali 'Imran 3:47)

v. Menjadikan.

Pengertian ini diambil dari ayat, firman Allah:

فَقَضَـٰهُنَّ سَبْعَ سَمٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ

Terjemahan: Lalu ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa.

(Fussilat 41:12)

Kemudian pengertian qadar dalam al-Qur'an dapat kita memahaminya bahawa qadar itu ialah suatu peraturan umum yang telah diciptakan Allah untuk menjadi dasar alam ini yang terdapat undang-undang alam atau dalam istilah Islam "*sunnatullah*" yang abadi yang manusia juga berjalan di atas sunnah Allah.

Firman Allah:

إِنَّا كُلَّ شَىْءٍ خَلَقْنَـٰهُ بِقَدَرٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir.

(Al-Qamar 54:49)

Firman-Nya:

وَكَانَ أَمْرُ اللهِ قَدَرًا مَقْدُورًا

Terjemahan: Dan (ingatlah!) Perintah Allah itu adalah satu ketetapan yang ditentukan berlakunya.

(Al-Ahzab 33:38)

Dan firman-Nya:

وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَّرَهُ تَقْدِيرًا

Terjemahan: Dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna.

(Al-Furqan 25:2)

Oleh kerana itu, beriman kepada takdir menurut bahasa yang sering digunakan dalam masyarakat kita memberikan erti iaitu kita wajib mempercayai bahawa segala sesuatu yang terjadi di alam ini, berdasarkan al-Qur'an, iaitu takdir yang telah terdahulu daripada Allah Subahanahu wa Ta'ala, untuk itu marilah kita perhatikan beberapa perkara di bawah ini:

Keadilan Allah dan Ikhtiar Manusia

Apabila masalah takdir ditinjau, sepintas lalu, tentu ada orang berkata: Di manakah keadilan Allah? Tuhan telah menetapkan segalanya sehingga ada orang yang miskin dan kaya, senang dan yang menderita, Muslim dan kafir.

Masalah keadilan Allah inilah sejak dahulu lagi menjadi tajuk perbincangan yang hebat daripada golongan al-Mutakallimin, daripada mazhab Murji'ah, Jabariyyah, Mu'tazilah dan Asy'ariyah.

Sungguh sulit berbicara tentang keadilan dari sudut peninjauan manusia. Nilai yang ditetapkan manusia selalu subjektif. Kehidupan manusia di dunia nampaknya seirama dengan bentuk alam dan buminya sendiri. Kalau kehidupan manusia tidak rata, maka bumi dan alam nampaknya sentiasa berubah dan tidak tetap. Bukanlah bumi ini tidak rata? Kita temui bukit-bukit dan lembah-lembah, ada jalan yang mendaki dan ada jalan yang menurun. Di dunia ini ada benda yang padat keras dan ada pula yang cair. Alangkah

janggalnya kalau semua batu-batu jadi intan dan semua logam jadi emas!

Telah menjadi sunnah Allah atau hukum alam bahawa setiap kejadian ada mengandungi sebab dan akibat atau '*cause and effect*', ada sebab ada akibat di samping ada tujuan. Jika seorang ingin menjadi pandai dia hendaklah belajar bersungguh-sungguh. Kalau hendak menjadi profesor masuklah universiti dan hendaklah bertungkus-lumus berusaha dan membuat penyelidikan untuk mendapat setinggi-tinggi ijazah. Jika berusaha demikian insya-Allah cita-cita itu akan menjadi kenyataan.

Adalah mustahil sesuatu cita-cita berhasil hanya dengan berpeluk tubuh. Oleh sebab itu wajiblah faktor usaha atau ikhtiar daripada manusia sendiri. Sebab itulah juga ajaran fatalisme aliran yang diajarkan oleh golongan Jabariyah yang mana manusia semua tidak bebas, semua telah terikat dengan pasti adalah mengelirukan.

Kesalahan memahami takdir atau qada' boleh membawa akibat buruk dalam diri dan kehidupan manusia.

Kerana salah memahami takdir Tuhan, menyebabkan alam Islam menjadi mundur.

Pada suatu masa Umar bin al-Khattab bersama satu rombongan hendak masuk ke sebuah kampung. Beliau mendapat laporan bahawa di kampung tersebut sedang berlaku penyakit berjangkit lagi merbahaya. Setelah mendengar berita itu, khalifah Umar mengajak rombongannya kembali. Tetapi salah seorang daripada mereka berkata kepada beliau: "Takutkah tuan takdir Allah?" Jawab Umar: "Kita lari daripada takdir Allah menuju kepada takdir Allah!"

Kemenangan yang cemerlang oleh pahlawan-pahlawan Islam pada zaman dahulu adalah kerana beriman kepada takdir atau qada' dan qadar yang benar. Begitulah iman yang ada pada pahlawan Islam Khalid bin al-Walid dalam merebut kerajaan Parsi, Umar Ibn al-'As untuk menakluki Mesir dan panglima perang Tariq bin Ziad yang merintis jalan menakluki tanah besar Sepanyol.

Manusia hendaklah berusaha, kerana kemenangan itu adalah hasil dari perjuangan dan usaha yang gigih. Firman Allah:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ

Terjemahan: Adakah kamu menyangka bahawa, kamu akan masuk syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang yang sabar (yang tabah dan cekal hati dalam perjuangan)?

(Ali 'Imran 3:142)

Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Al-Ra'd 13:11)

Bagi setiap peristiwa ada pula hikmat dan tujuannya. Allah telah menciptakan segala sesuatu tidak sia-sia. Demikianlah peristiwa dan kejadian dalam kehidupan manusia, walaupun kita berikhtiar atau berusaha tetapi ia bukanlah perkara pasti. Maka kita temui dalam kehidupan manusia itu pasang surut dan berbagai musim! Sebab itu beriman kepada takdir mengajarkan kita supaya jangan sombong dan bongkak. Sebaliknya jangan lekas putus asa kalau bertemu dengan kegagalan, hari tidak akan selama-lamanya malam, ada bintang yang naik, dan bintang yang turun, hari ini kita menang, dan adakalanya kita gagal. Inilah fakta yang wujud di dunia ini. Hidup ini merupakan perubahan yang tak berhenti-henti. Sebab itu dunia ini dikatakan sebagai tempat ujian.

Oleh itulah orang yang beriman mendapat banyak ujian dari Tuhan. Ujian-ujian tersebut akan memberikan nilai terhadap mutu keimanan kita dan ujian itulah yang boleh mempertebalkan keimanan kita supaya menjadi modal hidup untuk menghasilkan

jasa dalam hidup yang terbatas ini sesuai dengan kedudukan manusia sebagai berfungsi menjadi khalifah Allah di bumi. Firman Allah:

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

Terjemahan: Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman," sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?

(Al-'Ankabut 29:1)

Setiap manusia yang beriman akan diuji. Tiap-tiap manusia hendaklah hidup dengan berikhtiar dan bekerja dengan sedaya upayanya sambil bertawakal dan berdoa. Tawakal bererti mewakilkan nasib diri dan nasib usạha kita kepada Allah, sedang kita sendiri tidak mengabaikan usaha dan tenaga kita dalam usaha itu. Kemudian hendaklah diyakinkan bahawa penentuan terakhir berada pada kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dialah yang Maha Kuasa, maka semangat tawakal yang sebenar dan doa yang ikhlas mempunyai peranaan yang penting, sedangkan doa yang ikhlas adalah makbul menurut janji-janji Allah. Dalam al-Qur'an banyak ayat yang menganjurkan supaya manusia berdoa dan bertawakal. Begitulah jalan dan hukum takdir Tuhan.

Seterusnya marilah kita perhatikan beberapa ayat yang menyatakan kehendak Tuhan terhadap manusia di samping ayat-ayat yang menyatakan pula penghargaan dan penilaian tentang keharusan adanya ikhtiar atau usaha daripada manusia. Antara lainnya ialah:

1. Ayat yang menyatakan kekuasaan mutlak Allah.

Firman-Nya:

فَيُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ

Terjemahan: Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan kejadiannya) juga memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan kejadiannya).

(Ibrahim 14:4)

2. Ayat-ayat yang menyatakan tentang ikhtiar atau usaha daripada manusia.

Firman-Nya:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَـٰلَمِينَ

Terjemahan: Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatu pun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah. Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(Al-Takwir 81:29)

Firman-Nya:

فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ

Terjemahan: Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman, dan sesiapa yang mahu kufur ingkar biarlah dia mengingkarinya.

(Al-Kahfi 18:29)

Dan firman-Nya:

وَلَا تَايْئَسُوْا مِن رَّوحِ اللهِ إِنَّهُ لَا يَايْئَسُ مِن رَّوحِ اللهِ إِلَّا
ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.

(Yusuf 12:87)

XII

HIDUP DAN IMAN

Membina Sikap Hidup Berasaskan Keimanan

Kita boleh membicarakan rukun-rukun iman. Berpandukan rukun inilah maka kita sebagai Muslim mesti membina sikap dan pandangan hidup kita, dalam apa-apa juga perkara dan masalah serta persoalan-persoalan yang kita tempuh. Dengan panduan-panduan daripada al-Qur'an dan Sunnah, kita dapat membina sikap dan kepercayaan yang berasaskan rukun-rukun keimanan tersebut.

Sikap dan Pendirian terhadap Manusia

Manusia ialah makhluk Allah s.w.t. yang dijadikan dengan seelok-elok kejadian dan dilengkapkan dengan akal fikiran. Ia dijadikan oleh Allah s.w.t. supaya melaksanakan tugas sebagai khalifah yakni tugas membina dan memakmurkan bumi, menggunakan nikmat-nikmat Allah s.w.t. untuk menegakkan keadilan, kesejahteraan, kebaikan dan keamanan. Mencegah daripada berlaku kerosakan, kekejian, kebinasaan terhadap alam ciptaan Allah s.w.t. ini. Allah berfirman:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ
أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ، إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا
جَهُولًا

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah bentangkan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah!) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Al-Ahzab 33:72)

Allah s.w.t. menjadikan manusia untuk beribadat kepada-Nya, kerana itu manusia hendaklah mematuhi segala perintah Allah dan sentiasa takut dan mengingati-Nya pada setiap masa. Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Al-Zariat 51:56)

Manusia ialah hamba Allah s.w.t. dan tujuannya ialah beribadah kepada-Nya kerana itu ia hendaklah sentiasa berusaha menjalankan hukum-hukum Allah daripada perkara yang berkaitan dengan urusan peribadatan untuk kepentingan keluarga, masyarakat dan negara.

Manusia sebagai hamba Allah s.w.t. tidak berhak mencabar Allah s.w.t. dengan sifat angkuh dan sombong dan mengatakan bahawa hukum Allah s.w.t. tidak sesuai sebaliknya, undang-undang dan peraturan ciptaan mereka sendiri adalah lebih sesuai dan sebagainya yang melanggar batas kebenaran, firman-Nya:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِيْ رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَى عَبْدِنَا فَأْتُوْا بِسُوْرَةٍ مِنْ
مِثْلِهِ وَادْعُوْا شُهَدَآءَكُمْ مِنْ دُوْنِ اللهِ اِنْ كُنْتُمْ صَادِقِيْنَ

Terjemahan: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika kamu orang yang benar.

(Al-Baqarah 2:23)

Cara hidup manusia yang betul dan benar ialah dengan mengikut peraturan-peraturan yang terkandung dalam agama Allah s.w.t. dan berpandukan dari segi pelaksanaan agama Allah itu kepada rasul-rasul yang diutus oleh Allah s.w.t. Firman-Nya:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنْتَهُوا۟

Terjemahan: Dan apa juga suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan, dan apa juga yang dilarangnya kamu melakukannya maka berhentilah daripada melakukannya.

Dan firman-Nya lagi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Terjemahan: Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasul Allah itu contoh ikutan yang baik.

(Al-Ahzab 33:21)

Dengan menjalani hidup berdasarkan hukum-hukum dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. terbukalah pintu-pintu rahmat Allah s.w.t. dan manusia mendapati dirinya hidup serasi dengan tabiat semula jadinya dengan alam yang didiaminya.

Pada waktu itu terlaksanalah makna yang terkandung dalam makna iman yang diambil daripada perkataan *aman* yang bermaksud tenteram. Juga terlaksanalah makna yang terkandung dalam perkataan Islam yang berasal daripada perkataan *salam* yang bermaksud sejahtera. Dengan terlaksananya hukum Allah s.w.t.

dalam segenap hidup manusia maka akan tersebarlah dengan luasnya keamanan dan kesejahteraan. Allah berfirman:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَـٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Dan (Tuhan berfirman lagi): Kalau sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membukakan kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi.

(Al-A'raf 7:96)

Perhubungan di antara manusia dengan manusia hendaklah dilaksanakan dengan berasaskan nilai-nilai yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Perhubungan itu hendaklah atas baik sangka, adil, kasihan belas, tolak ansur yang tidak melanggar dasar-dasar yang ditetapkan Allah s.w.t. Manusia tidak boleh bersikap takbur dan 'ujub (berbangga dengan dirinya) bahkan manusia hendaklah sentiasa merendahkan dirinya. Kerana dia tahu bahawa hanya hamba Allah s.w.t. yang akan dihisab amalannya oleh Allah s.w.t. di akhirat.

Kejayaan manusia di dunia ialah apakala ia berjaya melaksanakan kewajipannya sebagai hamba Allah s.w.t. iaitu dengan menghayati Islam sebagai cara hidup di mana-mana juga tempat dan kedudukan ia berada. Allah berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan), serta bertaq-

walah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

(Ali 'Imran 3:200)

Kejayaan juga ialah apabila manusia itu berjaya menundukkan nafsunya yang menghalang ia menunaikan kewajipan-kewajipan yang ditetapkan oleh Allah dan Rasulnya. Dengan menghapuskan halangan itu, ia tidak lagi lalai daripada melakukan kewajipan tersebut, sehingga kewajipan itu menjadi serasi dengan kemahuan dan keingginannya. Allah berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَاسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا
لِأَنْفُسِكُمْ، وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Oleh itu bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu; dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaran-Nya) serta taatlah (akan perintah-perintah-Nya); dan belanjakanlah harta kamu (serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya.

(Al-Taghabun 64:16)

Kejayaan manusia apabila ia merasa rela dan reda dengan seruan-seruan ke arah melaksanakan ketetapan hukum Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Kerana keredaan itu mereka mematuhi hukum-hukum dengan senang hati.

Manusia yang berjaya ialah manusia yang dapat mengatasi halangan-halangan kejiwaan dan lain-lain yang mencegahnya daripada berjuang dan berkorban untuk menegakkan makruf dan mencegah mungkar. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ
بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan perkara di antara mereka, hanya mereka berkata: ''Kami dengar dan kami taat!'' dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.

(Al-Nur 24:51)

Allah s.w.t. berfirman:

لَٰكِنِ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلْخَيْرَٰتُ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: (Mereka tetap tinggal) Tetapi Rasul Allah dan orang yang beriman bersertanya berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka, mereka itulah orang yang mendapat kebaikan dan mereka itulah juga yang berjaya.

(Al-Taubah 9:88)

Rasul-rasul dan orang beriman yang bersama-sama beliau, berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. Merekalah orang yang disediakan untuk mereka kebaikan dan merekalah orang yang berjaya.

Keterangan yang dipetik daripada al-Qur'an tadi jelas menunjukkan kejayaan seseorang manusia di dunia ini ialah apabila ia berjaya mengatasi kelemahan diri lantaran dikuasai nafsu. Nafsu yang sentiasa menghalangnya daripada menunaikan kewajipan terhadap Allah dan menegakkan cara hidup yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dalam segenap bidang dan yang menghalangnya daripada memperjuangkan kebenaran dan keadilan, serta menghalangnya daripada bertindak menegakkan ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Kemenangan dan kejayaan manusia ialah apabila ia berjaya membentuk kumpulan yang beriman dan bertaqwa bagi menghancurkan golongan-golongan yang membuat kerosakan di bumi dengan kegiatan-kegiatan ma'siat terhadap Allah s.w.t.

Oleh itu Allah menuntut orang Islam supaya membentuk golongan yang melaksanakan tugas menegakkan makruf dan mencegah kemungkaran dan menegakkan makruf dan menghalang kemungkaran adalah orang yang dalam berjaya. Allah s.w.t. berfirman:

وَلْتَكُنْ مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka (yang bersifat demikian), ialah orang yang berjaya.

(Ali 'Imran 3:104)

Semata-mata dengan berjaya menggerakkan tenaga kebenaran dalam masyarakat, sudah dianggap berjaya. Apalagi sekiranya, tenaga ini menang dalam pertarungan, perlawanannya dengan gerakan-gerakan palsu dan berhasil mempertahankan hawa nafsu.

Kemenangan melawan golongan yang bertuhankan nafsu dalam masyarakat manusia hanya akan tercapai sekiranya kita memberikan sepenuh tenaga untuk menegakkan agama Allah s.w.t. Dengan perkataan lain kita bertindak menolong agama Allah dengan pengertian menghayati ajarannya, mempertahankannya dari dinoda dan berjuang menegakkan kebenarannya Allah s.w.t. berfirman:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuasa bagi Maha Perkasa.

(Al-Haj 22:40)

Demikianlah kesungguhan dan pengorbanan meletakkan diri sepenuhnya untuk menegakkan agama Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. dan para sahabat beliau mendapat pertolongan Allah s.w.t. sehingga mereka dapat menghancurkan kuasa penjajah Rûmawi dan Parsi serta berjaya menegakkan dasar-dasar keadilan dan kebenaran Islam di atas keruntuhan kuasa-kuasa yang zalim itu. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنبِكَ
وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا
وَيَنصُرَكَ ٱللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang nyata. Kemenangan yang sebabnya Allah mengampunkan salah silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian dan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu, serta menambahkanmu hidayat ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). Dan dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuh dan sehandal-handal pertolongan (yang tidak ada tolok bandingnya).

(Al-Fath 48:1–3)

Bagaimanapun kemenangan yang hakiki bagi manusia ialah apabila ia menghadap Allah s.w.t. pada hari kiamat dengan kerelaan dan dimasukkan ke dalam syurga. Kemenangannya ialah kemenangan yang sebenar, kerana ia kekal abadi. Kemenangan itulah kemenangan yang sebenarnya, kerana kemenangan itu merupakan keuntungan dan ganjaran, hasil daripada perjuangan dan jihadnya di dunia untuk agama Allah s.w.t., Allah s.w.t. berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ
عَذَابٍ أَلِيمٍ. تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ

ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ. يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ وَمَسَـٰكِنَ طَيِّبَةً فِى جَنَّـٰتِ عَدْنٍ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui hakikat yang sebenar. (Dengan itu) Dia akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga yang kekal, itulah kemenangan yang besar.

(Al-Saf 61:10–21)

Sikap terhadap Hidup

Berdasarkan kepercayaan kepada qada' dan qadar Allah serta sifat-sifat kesempurnaan Allah s.w.t. yang Maha Adil adalah satu daripada sifat-sifat kesempurnaan itu, manusia tidak seharusnya merasa sesuatu dan risau menghadapi hidupnya di dunia ini.

Manusia yang berpegang teguh kepada agama Allah s.w.t. dan yakin kepada takdir dan penentuan Allah s.w.t. serta keadilan dan melaksanakan kewajipannya dengan mengikut panduan kitab-kitab Allah s.w.t. dan mematuhi bimbingan Rasul-rasul-Nya serta percaya kepada balasan akhirat, mereka hidup di dunia ini dengan tidak merasa kebimbangan dan putus asa.

Kehidupan kita di tangan Allah s.w.t. dan kita hendaklah menyerah diri kepada-Nya atau bertawakal kepada-Nya. Seperti yang telah diterangkan dalam pembicaraan mengenai qada' dan

qadar tadi, kita dapat melihat dengan jelas, baik dan buruknya seseorang ditentukan oleh Allah s.w.t. Tetapi penentuan ini bukan dilakukan dengan sewenang-wenang, malah ditentukan dengan adil, saksama. Allah s.w.t. tidak sekali-kali menganiaya hamba-Nya. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ

Terjemahan: Dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya.

Apabila kita melihat seseorang itu ditakdirkan menerima sesuatu keburukan, padahal dari segi zahirnya, ia membuat kebaikan, maka timbullah persoalan tentang keadilan Allah s.w.t., seolah-olah kita meragui keadilan Allah s.w.t.: Kita tidak sedar bahawa kita tidak mempunyai catatan mengenai amalan dan perbuatan orang itu. Sedangkan Allah s.w.t. merekodkan dengan teliti segala gerak-geri lahir dan batin orang yang kita sangkakan berbuat baik. Firman Allah:

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا

Terjemahan: Dan (ingatlah!) Allah senantiasa meng-awasi akan tiap-tiap sesuatu.

(Al-Ahzab 33:52)

Firman-Nya lagi:

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Tiada tersembunyi daripada pengetahu-an-Nya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi.

(Saba' 34:3)

Kadang-kadang Allah s.w.t. mendatangkan kesusahan kepada seseorang dengan tujuan menguji dan memperkukuhkan sifat-sifat

insaniah seseorang yang ditentukan oleh Allah s.w.t. untuk memikul tanggungjawab yang besar. Demikianlah kita lihat pejuang-pejuang kebesaran diseksa oleh orang zalim dan apabila Allah s.w.t. hendak memuliakan mereka, Allah s.w.t. mematikan mereka sebagai syahid yang dijanjikan oleh Allah segala kenikmatan di syurga yang kekal abadi. Atau Allah s.w.t. memberikan kemenangan di dunia dan menjalankan hukuman dan keadilan sehingga dirasakan kesan-kesan keadilan dan kebenaran itu oleh hamba-hamba Allah s.w.t.

Penentuan untuk memuliakan seseorang pejuang kebenaran dan keadilan dengan syahid atau kemenangan di dunia adalah hak Allah s.w.t. dan Dialah yang Maha Mengetahui rahsia zahir dan batin hamba-Nya.

Dengan keyakinan segala sesuatu dalam kehidupan manusia itu ditentukan oleh Allah s.w.t. dan penentuan itu dilakukan dengan adil maka tugas utama manusia ialah berusaha dan beramal serta berikhtiar mengikut arahan-arahan Allah s.w.t. Ikhtiar dan usaha manusia itu sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh Allah s.w.t. dalam menetapkan nasib seseorang hamba di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ اللهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوْا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Al-Ra'd 13:11)

Manusia hendaklah berusaha menjalankan hidup ini menerusi dasar-dasar yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. kerana dengan cara itu ia akan menikmati kejayaan dan kemenangan hakikat, sebaliknya usaha-usaha di luar batas yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan menyeleweng daripada kebenaran dan keadilan agama Allah yang diturunkan-Nya untuk menegakkan dasar-dasar tersebut, maka ia akan mendapat kerugian yang hakiki.

Manusia seharusnya tidak terpesona dengan kekuasaan Firaun dan kekayaan Qarun yang didapati menerusi jalan-jalan yang menyeleweng daripada jalan Allah s.w.t. Seseorang boleh berkata

bahawa ia berjaya kerana memperolehi kekuasaan dan kemewahan dengan tidak mematuhi agama Allah s.w.t. dan menerusi cara haram, tipu helah dan rasuah. Benarkah ia berjaya sekiranya ia sentiasa gelisah, keluh-kesah dan ketakutan lantaran ia mengetahui punca kekayaan dan kekuasaan itu. Ia sentiasa takut dan gelisah kalau-kalau kekayaan dan kekuasaan itu terlepas dari tangannya. Di akhirat kelak sudah tentu ia tidak akan mendapat keuntungan dan kemuliaan.

Sebaliknya orang yang berusaha dengan cara-cara yang ditetapkan Allah s.w.t. dan tidak melanggar batas-batas yang ditetapkan, seterusnya bertawakal kepada Allah s.w.t. terhadap hasil dan ganjaran usahanya, ia menghadapi hidup dengan tenang dan damai, tidak ada sesuatu yang merugikannya. Bahkan, jalan-jalan yang ditetapkan Allah s.w.t. itu, akan menjamin hidup dirinya dan masyarakat, kerana jalan Allah s.w.t. itu ialah jalan kebenaran dan keadilan. Apabila tegak kebenaran dan keadilan, akan terpancarlah sinar kebaikan dan kebenaran serta kesentosaan di bumi Allah ini.

Sikap terhadap Harta

Berdasarkan kepercayaan kepada Allah s.w.t.seorang yang beriman kepada Allah s.w.t. percaya bahawa alam ini kepunyaan Allah. Ia dijadikan oleh Allah sebagai nikmat-nikmat bagi membolehkan manusia menjalankan tugasnya sebagai khalifah dan pemerintah di bumi untuk memakmurkan alam dan kebaikan di atasnya.

Justeru itu, harta kekayaan pada hakikatnya milik Allah s.w.t. dan ia merupakan amanah-Nya kepada mereka yang mendapatkannya. Ia hendaklah digunakan untuk tujuan beribadat kepada Allah dalam menggunakannya untuk menegakkan suruhan Allah mengenai harta atau yang ada kaitan dengan harta, seperti berzakat, naik haji, bersedekah, mengusahakan kebajikan, memberikan peluang pekerjaan kepada orang yang tidak mempunyai pekerjaan, mengatasi keperluan-keperluan sosial dan lain-lain tugas harta yang seperti itu.

Harta bukanlah milik manusia yang mutlak yang boleh

dilakukan mengikut kehendak hatinya. Jalan untuk mendapatkan harta juga tidak boleh dilakukan mengikut sesuka hati.

Oleh kerana harta itu suatu amanah, maka dalam harta benda yang dimiliki oleh seseorang itu terdapat hak orang lain atau pihak-pihak yang ditentu dan diperuntukkan oleh Allah s.w.t. Manusia hendaklah membuat peruntukan daripada kekayaan untuk diberikan kepada orang yang berhak yang ditentukan oleh Allah s.w.t.

Dalam harta yang dimiliki itu terdapat hak-hak untuk berjihad ke jalan Allah s.w.t. bagi menegakkan kebenaran dan kemurniaan Islam dan menghancurkan kezaliman, kepalsuan, peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang lain daripada Islam.

Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga.

(Al-Taubah 9:111)

Dalam harta yang dimilikinya itu terdapat hak orang miskin, terutama daripada keluarga yang hampir.

فَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَٱلْمِسْكِينَ وَابْنَ ٱلسَّبِيلِ ذٰلِكَ خَيْرٌ
لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ ٱللهِ، وَأُوْلَٰئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Maka (bagi mengatakan kesyukuran berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang bertujuan memperolehi keredaan Allah, dan mereka itulah orang yang berjaya.

(Al-Rum 30:38)

Pendeknya harta itu adalah nikmat Allah s.w.t. yang diberikan sebagai amanah dan perlu dibelanjakan dengan cara-cara yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Sikap terhadap Makhluk Ghaib

Dengan mempercayai kekuasaan mutlak Allah ke atas alam ini, dan mempercayai wujudnya malaikat maka manusia yang beriman, tidaklah bersikap seperti setengah-setengah fahaman orang barat yang mempercayai bahawa sesuatu itu wujud secara hakiki hanya jika ia dapat dikesan menerusi pancainderanya, tetapi sesuatu yang tidak dilihat, dirasa, atau sebagainya tidaklah wujud, menerusi mereka.

Sikap orang Islam terhadap perkara ghaib tidaklah demikian. Bahkan Allah s.w.t. berkuasa menjadikan makhluk-makhluk dengan berbagai jenis sama ada diketahui oleh manusia atau tidak.

Sebahagian daripada kejadian Allah s.w.t. yang ghaib itu dapat kita ketahui menerusi sumber al-Qur'an dan Sunnah yang kita yakin kebenarannya. Di antara makhluk ghaib yang diceritakan oleh al-Qur'an ialah jin dan malaikat. Demikian juga al-Qur'an dan Sunnah menceritakan wujudnya syurga neraka, sirat,mizan, hisab di akhirat dan lain-lain yang bersangkutan dengan keadaan hari kiamat.

Kita mempercayai adanya kejadian-kejadian Allah s.w.t. yang ghaib itu kerana kejadian itu diceritakan oleh al-Qur'an dan Sunnah. Oleh kerana kebenaran al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w. tidak dapat diragukan lagi dan tidak dapat dicabar, maka pastilah apa yang terkandung dalam al-Qur'an dan diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. mengenai kejadian Allah s.w.t. yang ghaib itu adalah benar dan wujud secara hakiki.

Kesan daripada mempercayai hari akhirat maka manusia Muslim itu bersikap benar terhadap kehidupan di dunia walaupun dia tidak mengetahui mengenai kematiannya. Tetapi ia sudah bersiap sedia menghadapi detik yang masih ghaib daripada pandangan dan pengalamannya, sebab ia yakin bahawa maut pasti akan datang dan manusia kemudiannya akan dibangkit semula dan disoal semua perbuatan-perbuatannya di dunia sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini sewaktu membicarakan hari akhirat.

Bagaimana Rasulullah Mengasaskan Keimanan yang Sejati?

Sebenarnya\ Islam\ adalah\ satu konsep untuk membina struktur masyarakat manusia yang didasarkan ke atas kedaulatan ketuhanan. Konsep ini adalah menurut corak yang sedia ada dalam sejarah. Pemimpin-pemimpin mereka terdiri daripada orang yang digelar Rasulullah. Jika kita mahu memulakan pada pergerakan ini maka mestilah kita mengikut sistem yang dilakukan oleh Rasulullah kerana tidak ada taktik yang lebih sesuai melainkan sistem dan praktiknya.

Umat Islam hendaklah mematuhi bimbingan daripada Rasulullah bukan kerana pengaruh perasaan tetapi kerana tidak ada punca lain yang lebih sempurna untuk mendapat pengetahuan tentang setiap peringkat yang dilalui oleh pergerakan Islam. Dalam sejarah pemimpin-pemimpin Islam, maka Nabi Muhammad sahaja yang menggambarkan secara terperinci setiap peringkat dan aspek pergerakan Islam dari awal sebagai Rasul hingga ke akhirnya sebagai perangka dalam dasar luar dengan perlembagaan yang tetap, dan beliau sahaja yang meletakkan sistem kemasyarakatan yang kukuh.

Sebagaimana telah dimaklumi bersama apabila Muhammad s.a.w. diperintah menyampaikan seruan Islam terdapat berbagai masalah moral, kebudayaan, ekonomi dan politik yang mesti diselesaikan. Pada masa itu terdapat dua kuasa imperialis yang sentiasa bergaduh iaitu Rumawi dan Parsi dan masyarakat Arab dan negara-negara sekitarnya mengambil sistem kelas dan selalu bergaduh.

Pada masa itu terdapat penindasan ekonomi dan keruntuhan moral. Dalam negeri Arab memang telah ada masalah-masalah rumit yang mesti diselesaikan oleh seorang pemimpin. Seluruh negara di selaputi oleh buta huruf. Kawasan pantai Arab, dan Iraq tertakluk di bawah kekuasaan penjajah Parsi.

Di bahagian utara kekuasaan Rumawi telah sampai ke sempadan Hijaz. Hijaz pula kaum kapitalis Yahudi telah menubuhkan pusat-pusat perniagaan yang besar dan telah menjerat leher orang Arab dengan perjanjian perdagangan secara riba. Di bahagian timur pula terdapat kerajaan Kristian Habsyah yang telah melanggar Makkah beberapa tahun dahulu. Di Najran antara Hijaz

dengan Yaman terdapat satu golongan orang Kristian yang mendapat bantuan daripada kerajaan Kristian dan mempunyai hubungan ekonomi dan politik dengannya. Sungguhpun terdapat berbagai masalah tetapi Rasulullah s.a.w. tidak hairan dengan bangsanya. Baginda hanya menyeru mereka supaya meninggalkan tuhan-tuhan kecuali Allah dan hanya menurut perintah Allah sahaja.

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. tidak menganggap masalah-masalah yang tersebut di atas tidak penting atau tidak patut mendapat perhatian yang serius. Kita telah maklumi bahawa baginda telah menyelesaikan problem-problem itu pada masanya yang munasabah. Di sini harus kita berfikir kenapa Baginda mengalih pandangan daripada persoalan-persoalan penting yang timbul kepada seruan tunduk kepada Allah. Menurut kaca mata pergerakan Islam segala kejahatan dalam masyarakat manusia timbul daripada keangkuhan manusia yang menganggap dirinya bebas dan tidak bertanggungjawab atau dengan lain perkataan mereka mengaku sebagai tuhan atau mempercayai tuhan selain daripada Allah sebagai pembimbing dan pemberi undang-undang sama ada daripada manusia atau makhluk lain.

Maka selagi syaitan masih berakar umbi dalam jiwa manusia, selama itulah teori Islam tidak akan berjaya menghapuskan penyakit sosial itu, kecuali konsep yang asas ini diperbetulkan lebih dahulu supaya manusia sedar akan kewajipannya kepada al-Khaliq penciptanya.

Jadi untuk membuat reformasi supaya masyarakat sedar daripada kejahatan, maka jiwa manusia mestilah dibersihkan terlebih dahulu daripada idea kebebasan yang sewenang-wenang dan manusia mestilah sedar bahawa alam ini ada penciptanya. Ia diperintah oleh yang Maha Kuasa dan kedaulatan Allah tidak menurut kehendak nafsu manusia.

Memandangkan kepada faktor dan hakikat ini maka anggapan manusia sebagai makhluk bebas, bebas mengikut kehendak dan takluknya adalah satu andaian yang bodoh yang tidak dibantu oleh akal yang waras dan akibatnya akan menimpa diri mereka sendiri. Hikmat Allah menyuruh manusia menyembah-Nya tanpa sebarang syarat dan mengaku dirinya sebagai hamba kepada pencipta yang

menjadi tuan, dan pemberi undang-undang. Manusia hendaklah faham bahawa seluruh alam ini cuma terdapat satu kedaulatan sahaja iaitu kedaulatan Allah sebagai pemerintah.

Keimanan kepada Allah adalah menjadi paksi bagi pembinaan negara dan ummah. Atas dasar inilah manusia dapat mengenal dirinya sebagai makhluk yang lemah, yang sentiasa mengharapkan pertolongan Allah. Daripada pertalian keimanan itu akan lahirlah masyarakat yang berbudi, berdisiplin serta beramah, demi kebaikan dunia dan akhirat.

Nabi Muhammad s.a.w. secara langsung menyampaikan konsep (لا إله إلا الله) kepada umatnya. Baginda tidak memusatkan pandangannya kepada persoalan-persoalan lain. Sebenarnya keimanan yang tulen sangat mustahak bagi pergerakan Islam. Pengaruh dan martabat Islam yang didapati dengan jalan lain tidak begitu berguna kepada reformasi moral yang dipelopori oleh Islam. Orang yang bekerjasama dengan saudara selain daripada asas (لا إله إلا الله) *(tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah)* tidak dapat menolong saudara dalam membangun dan membina semula masyarakat mengikut garisan Islam. Dalam menjayakan usaha yang sangat penting ini orang yang benar-benar menyahut seruan (لا إله إلا الله) akan sentiasa patuh kepada undang-undang dan peraturan Ilahi dan sentiasa menyediakan diri untuk bekerja dengan ikhlas kerana Allah dalam menuju keredaan-Nya. Keimanan seperti itu adalah pendorong yang paling kuat untuk manusia bekerja dan berusaha, demi kejayaan dunia dan akhirat. Baginda melaungkan seruan itu dengan penuh kesedaran dan keinsafan. Orang musyrikin faham akan seruan itu. Oleh itu orang yang ada kaitan dengannya dalam berbagai aspek telah bangun untuk menentangnya. Paderi-paderi merasa bahaya bahawa seruan itu akan menggugatkan kekuatan paderi besar. Orang kaya melihat seruan itu sebagai penghalang kepada timbunan harta dan hidup yang mewah.

Dalam keadaan ini cuma orang yang terang mata hati dan cerah dadanya dengan sinaran iman sahaja menyedari bahawa seruan dakwah Muhammad adalah panggilan kebenaran dan seruan suci dan mereka bersedia menghadapi maut kerananya. Semangat keadilan dan kebenaran sahajalah yang datang bersatu dengan

Muhammad s.a.w. Pergerakan Islam ini berkehendakkan orang yang bersih jiwa dan halus perasaannya. Mereka datang seorang atau berdua atau berempat, tetapi jumlah bertambah ramai apabila perjuangan bertambah dan berkembang. Setengah-setengah daripada mereka hilang pekerjaan. Setengah-setengahnya diusir keluar daripada rumah oleh keluarga atau sahabat handai yang dahulu. Setengah-setengah mereka diheret di atas pasir yang panas, dan ada yang direjam dengan batu. Setengah-setengahnya dipukul sehingga mati. Ada juga kaum Musyrikin mengambil jalan dan membeli mereka itu dengan perempuan, kekayaan atau jawatan. Akan tetapi orang Mukmin tidak terjejas dengan apa pun ancaman atau tawaran kebendaan, malahan mereka tegap di atas keimanan dan tegak di atas kalimah tauhid.

Gerak langkah Rasulullah ini mempunyai hikmat, kerana orang yang lemah peribadi dan mempunyai semangat prasangka tidak boleh menjadi ahli dalam badan dakwah Islamiah. Orang yang menyahut seruan Rasulullah adalah merupakan inti masyarakat yang sangat-sangat diperlukan. Sesiapa sahaja yang datang untuk bekerjasama dalam dakwah ini akan melalui cubaan. Orang yang tidak layak maka dengan sendirinya akan tersisih.

Hikmat yang kedua ialah mereka yang datang itu menghadapi kesusahan bukan kerana tamak untuk keuntungan kepada keluarga, kaum atau negara tetapi untuk menegakkan kebenaran sejati dan untuk mendapat rahmat daripada Allah s.w.t. Kerana ini sahaja mereka dipukul, dibiarkan mati kelaparan dan menjadi mangsa penindasan yang zalim.

Perjuangan mereka telah membersihkan keluarga mereka dan menambahkan kejujuran kepada ‘aqidah yang benar. Sudah menjadi kebiasaan bahawa proses latihan perkadiran secara ini telah menyerapkan mereka semangat Islam yang tulen. Apabila seseorang datang dengan kemuliaan yang sejati dan melalui penderitaan, penyeksaan, pemulauan, kemelaratan dan kesusahan, maka semangat itu akan menjadikan lagi kekuatan jiwa dan jasmaninya. Untuk menciptakan perubahan maka sembahyang diwajibkan ke atas pergerakan baru untuk memusatkan jiwa raga mereka kepada satu cabaran iaitu mencari keredaan Allah dan demi kesejahteraan umat manusia yang satu-satunya menjadi strategi

dalam hidup mereka dengan mengulangi pengakuan kedaulatan Allah yang mereka anggap berdaulat dan berkuasa, maka akan bertambahlah keyakinan mereka kepada kebijaksanaan Allah dalam penguasaan akhirat dan kelebihannya. Kerana rela bekerja di bawah arahan Allah. Adalah mustahak untuk mengelak daripada pengaruh luar.

Keimanan Para Sahabat

Pergerakan dakwah Islam telah dibantu oleh rakan-rakan seperjuangan yang menurut istilah Islam dengan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang sedang menjalani proses latihan atau perkadiran. Apabila kaum Musyrikin melihat dengan mata kepala sendiri bahawa sahabat-sahabat yang berjuang seperti Abu Bakar, Ali, Umar, Uthman, Talha, al-Zubir, Bilal dan lain-lain itu rela dipukul, dipenjara dan dihalau keluar daripada rumah dan tanahair, maka mereka pun tertarik hati untuk mengetahui perkara itu dengan lebih mendalam. Dan apabila mereka ketahui bahawa mereka ini diseksa bukan kerana perempuan, kekayaan atau harta benda, tetapi kerana memiliki satu kebenaran baru yang mereka berpegang teguh dengannya.

Apabila mereka ketahui bahawa kekuatan sahabat-sahabat itu cuma dengan keimanan kepada Allah dan kebenaran maka itulah modal Rasulullah dan sabahatnya, maka orang yang tidak dikaburi oleh nafsu dan kepentingan diri dan keluarga tertarik pula dengan seruan Islam.

Sementara itu Rasulullah s.a.w. yang menjadi ketua pergerakan dakwah Islam telah menunjukkan prinsip-prinsip pergerakan dan tujuan-tujuannya yang setiap kelakuan, kata-kata dan jejak langkahnya benar-benar bernafaskan semangat Islam dan memperlihatkan implikasi sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari.

Isterinya Khadijah adalah seorang wanita yang kaya-raya di Hijaz dan Baginda berniaga dengan modalnya. Apabila Rasulullah mulai beraktif dalam ajaran Islam, maka perniagaannya tergendala. Apabila Baginda bergerak lebih jauh maka perniagaannya terhenti sama sekali. Apa yang ada pada mereka habis dilaburkannya ke dalam gerakan dakwah dan 'aqidah kepercayaan yang baru.

Orang Quraisy menawarkan kepadanya takhta kerajaan dan

mereka bersedia menerimanya sebagai raja mereka. Mereka menawarkan wanita yang paling cantik di Semenanjung Arab sebagai isteri dan segala kekayaan dengan syarat dia berhenti daripada dakwahnya. Akan tetapi Rasulullah s.a.w. menolak semua tawaran itu dan tinggal dalam kehidupan yang terlalu sederhana.

Pemimpin Quraisy dan Arab berkata "Oh Muhammad! Bagaimana kami hendak duduk bersama dan mendengar percakapanmu walhal setiap masa kamu berada bersama hamba-hamba, orang susah dan melarat? Kamu mengumpul keliling kamu golongan-golongan yang kami anggap sebagai kelas bawah dalam masyarakat kami. Singkirkan mereka itu dan kemudian kami akan masuk kumpulan kamu, tetapi orang yang muncul untuk menyamakan yang kaya dengan yang miskin dan memperjuangkan kemerdekaan antara semua manusia tetap tegas di atas dasar kebenarannya.

Pada zaman Rasulullah dan sahabatnya, perjuangan tidak pernah mementingkan bangsa, suku-sakat dan keluarga, inilah yang meyakinkan dunia bahawa Rasulullah itu seorang yang bekerja untuk kebajikan manusia seluruhnya tanpa mengira keturunan dan inilah faktor-faktor yang menarik manusia kepada dakwah Islamiah itu.

Jika Baginda mementingkan kaum keluarganya maka orang yang bukan daripada Bani Hashim tidak ada tempat langsung dalam gerakan dakwah Islamiah. Jika Baginda mahu mengekalkan kekuasaan orang Quraisy maka orang bukan Quraisy tidak digalakkan mengambil peluang dalam kegiatan dakwahnya. Jika Baginda mengutamakan bangsa Arab, maka tidak ada sebab Bilal dari Habshah dan Sahib dari Rom serta Salman Parsi menyokong tugasnya. Apa yang sebenarnya yang menarik setiap orang ialah melahirkan keimanan yang suci dan tulen, tidak ada kepentingan diri padanya, bersih daripada motif persendirian, keluarga, kaum dan kebangsaan.

Apabila Baginda terpaksa meninggalkan Makkah, maka semua wang dan harta benda yang telah diamanahkan kepadanya oleh musuh dipulangkan kepada empunyanya. Kalau orang lain tentulah mempunyai berbagai motif untuk melarikan harta yang

didapati itu tetapi hamba Allah yang menjadi Rasul-Nya ini memulangkan semua harta pada saat musuh yang dahagakan darahnya telah membuat keputusan untuk membunuhnya. Tindakan Rasulullah s.a.w. ini sangat-sangat menakjubkan penduduk Makkah.

Setelah 13 tahun dalam perjuangan yang pahit maka tibalah masanya untuk membentuk sebuah negara kecil Islam di Madinah. Pada ketika itu terdapat 400 orang pekerja yang telah mendapat latihan perkadiran yang sepenuhnya dalam Islam dan berkemampuan menjalankan tugas sebagai orang Islam. Mereka bersedia menjalankan tugas dalam negara Islam yang baru dibina.

10 tahun Rasulullah s.a.w. membimbing sendiri hal-ehwal negara Islam dan dalam masa yang singkat Baginda telah melatih hingga ribuan manusia untuk menyelenggarakan setiap jabatan kerajaan baru Islam. Ketika inilah ideologi Islam berubah daripada idea menjadi satu sistem sosial dan politik yang sempurna dan setiap aspek pentadbiran, pendidikan, pengadilan, ekonomi, kebudayaan, kewangan, ketenteraan dan polisi antarabangsa Islam telah menjadi terang dan nyata.

Semua prinsip hidup dikemukakan dan dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Pekerja-pekerja dalam semua bidang disediakan melalui pendidikan latihan dan pengalaman praktik dan mereka telah memberi contoh yang baik kepada kerajaan Islam, hingga dalam masa 10 tahun sahaja negara kecil Islam di Madinah telah berkembang meliputi seluruh Semenanjung Arab. Orang yang melihat Islam dan cara praktiknya dan menyaksi hasil yang tinggi telah yakin bahawa inilah kemuncak kemanusiaan dan kesejahteraan sebenar untuk semua manusia. Musuh ketat yang bertahun-tahun berperang telah menerima Islam. Khalid al-Walid menerimanya. 'Akrimah bin Abu Jahal tunduk kepadanya, begitu juga Abu Sufian (Pembunuh Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib) memeluk Islam.

Iman yang Sebenar Boleh Mengatasi Persoalan-persoalan Hidup

Ahli-ahli sejarah telah keliru dengan memberikan lebih keutamaan kepada peperangan agama Rasulullah hingga ramai orientalis

menyangka bahawa revolusi di Semenanjung Arab dijalankan secara kekerasan dan tumpah darah. Sekarang mari kita menjawab dengan kenyataan sejarah. Bahawa hanya seribu atau seribu dua ratus sahaja yang terbunuh di antara kedua belah pihak tentera Islam dengan tentera kafir selama 5 tahun hingga tertakluknya seluruh semenanjung tanah Arab.

Jika dibandingkan angka tersebut dengan revolusi yang telah berlaku kemudian atau sebelumnya, maka kita dapat mengatakan bahawa revolusi Islam adalah revolusi tanpa pertumpahan darah (*bloodless revolution*) dan revolusi ini bukan setakat menukar corak dan pentadbiran negara tetapi telah menukarkan sikap dan pandangan moral manusia. Seluruh bidang kehidupan di semenanjung tanah Arab pada masa tersebut telah ditukarkan. Ia bukan setakat satu reformasi politik dan kemasyarakatan. Seluruh asas kebenaran dan moral telah menjalani perubahan. Bekas-bekas penzina telah bertukar sikap menjadi pembela kehormatan kaum wanita. Golongan pemabuk menjadi ketua pergerakan kerosakan. Orang yang hidup mencuri dan sebagai petualang telah menjadi terlalu jujur sehingga mereka enggan menerima makanan daripada rakan-rakan kerana terasa sebagai mengambil harta orang lain, hingga Allah sendiri menjamin dalam al-Qur'an mengatakan tidak salah menerima pemberian seperti itu.

Orang yang hidup menyamun dan merompak menjadi terlalu warak hingga seorang askar daripada kalangan mereka telah membungkuskan mahkota raja Parsi yang mahal ini dengan kain untuk diserahkan kepada panglimanya pada waktu malam. Ini berlaku semasa penaklukan ibu kota Parsi dahulu. Hal ini dilakukan kerana takut kejujurannya terjejas.

Orang yang tidak tahu apakah kebenaran dan keadilan telah menjadi terlalu jujur dan benar. Ini ternyata dalam perjanjian Khaibar apabila seorang pemungut cukai menolak rasuah daripada seorang Yahudi. Dia mengambil harta itu lalu dibahagi dua dan disuruhnya orang Yahudi itu memilih bahagiannya dan tinggalkan bahagian kerajaan. Orang Yahudi itu sangat kagum dengan kelakuan pemungut cukai dan berseru dengan sukarela. Inilah kebenaran yang menjadi asas keadilan bumi dan langit.

Di antara mereka muncul gabenor-gabenor yang hidup di

rumah sendiri berjalan kaki, tidak ada orang gaji, tidak ada pengawal di rumah dan boleh ditemui di mana-mana sahaja. Di antara mereka terdapat seorang hakim yang menolak rayuan khalifah kerana khalifah tidak dapat mengemukakan seorang saksi lain kecuali anaknya dan seorang hamba.

Di antara mereka terdapat jeneral yang memulangkan jizyah orang kafir. Katanya beliau tidak berhak mengambilnya sebab askarnya telah terpaksa berundur. Di antara mereka lahir seorang duta yang pernah memberi tunjuk ajar di istana Parsi tentang prinsip persamaan dalam Islam dan menegur sistem kelas atau kasta di Parsi. Cuma Allah sahaja yang amat mengetahui berapa ramaikah askar-askar Parsi yang kagum dengan agama sejagat yang suci ini.

Ada rakyat yang datang menyerah diri kerana membuat salah dan meminta dihukumkan di dunia ini, kerana mereka tidak sanggup berdepan dengan Allah di akhirat kelak, kerana kesalahan mencuri atau berzina. Terdapat juga askar-askar yang berperang bukan kerana upah tetapi kerana kepercayaan yang dianuti. Mereka pergi ke medan perang dengan perbelanjaan sendiri dan semua barang rampasan diserahkan kepada panglima perang mereka.

Inilah tenaga keimanan manusia kepada Allah boleh melakukan perkara luar biasa. Nampaknya pelik juga dalam masa 13 tahun pertama cuma tiga ratus orang sahaja memeluk agama Islam tetapi 10 tahun kemudian seluruh semenanjung Arab telah menganut Islam. Inilah hakikat sejarah dalam Islam. Bagaimana mustahaknya iman kepada Allah Ta'ala yang Maha Kuasa itu ditegap dan diperdalamkan lebih dahulu. Jika iman kepada Allah Ta'ala telah kuat maka persoalan-persoalan yang lain itu dapat diatasi dengan senang.

Maka persoalan keruntuhan dan kelemahan moral, persoalan arak, dadah, rasuah, mementingkan diri, suka membuat fitnah, angkuh, tamak, suka menonjol-nonjol diri, persoalan-persoalan seks dan sebagainya adalah sebagai gejala-gejala masyarakat yang begitu lumrah dalam masyarakat kita pada hari ini. Dan inilah sebagai manifestasi kelemahan dan kehancuran iman pada zaman moden, kerana cabaran-cabaran daripada nilai barat yang membawa faham sekularisme lantas menimbulkan aliran sekularisme dan

faham-faham mengingkari ketuhanan, hingga terdapat dalam kalangan orang Melayu yang menganut ateisme. Dan ada faham kebebasan yang melampaui batas tanpa berpandu kepada peraturan-peraturan dan norma-norma yang luhur hingga menimbulkan huru-hara dan fitnah dalam masyarakat kita pada masa kini.

Ubat yang paling mujarab untuk mengatasi penyakit-penyakit kemasyarakatan dan penyakit jiwa yang tersebut di atas ialah dengan memperdalamkan keimanan kepada Allah yang Maha Esa dan Maha Berkuasa.

XIII

MANUSIA DAN PERIBADATAN

Pengenalan Islam

Setelah kita mempunyai keimanan dan membentuk sikap-sikap hidup berdasarkan rukun-rukun keimanan tersebut atau setelah kita mempunyai gambaran tentang hidup berdasarkan rukun-rukun itu, apakah yang seharusnya kita lakukan selepas itu?

Kita beriman dengan Allah s.w.t. dan sifat-sifat kesempurna-an-Nya. Kita beriman dengan kekuasaan-Nya yang mutlak yang menjadikan alam lahir dan alam ghaib. Kita beriman bahawa Allah s.w.t. yang Maha Adil dan Pengasih itu tidak membiarkan manusia meraba-raba mencari pegangan dalam hidup ini. Lalu ia mengutus Rasul-rasul yang ditugaskan memandu dan membimbing manusia ke arah kebenaran. Ia memberikan kepada Rasul-rasul itu kitab-kitab yang menentukan pengajaran-pengajaran untuk kesejahteraan manusia. Kita percaya bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah sementara dan kita akan dikembalikan ke alam akhirat. Kita yakin dan percaya bahawa, nasib manusia di dunia dan akhirat berada dalam kekuasaan dan kehendak Allah s.w.t. belaka, setelah kita yakin tentang hakikat-hakikat ini apakah yang mesti kita lakukan.

Kita tahu bahawa keimanan tidak sempurna kalau tidak diikuti oleh amalan, tetapi apakah yang hendak kita amalkan dan bagaimana caranya?

Soalan seperti ini bermain dalam kepala kita. Kita hanya tahu apabila kita mengetahui dan beriman dengan kebesaran Allah

bahawa kita mestilah menyerah diri kepada-Nya. Tetapi kita tidak mengetahui bagaimana caranya hendak merendahkan diri dan patuh kepada-Nya. Apakah caranya dan apakah sistemnya.

Sudah tentu apabila kita menyedari kebesaran Allah s.w.t. dan menerima hakikat kekuasaan dan kesempurnaan-Nya serta akibat-akibat daripada kebesaran itu seperti yang terkandung dalam Rukun Iman, kita wajiblah merendahkan diri dan patuh kepada yang menjadikan kita dan pergantungan hidup kita di dunia dan akhirat.

Cara bagaimana kita merendah diri dan patuh kepada Allah s.w.t. ialah dengan menurut dan mematuhi sistem atau peraturan yang telah ditentukan-Nya. Cara atau sistem hidup Ilahi ini terkandung dalam ajaran-ajaran Islam sebagai al-din. Islam sebagai agama mengatur hidup manusia dalam sistem hidup Ilahi yang lengkap dan sempurna serta mencakupi semua bidang kehidupan. Dari cara bangun daripada tidur sehinggalah kepada cara mentadbir negara dan mengatur perhubungan di antara negara-negara dalam hubungan antara umat di dunia ini. Bukan sekadar mengatur hidup di duniawi, bahkan mengatur peraturan-peraturan bagaimana menghadapi maut dan bagaimana menghantar manusia ke pintu kuburnya.

Tuntutan supaya mengamalkan ajaran-ajaran Islam sebagai satu-satunya cara kita mematuhi dan merendah diri kepada Allah s.w.t. bukan sahaja sebagai 'aqidah dan kesan daripada tuntutan keimanan kita, bahkan juga kerana Islam itu sendiri merupakan sistem yang paling layak dan sesuai untuk manusia. Sistem atau cara hidup yang menjamin kesejahteraan manusia. Cara hidup yang serasi dengan hukum-hukum alam dan tidak menodai dan merosakkan alam sekeliling kita kerana dasar-dasar dan pengajarannya yang serasi dan sesuai dengan kejadian alam.

Di antara keistimewaan-keistimewaan Islam sebagai sistem atau cara hidup yang memastikan kita memilih sistem ini untuk dilaksanakan dan dihayati dalam hidup ialah:

Islam ialah Cara Hidup untuk Manusia yang Datang daripada Allah s.w.t.

Sebagai cara hidup manusia yang datang daripada Allah s.w.t. maka ia adalah ciptaan yang Maha Mengetahui. Dengan lain

perkataan Islam adalah sistem atau cara hidup yang dibentuk berasaskan ilmu, berbanding dengan lain-lain sistem dan cara hidup manusia yang berasaskan kejahilan dan kekurangan manusia yang Allah s.w.t. mengetahui semua rahsia dan hakikat manusia. Apa yang baik dan buruk untuknya. Ia mengetahui rahsia dan segala hukum-hukum dan tabiat semula jadi, kerana Dialah yang menciptanya, Allah s.w.t. juga mengetahui semua yang telah lalu, yang sekarang dan yang akan datang. Apabila Allah s.w.t. menentukan satu sistem hidup untuk manusia, maka sistem itu sempurna dan serasi serta sesuai dengan hukum-hukum, dan tabiat semula jadi manusia, kerana manusia tidak mengetahui semua rahsia mengenai dirinya, tentang hakikat rohaniahnya. Mengenai hukum-hukum dan rahsia alam, mengenai perkara-perkara telah lalu, sekarang dan akan datang, sudah tentulah cara hidup dan peraturan-peraturan yang ditentukannya, tanpa berpandukan hukum Allah s.w.t. dipenuhi kekurangan, kesilapan, kezaliman dan pertentangan dengan tabiat semula jadi manusia dan rahsia-rahsianya.

Islam ialah Cara Hidup yang Menyeluruh yang Mengatur Semua Bahagian daripada Kehidupan Manusia

Islam ialah satu sistem dan cara hidup yang melengkapi semua kegiatan hidup manusia. Tidak ada kegiatan manusia yang tidak ada peraturan Islam dalamnya. Seperti yang dikatakan sebelum ini Islam menetapkan peraturan tertentu seperti cara bagaimana bangun daripada tidur hinggalah kepada menyusun masyarakat dan menentukan hubungan antara negara dan umat di dunia ini. Tidak ada sistem-sistem hidup di dunia ini yang menentukan aturan-aturan dan susunan-susunan yang selengkap Islam.

Oleh itu tidak sepatutnya seorang yang beriman kepada Allah s.w.t. dan rasul-Nya mengatakan bahawa bidang ini hak saya dan sayalah yang mengaturnya di luar daripada susunan Islam, kerana Islam mempunyai hukum yang tertentu terhadap apa sahaja yang keluar daripada manusia bahkan ia mempunyai hukum tertentu terhadap pemikiran-pemikiran dan fahaman-fahaman yang diletakkan dalam kepalanya dan kecenderungan-kecenderungan yang disematkan di hatinya.

Nilai-nilai Hidup Islam yang Tetap dan Tidak Dapat Dipermainkan

Islam ialah agama yang tetap dan mempunyai ukuran nilai yang teguh. Menurut Islam, perkara yang baik pada masa dahulu adalah baik pada masa sekarang dan akan datang. Misalnya, keadilan itu adalah baik, dan tetap dihargai sebagai baik pada bila-bila masa, zina itu jahat dan ia tetap jahat pada bila-bila masa. Oleh kerana Islam mempunyai ukuran nilai yang tetap dan teguh, maka tidak ada kuasa yang boleh mempermainkan nilai-nilainya untuk kepentingan sendiri atau golongan yang berkuasa itu. Tidak ada kuasa dalam dunia ini yang dapat menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. dan rasul-Nya, kerana keteguhan nilai-nilai Islam itu, maka tidaklah mudah orang mempermainkannya. Sekiranya ada orang yang melakukan perkara-perkara mungkar yang bertentangan dengan Islam maka lambat-laun perbuatannya itu akan diketahui juga, kerana itulah Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

> *Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sesat selama-lamanya selagi kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya iaitu al-Qur'an dan Sunnah.*

Keteguhan nilai dalam Islam bertitik tolak daripada Allah s.w.t. yang menetapkan nilai itu. Allah yang mengetahui segala-galanya yang baik dan yang tidak baik untuk manusia. Manusia diperintah melakukan kebaikan, meninggalkan keburukan.

Akal manusia amat sempit untuk menilai hakikat kebaikan dan keburukan. Kerana itu, pada akal manusia, apa yang baik pada hari ini mungkin buruk pada hari esok. Dengan itu berlakulah krisis nilai, yang menyusahkan manusia untuk menilai apakah sebenarnya yang dikatakan baik dan buruk.

Allah mengetahui segala-galanya dan menetapkan nilai dalam bentuk hukum-hakam, menerusi ajaran agama-Nya iaitu Islam, bagi memudahkan manusia mengikutinya. Oleh sebab itu nilai hidup tidak berubah.

Islam ialah Sistem untuk Semua Manusia Bukan untuk Golongan atau Bangsa Tertentu

Agama Islam ialah sistem hidup untuk semua umat manusia di dunia. Ia menyediakan peraturan hidup dengan melihat Islam itu dari sudut kemanusiaanya. Oleh itu ia tidak memberi keistimewaan kepada satu bangsa. Bahkan kebaikan seseorang itu dilihat daripada bakti dan amalan baiknya serta kesempurnaan ibadatnya kepada Allah s.w.t.

Demikian pula Islam bukanlah sistem untuk satu zaman, malahan ia adalah untuk sepanjang zaman. Peraturan-peraturannya sesuai untuk dilaksanakan dalam masyarakat pemerintahan di dunia barat dan dapat melahirkan tamadun yang agung di Sepanyol. Islam juga pernah membentuk tamadunnya di kepulauan Melayu dan India. Sebagaimana ia membina tamadun di Afrika dan Asia Barat.

Islam ialah Cara Hidup yang Mempunyai Keserasian dan Persefahaman antara Cita-cita dan Kenyataan

Islam sangat menggalakkan manusia supaya berusaha menuju kepada pembentukan manusia yang sempurna dan menghendaki supaya setiap kelakuan, perbuatan, perkataan, pemikiran dan kecenderungannya bersetuju dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam. Bagi mencapai tujuan yang tinggi itu, Islam menetapkan peraturan-peraturannya yang dapat dicapai dan dilaksanakan mengikut kemampuan manusia. Sebab itu peraturan-peraturan yang ditetapkan dan Islam bersifat sederhana dan tidak berlawanan dengan fitrah atau tabiat semula jadi manusia.

Di antara contoh-contoh kesederhanaan peraturan dan hukum-hukum Islam, ialah peraturan membelanjakan harta benda, Islam melarang berbelanja dengan boros, sebaliknya melarang bersikap kikir dan bakhil. Dalam ibadat, Islam menentukan suruhan mengerjakan sembahyang itu kepada wajib dan sunat. Walaupun manusia sepatutnya banyak menghadapkan dirinya kepada Allah s.w.t. sebagai kesyukuran kepada nikmat-Nya. Tetapi Allah s.w.t. mewajibkan hanya lima waktu sahaja, sembahyang-sembahyang yang lain tidak diwajibkan bahkan ditetapkan hukum sunat sahaja, supaya manusia mengerjakan sembahyang mengikut kadar kemam-

puannya, manusia tidak dikehendaki mengerjakan sembahyang atau puasa sehingga merosakkan badan. Tetapi dituntut supaya dalam menunaikan kewajipan terhadap Allah s.w.t. jangan dilupa hak-hak memelihara badan, memberi nafkah kepada anak isteri, dan lain-lain tugas yang bertujuan menjaga kehidupan semula jadi yang termasuk dalam perkara-perkara yang disusun dan diatur oleh Islam.

Berdasarkan kepada hakikat ini maka sudah semestinya, diusahakan pelaksanaan Islam sebagai sistem hidup untuk kebaikan umat manusia seluruhnya. Adalah menjadi kewajipan manusia mengetahui dan mempelajari sistem Ilahi ini untuk diamalkan dalam segenap lapangan hidup sebagai bukti keimanan, kerana Islam itu sendiri satu sistem yang paling sesuai untuk keamanan dan keselamatan umat manusia.

Dalam usaha memahami Islam eloklah kita mengkaji perkataan, mengkaji maknanya dan perkembangan Islam sebagai cara hidup atau sistem Ilahi untuk manusia setiap zaman hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. kerana pada pokoknya agama Allah s.w.t. itu hanya satu, dibawa oleh para utusan Allah s.w.t. hinggalah utusan yang terakhir iaitu Rasulullah s.a.w.

Pengkaji Islam

Perkataan Islam berasal daripada kata kerja (سَلِمَ) yang bermakna suci daripada kecacatan zahir dan batin, damai atau sejahtera, taat dan menyerah.

Dari segi istilah syara' ia bermakna mentauhidkan Allah s.w.t. patuh, tunduk dan jujur hati kepadanya serta beriman dengan pengajaran-pengajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Sebenarnya nama Islam yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. itu bukanlah daripada rekaan beliau tetapi adalah ketetapan dari Allah Ta'ala, sebagaimana firman-Nya:

وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَامَ دِينًا

Terjemahan: Dan Aku telah relakan Islam menjadi agama untuk kamu.

(Al-Ma'idah 5:3)

Dalam al-Qur'an al-Karim banyak pengertian yang diberi kepada al-Islam, di antaranya ialah lawan bagi syirik, firman Allah:

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ قُلْ إِنِّيٓ أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Patutkah aku mengambil penolong selain Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan Dia pula yang memberi makan dan bukan Dia yang diberi makan? Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah (Islam) dan (aku diperintahkan dengan firman-Nya): ''Janganlah sekali-kali engkau daripada golongan orang musyrik itu''.

(Al-An'am 6:14)

Kadang-kadang al-Qur'an membawa makna kebaikan atau keihsanan, firman Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

Terjemahan: Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas).

(Al-Nisa' 4:125)

Makna yang banyak dibawa oleh al-Qur'an ialah menyerah diri kepada Allah dengan sepenuhnya, firman Allah:

وَأَنِيبُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا۟ لَهُ

Terjemahan: Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepada-Nya.

(Al-Zumar 39:54)

Konsep menyerah diri dengan sepenuhnya kepada Allah itu adalah dikenakan kepada orang Mu'min dan kafir, kerana semua mereka itu mesti patuh dan menyerah diri kepada Allah sebagai sifat makhluk-Nya, sama ada suka atau tidak, sebab undang-undang alam atau sunnah Allah berjalan kuatkuasanya ke atas mereka itu semua bahkan seluruh alam semesta adalah berserah kepada hukum-hukum Allah, firman Allah:

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Terjemahan: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk (Taat) sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun dengan paksa, dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan.

(Ali 'Imran 3:83)

Makna *aslama* dalam ayat ialah tunduk dan patuh kepada perintah Allah, sebab Ia telah menetapkan undang-undang untuk dunia, kemudian digunakan maknanya kepada orang yang menyerah diri serta tunduk dengan kerelaan hati kepada Allah, oleh yang demikian digelarkan perkataan (سَلَم) kepada tiap-tiap orang yang tunduk menyerah diri kepada Allah dan mematuhi Nabi-nabi.

Sebenarnya makna menyerah diri kepada Allah adalah konsep semua Nabi dan Rasul, Nabi Nuh a.s. berkata sebagaimana disebut dalam al-Qur'an:

وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ

Terjemahan: Dan aku pula diperintahkan supaya menjadi daripada golongan orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah).

(Yunus: 72)

Nabi Ibrahim a.s. adalah membawa konsep penyerahan diri kepada Allah yakni konsep yang sama diperjuangkan oleh Islam. Dalam al-Qur'an ada disebutkan:

وَلَقَدِ ٱصْطَفَيْنَٰهُ فِى ٱلدُّنْيَا وَإِنَّهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ لَمِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ
إِذْ قَالَ لَهُۥ رَبُّهُۥٓ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ

Terjemahan: Kerana sesungguhnya Kami telah memilih Ibrahim (menjadi Nabi) di dunia, dan sesungguhnya ia pada hari akhirat kelak tetaplah dari orang yang salih (yang tinggi martabatnya). (Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Berserah dirilah (kepada Aku wahai Ibrahim)!" (Nabi) Ibrahim menjawab: "Aku berserah diri (tunduk taat) kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam".

(Al-Baqarah 2:120–131)

Nabi Yusuf a.s. berkata kepada Tuhannya:

تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ

Terjemahan: Engkaulah penguasa dan penolongku di dunia dan di akhirat, sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah aku dengan orang yang salih.

(Yusuf: 101)

Nabi Musa a.s. berkata kepada kaumnya:

يَٰقَوْمِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّسْلِمِينَ

Terjemahan: Dan Nabi Musa pula berkata (kepada kaumnya): "Wahai kaumku! Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah kepada-Nya, jika betul kamu orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)".

(Yunus: 84)

Al-Qur'an juga telah menceritakan Nabi Isa a.s. akan konsep yang sama iaitu menyerah diri sepenuhnya kepada Allah, sepertimana diceritakan dalam al-Qur'an:

فَلَمَّآ أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ ٱلْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Terjemahan: Maka apabila Isa mengetahui keingkaran daripada mereka (kaum Bani Israel) berkata ia siapakah yang akan menjadi penolong-penolongku untuk (menegakkan) agama Allah? Para Hawariyyin (sahabat-sahabat Isa yang setia) menjawab, kamilah penolong-penolong agama Allah, kami beriman kepada Allah, dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang yang menyerahkan diri (kepada Allah).

(Ali 'Imran 3:52)

Islam Agama yang Terakhir

Kemudian Allah s.w.t. mengutus Rasul-Nya Muhammad s.a.w. dengan satu syari'at yang sempurna untuk menyambungkan tugas Nabi-nabi dan Rasul-rasul bagi memperbetulkan segala penyelewengan yang berlaku ke atas pengajaran-pengajaran Nabi dan Rasul sebelumnya yang telah diselewengkan oleh pengikut-pengikutnya disebabkan oleh dorongan nafsu atau semangat perkauman dan sebagainya, hal ini telah diterangkan oleh Allah Ta'ala dalam firman-Nya:

إِنَّآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ كَمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ نُوحٍ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ وَٱلْأَسْبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَٰرُونَ وَسُلَيْمَٰنَ وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ زَبُورًا وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَٰهُمْ عَلَيْكَ مِن قَبْلُ وَرُسُلًا لَّمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada (Nabi) Nuh, dan Nabi-nabi serta (Nabi-nabi) keturunannya, dan (Nabi) 'Isa dan (Nabi) Ayub, dan (Nabi) Yunus, dan (Nabi) Harun, dan (Nabi) Sulaiman, dan (juga) Kami telah memberikan kepada (Nabi) Daud kitab Zabur. Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan mereka kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada (Nabi) Musa dengan kata-kata (yang secara langsung, tidak ada perantaraan).

(Al-Nisa' 4:163–164)

Al-Qur'an telah menceritakan bahawa Allah mengutuskan Rasul-rasul-Nya untuk menyeru kepada tauhid yakni keesaan Allah s.w.t., oleh sebab itu Dia berfirman kepada Nabi Muhammad s.a.w.:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ
إِلَّآ أَنَا۠ فَاعْبُدُونِ

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seorang Rasul melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepada-Ku.

(Al-Anbiya': 25)

Oleh itu Allah memerintah Rasul-Nya Muhammad s.a.w. supaya menyeru kaum Yahudi dan Nasrani supaya mereka mentauhidkan Allah. Firman Allah:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا
نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا

أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): ''Wahai Ahli Kitab! Marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun, dan jangan pula sebahagian (dari) kita mengambil akan sebahagian yang lain, (untuk dijadikan) orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain daripada Allah?'' Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: ''saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami ialah orang Islam''.

(Ali 'Imran 3:64)

Sebenarnya asas-asas keimanan bagi semua agama langit adalah serupa tidak harusnya timbul pertikaian dan perbalahan, kesemuanya menganjurkan supaya beriman kepada Allah yang Maha Esa, percaya kepada malaikat-malaikat, percaya kepada kitab-kitab, percaya kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul, percaya kepada hari akhirat dan percaya kepada qada' dan qadar, tetapi perbalahan dalam agama yang berlaku di sepanjang sejarah dan berbagai generasi ialah berpunca daripada penyelewengan dan pengubahsuaian yang dilakukan oleh pengikut-pengikut atau ketua-ketua agama yang mentafsir menurut nafsu dan maslahat mereka sendiri demi mencari pengaruh dan kebendaan untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Risalah Muhammad s.a.w. telah menyingkap tabir tersebut untuk membawa kebenaran dan membuka rahsia mereka itu, maka beliau menyeru umat manusia supaya kembali kepada kebenaran dan memilih agama Islam dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Firman Allah:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ وَمَا ٱخْتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ وَمَن يَكْفُرْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ
فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ فَإِنْ حَآجُّوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِىَ لِلَّهِ

وَمَنِ ٱتَّبَعَنِ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْأُمِّيِّينَ ءَأَسْلَمْتُمْ
فَإِنْ أَسْلَمُواْ فَقَدِ ٱهْتَدَواْ وَإِن تَوَلَّوْاْ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَـٰغُ وَٱللَّهُ
بَصِيرٌ بِٱلْعِبَادِ

Terjemahan: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) pada isi Allah ialah Islam. Dan orang (Yahudi dan Nasara) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah (tentang) kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur (ingkar) akan ayat-ayat (keterangan) Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabnya. Oleh sebab itu jika mereka berhujah (menyangkal dan) membantah engkau (wahai Muhammad), maka katakanlah: ''Aku telah berserah diriku kepada Allah dan (demikian juga) orang mengikutku'', dan bertanyalah (wahai Muhammad), kepada orang (Yahudi dan Nasara) yang diberi kitab, dan orang yang Ummi (orang musyrik Arab): ''Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu)? Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka telah memperolehi petunjuk; dan (sebaliknya) jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (seruan Islam itu), dan (ingatlah), Allah senantiasa melihat (tingkah laku) sekalian hamba-Nya).

(Ali 'Imran: 3:19–20)

Seruan kepada Agama Islam

Allah yang Maha Esa memerintahkan kepada setiap manusia tanpa kecuali dan tidak dipaksa supaya mengikuti jalan petunjuk-Nya serta rela mematuhi Peraturan dan hukum undang-undang yang telah ditetapkan iaitu jalan yang lurus atau *Sirata'l Mustaqim* yang

dituntut kita sebagai hamba-Nya supaya tidak membuat peraturan tambahan selain daripada mematuhi hukum dan peradabannya yang telah digariskan oleh Allah kepada Nabi. Oleh sebab itu marilah memenuhi seruan suci Allah secara sukarela, jika kita ingin mendapat keselamatan dan kesejahteraan sama ada di dunia dan akhirat.

Yang paling pokok dalam seruan Islam ialah mempercayai yang Maha Esa dan membebaskan diri daripada syirik.

Tugas besar yang mesti dilaksanakan dalam mentaati seruan suci ialah wajib membebaskan diri daripada fahaman dan amalan syirik supaya dengan demikian kita terhindar daripada kutukan dan laknat Allah. Allah sangat murka ke atas orang yang menyekutukan-Nya. Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذٰلِكَ لِمَنْ يَشَآءُ
وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلٰلًا بَعِيدًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan hukum-hukum-Nya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua) maka sesungguhnya ia telah sesat (dengan), kesesatan yang sejauh-jauhnya.

(Al-Nisa' 4:116)

ٱلَّذِى لَهُ مُلْكُ ٱلسَّمٰوٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن
لَّهُ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَىْءٍ فَقَدَّرَهُ تَقْدِيرًا

Terjemahan: Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak serta tidak mempunyai sekutu dalam pemerintahan-Nya; dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dan me-

nentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna.

(Al-Furqan 25:2)

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

(Al-Kahfi 18:110)

Dalam Hadith Rasulullah pula menurut riwayat Abu Hurairah r.a.

اِجْتَنِبُواْ ٱلسَّبْعَ ٱلْمُوبِقَاتِ، قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: اَلشِّرْكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلَ النَّفْسِ الَّتِيْ حَرَّمَ اللهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلَ مَالَ الْيَتِيْمِ وَأَكْلَ الرِّبَا وَالتَّوَلِّى يَوْمَ الزَحْفِ وَقَذْفُ الْـمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْـمُؤْمِنَاتِ

Terjemahan: Abu Hurairah berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Jauhilah olehmu tujuh perkara yang mencelakakan (membinasakan atau dosa besar). Seorang sahabat bertanya kepadanya, apakah itu? Nabi s.a.w. menjawab: Menyekutukan Allah, mengerjakan sihir, membunuh jiwa yang dilarang oleh Allah kecuali dengan jalan yang benar, memakan harta anak yatim,

menjalankan atau memakan riba, mundur atau lari dari medan pertempuran (perang Sabil) dan menuduh berzina kepada perempuan Mu'min yang memelihara kehormatannya.

(Riwayat Muslim)

Dan sabda Nabi s.a.w.

إِنَّ أَخْوَفَ مَا اَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ، قَالُوْا يَا
رَسُوْلَ اللهِ وَمَا الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ؟ قَالَ: الرِّيَآءُ، يَقُوْلُ اللهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ اِذَا جَزَى النَّاسَ بِأَعْمَالِهِمْ، اِذْهَبُوْا إِلَى الَّذِيْنَ كُنْتُمْ
تُرَاؤُوْنَ فَانْظُرُوْا هَلْ تَجِدُوْنَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً

Terjemahan: Satu perkara yang sangat saya takuti ialah syirik yang kecil, para sahabat bertanya: Apakah syirik kecil ya Rasulullah? Baginda menjawab: iaitu riyak. Apabila seorang pada hari kiamat meminta balasan (pahala) daripada amal yang dikerjakannya, maka Tuhan berkata kepadanya: Pergilah kamu menghadap orang kepada siapa yang kamu menujukan amal riyak di dunia itu. Nanti kamu akan saksikan sendiri apakah kamu memperolehi dari sisi mereka sesuatu balasan yang akan kamu terima.

(Riwayat Ahmad)

XIV

RUKUN ISLAM

Kalimah Syahadah dan Sembahyang

Sesudah kita mempelajari makna Islam secara am, maka sampailah masanya untuk kita mempelajari pelaksanaan Islam sebagai cara hidup kita yang abadi, keperluan utama untuk menghayati Islam ialah menyediakan asas-asas atau rukun-rukunnya. Rukun-rukun Islam ini menjadi sebagai tapak yang tidak dapat dikecualikan oleh setiap orang yang ingin hidup berdasarkan sistem Allah s.w.t. sebab itulah ia diistilahkan dalam Islam sebagai fardu 'ain, yakni wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam dengan syarat-syaratnya.

Rukun-rukun Islam terdiri daripada lima perkara:

1. Mengucapkan ikrar keyakinan yang dalam penggunaan masyarakat dikatakan dengan mengucap dua kalimah syahadah.
2. Mendirikan sembahyang.
3. Menunaikan zakat.
4. Puasa bulan Ramadan.
5. Mengerjakan haji apabila berkemampuan.

Mengucap Dua Kalimah Syahadah

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Terjemahan: Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah,

dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.

Kalimah syahadah disebut juga kalimah tauhid. Mengucap dua kalimah syahadah mengandung pengertian bahawa seorang itu menjadi Muslim yang difardukan ke atasnya segala hukum Islam. Dengan pengucapan syahadah itu hendaklah disertai dengan melaksanakan perintah dan menjauhkan larangan-larangan Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan juga bererti bahawa seorang itu melakukan hijrah dari alam kekufuran ke dalam alam Islam, yang mana apabila diikuti dengan menegakkan hukuman-hukuman akan terselamatlah ia di dunia dan akhirat.

Dua kalimah syahadah itu adalah laksana anak kunci yang dengannya manusia masuk ke dalam alam keselamatan (Islam) dan dengan kalimah itu pula manusia dimasukkan ke dalam syurga jika ucapan terakhir dalam hidup duniawi di akhiri dengan kalimah syahadah sebagaimana keterangan Hadith Rasulullah s.a.w.: Daripada Mu'az bin Jabal berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. berkata: *"Barang siapa yang mengakhiri kalamnya sebelum menghembuskan nafas yang terakhir dengan* (لا إله إلا الله) *maka dia masuk ke syurga."*

Syahadah pertama menegaskan tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah. Perkataan Allah berasal daripada kata *Ilah* yang bererti *ma'bud* (yang disembah) iaitu zat yang Maha Berkuasa dan Maha Besar yang patut disembah dengan sepenuh hati. Zat yang mempunyai kekuasaan yang tidak terbatas yang mana tiap-tiap manusia yang ada di atas dunia ini sentiasa berkehendak kepada-Nya dan memerlukan pertolongan-Nya pada setiap masa. Kita *Ilah* dalam bahasa Arab lebih mirip ertinya dengan perkataan (خُدا) dalam bahasa Farsi. Perkataan dewata dalam bahasa Hindu dan 'God' dalam bahasa Inggeris. Menurut bahasa perkataan *Ilah* itu kemudian diberi awalan alif lam hingga berbunyi "Allah". Menurut bahasa Arab perkataan *Ilah* adalah *"Nakirah"* sedang Allah adalah perkataan *"Ma'rifah"*. Selanjutnya huruf hamzah dalam kata Allah itu dihilangkan dan kemudian huruf *"Lam"* digabungkan hingga pada waktu mengucapkannya tebal menjadi "Allah". Maka Allah itu bermaknalah satu-satunya Tuhan yang wajib disembah dan tempat pergantungan seluruh makhluk.

Pengakuan terhadap keesaan Allah sebagai satu-satunya Tuhan mengandung kesempurnaan kepercayaan kepada-Nya daripada dua segi:

Pertama: ''*Rububiyyah*'' iaitu sifat ketuhanan yang menciptakan alam semesta memelihara dan mengendalikannya bahawa zat Allah sahaja yang menciptakan alam semesta ini dengan seluruh isinya, memelihara dan mentadbirkannya.

Kedua: ''*Uluhiyyah*'' adalah lanjutan dari segi yang pertama, iaitu bahawa hanya zat Allah sahaja sebagai Tuhan satu-satunya yang wajib disembah dan dimohonkan pertolongan-Nya.

Kalimah (لا إله) tersusun dengan bentuk yang dimulakan dengan penafian, iaitu tiada tuhan, kemudian baru disusuli dengan satu penegasan ''Melainkan Allah''. Ini bererti bahawa seorang Muslim dalam hidupnya hendaklah membersihkan segala macam Tuhan, kepercayaan, keyakinan, aqidah dan sebagainya lebih dahulu. Maka yang ada dalam dirinya hanyalah satu kepercayaan, satu keyakinan dan satu 'aqidah ialah hanya kepada zat Allah. Suatu keyakinan yang pasti bahawa kepada-Nyalah sama ada sifat ''*Rububiyyah*'' *ataupun* ''*Uluhiyyah*''. Dengan demikian menusia boleh terhindar daripada berbagai-bagai bencana hidup dan kesesatan kemudian mendapat keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar dalam hidupnya. Kerana manusia hidup di atas dasar kepercayaannya, tinggi rendah nilai kehidupan manusia kembali kepada tinggi rendahnya kepercayaan yang dimilikinya. Kepercayaan kepada keesaan Allah adalah nilai yang hak dan yang paling kudus atau suci.

Begitulah hendaknya pengetahuan kita ketika mengucapkan kalimah (لا إله إلا الله) (*tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah*). Kata Abu al-A'la al-Maududi ialah: Suatu konsepnya yang paling tinggi di sepanjang masa dengan perantaraan Nabi-nabi dan Rasul-rasul-Nya. Itulah pengetahuan yang dimulai daripada Nabi Adam ketika diutus ke bumi ini, pengetahuan yang sama pula diturunkan kepada Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa a.s. Itulah pengetahuan yang paling penting dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada seluruh manusia.

Inilah satu-satunya pengetahuan yang sangat suci, tidak dicampur oleh kebodohan. Manusia ini menjadi syirik, menyembah

berhala dan menjadi kafir, oleh kerana dia telah berpaling daripada ajaran-ajaran para nabi yang kemudiannya menggantungkan diri kepada kesalahan fikirannya, kepalsuan tanggapannya atau pentafsirannya yang serba kabur.

Syahadah yang kedua:

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Terjemahan: Aku naik saksi bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.

Syahadah yang kedua ini memberikan kesan kepada yang mengucapkannya: Bahawa dia menyatakan diri tunduk, percaya, dan menjadi pengikut Muhammad s.a.w. Oleh sebab itu dia hendaklah menurut tanpa ragu terhadap kepimpinan dan sunnah Rasulullah.

Dalam syahadah kedua ini terdapat dua pengetahuan:

Pertama: Bahawa Nabi Muhammad itu adalah Nabi dan Rasulullah untuk seluruh manusia hingga ke akhir zaman kelak.

Kedua: Bahawa Nabi Muhammad itu adalah Nabi dan Rasulullah yang terakhir, selepas beliau tidak ada lagi seorang Nabi dan Rasul. Oleh yang demikian mustahil adanya wahyu yang diturunkan kepada seseorang sesudah risalah Muhammad s.a.w. al-Qur'an adalah wahyu Allah yang terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad sebagai pengganti dan penyempurnaan daripada risalah para Nabi dan Rasul serta kitab-kitab suci yang terdahulu. Dua kalimah syahadah ini adalah perkara yang paling pokok atau menjadi paksi kepada keislaman. Dari sinilah bermulanya keislaman kita dan juga kita harap dapat mengakhiri hidup duniawi ini. Keimanan kepada Muhammad sebagai pesuruh Allah adalah didasarkan kepada firman Allah s.w.t.:

وَمَآ أَرْسَلْنَـٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا

Terjemahan: Dan tidak kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan kepada seluruh manusia untuk memberikan berita gembira dan berita peringatan.

(Saba' 34:28)

Sebelum dihuraikan sembahyang maka eloklah kita bincangkan dahulu tentang asas-asas ibadat iaitu perhubungan antara 'aqidah dan ibadat.

Pada permulaan lakunya iman dahulu telah dikemukan tentang pengertian 'aqidah atau kepercayaan. 'Aqidah dalam Islam dirumuskan dengan rukun iman yang enam di atas. 'Aqidah atau iman adalah asas dalam kehidupan Islam, sedangkan ibadat adalah manifestasi daripada iman tersebut. Kuat atau lemahnya ibadat seseorang adalah ditentukan oleh mutu keimanannya. Demikian pula sikap seseorang dalam menerima dan melaksanakan petunjuk-petunjuk dan perintah-perintah Allah, serta sikap menjauhkan tegahannya yang semua itu disebut perundangan-perundangan Ilahi atau syari'at, adalah menunjukkan sikap mental yang mendalam bagi seorang terhadap Allah Ta'ala. Tetapi sebaliknya nilai atau mutu keimanan seorang dibuktikan oleh perlaksanaan ibadahnya kepada Allah sejauh mana realisasi syari'at dalam kehidupannya.

Dalam Islam manusia dituntut bukan sahaja untuk beriman akan tetapi Islam menuntut secara tegas, supaya iman itu dibuktikan dengan perbuatan lahiriah. Sedang pembuktian keimanan itu ialah mengerjakan semua petunjuk Allah dan Rasul-Nya berdasarkan kemampuan masing-masing serta menjauhi segala larangan-Nya.

Pengajaran tentang 'aqidah dan ibadat bukanlah suatu kepercayaan yang beku yang tidak bererti dan tidak difahami. Keduanya hendaklah merupakan kegiatan yang hidup. Keyakinan yang ditanamkan ke dalam jiwa disertakan dengan gerakan yang teratur yang diperintah melakukannya. Kedua-duanya membangkitkan jiwa manusia mengejar serta memiliki moral. Moral yang sihat sentiasa dilatih memiliki keperibadian yang terpuji. Untuk itu akan memberi kesan yang boleh menentukan terhadap kehidupan mu'amalah antara manusia, sama ada dalam lingkungan keluarga masyarakat, atau dalam kehidupan dan pergaulan antarabangsa.

Sebagaimana dikatakan asas-asas ibadat yang menjadi rukun Islam ialah dua kalimah syahadah, sembahyang lima waktu, żakat, puasa dan haji yang kesemuanya mempunyai nilai yang sangat tinggi dan berkesan serta mendalam terhadap peribadi manusia. Ia merupakan gambaran rohaniah, pembesaran terhadap zat yang Maha Kuasa, pelepasan dan pencurahan kerinduan jiwa dan perasaan kepada pencipta alam semesta serta seluruh isinya serta pernyataan kerendahan dan kelemahan hamba di hadapan zat yang Maha Perkasa, sehingga menghancurkan setiap kesombongan hati dan takbur. Akhirnya ia merupakan pernyataan daripada perasaan terima kasih atau kesyukuran hamba kepada Tuhannya yang telah mengurniakan hidup dan kehidupan serta nikmat-nikmat yang tidak terhingga. Maka manusia yang menunaikan ibadat akan hidup dalam masyarakat sebagai peribadi-peribadi yang luhur yang mendapat cahaya pimpinan dan petunjuk Ilahi.

Kerana apabila sesuatu masyarakat yang penduduknya semua Muslim atau kebanyakannya Muslim, maka bererti masyarakat tersebut dibina dalam suatu kesatuan kepercayaan atau agama, yang kemudiannya memancarkan sistem-sistem Islamiah dalam seluruh bidang kebudayaan, seperti ekonomi, sosial, politik, kesenian, ilmu dan teknologi dan sebagainya yang benar-benar merupakan umat dan negara Islam yang menjadi teladan kepada umat manusia yang lain.

Nilai-nilai Hukum dalam Islam Lima Perkara

1. Wajib atau fardu: Iaitu perkara yang dituntut melakukannya dengan diberi pahala atau ganjaran kepada yang membuatnya dan dikenakan dosa atau seksa ke atas orang yang meninggalkannya.
2. Haram: Iaitu perkara yang dituntut meninggalkannya dan dikenakan seksa atau dosa ke atas orang yang melakukannya.
3. Sunat: Iaitu perkara yang digalakkan oleh syara' melakukannya dengan diberi pahala, tetapi apabila ditinggalkan tidak mendapat dosa atau seksa.
4. Makruh: Iaitu perkara yang digalakkan meninggalkannya tetapi jika dibuat tidak mendapat dosa atau seksa.

5. Mubah atau Jaiz: Iaitu perkara natural yakni tidak dikenakan dosa atau diberi pahala ke atas orang yang melakukannya atau meninggalkannya.

Sembahyang Lima Waktu

Dalam bahasa Arab *''al-Salah''* bermakna doa dan menurut istilah ialah perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam. Sebelum melakukan sembahyang hendaklah bersuci terlebih dahulu, di antara yang terpentingnya ialah berwudu' atau mengambil air sembahyang. Di sini eloklah kita terangkan dengan ringkas beberapa perkara yang berkenaan dengan wudu':

Syarat Wudu'

1. Islam.
2. Mumaiyiz, kerana wudu' itu ibadat yang wajib berniat sedangkan orang yang tidak beragama Islam dan orang yang belum mumaiyiz tidak diberi hak untuk berniat.
3. Tidak berhadas besar.
4. Menggunakan air yang suci lagi menyucikan.
5. Tidak ada yang menghalangi sampainya air ke kulit, seperti getah dan sebagainya.

Rukun-rukun (fardu) Wudu'

1. Niat. Hendaklah berniat mengangkat hadas kecil.
2. Membasuh muka. Kawasan muka yang wajib dibasuh ialah dari tempat tumbuh rambut daripada sebelah atas sampai kedua tulang dagu sebelah bawah, lintangnya daripada telinga, seluruh bahagian muka tersebut wajib dibasuh tidak boleh ketinggalan sedikit pun, bahkan wajib dilebihkan sedikit supaya meyakinkan.
3. Membasuh dua tangan sampai ke siku. Siku pun wajib dibasuh.
4. Menyapu sebahagian daripada kepala dengan air.
5. Membasuh dua kaki sampai kedua-dua buku lali.
6. Mentertibkan rukun-rukun di atas, selain daripada niat dan membasuh muka, kedua-duanya wajib dilakukan bertertib dan didahulukan daripada yang lain.

Perkara-perkara yang Membatalkan Wudu'

1. keluar sesuatu daripada dua saluran (qubul dan dubur) atau salah satu daripada kedua-duanya, sama ada yang keluar itu berupa benda atau angin yang biasa atau yang tidak biasa, seperti darah, atau yang keluar itu najis atau ulat.
2. Hilang akal: Hilang akal kerana mabuk atau gila. Juga terbatal wudu' kerana tidur yang tidak tertutup tempat keluar angin, tetapi orang tidur dengan duduk yang tetap, tidaklah batal wudu'nya.
3. Bersentuh kulit lelaki dengan kulit perempuan, dengan bersentuh itu batallah wudu' yang menyentuh dan yang disentuh, dengan syarat keadaan kedua-duanya sudah sampai umur dan antara kedua-duanya bukan muhrim, sama ada muhrim dari segi keturunan, pertalian persusunan ataupun muhrim perkahwinan.
4. Menyentuh kemaluan atau pintu dubur dengan perut tapak tangan, sama ada kemaluan sendiri atau kemaluan orang lain, sama ada kemaluan orang dewasa atau kemaluan kanak-kanak.

Di sini akan diterangkan dengan ringkas syarat-syarat wajib sembahyang lima waktu:

1. Islam: Orang yang tidak Islam wajib atasnya sembahyang, bererti tidak dituntut.
2. Suci daripada haid (kotoran) dan nifas.
3. Berakal: Orang yang tidak berakal tidak wajib sembahyang.
4. Cukup umur — dewasa atau baligh yang dapat diketahui dengan salah satu daripada tanda-tanda yang berikut:
   - Cukup umur 15 tahun atau keluar mani
   - Atau bermimpi bersetubuh atau
   - Mulai keluar haid bagi perempuan.
5. Telah sampai dakwah (seruan Rasulullah s.a.w. kepadanya). Orang yang belum menerima dakwah tidak dituntut dengan hukum.
6. Melihat atau mendengar; melihat atau mendengar menjadi syarat wajib sembahyang, walaupun suatu waktu untuk sempatan mempelajari hukum-hukum syara'. Orang yang buta

dan tuli sejak dilahirkan tidak dituntut dengan hukum, kerana tidak ada jalan baginya untuk belajar hukum-hukum syara'.

7. Jaga (tidak tidur).

Syarat-syarat Sah Sembahyang

1. Suci daripada hadas besar dan hadas kecil.
2. Suci badan, pakaian dan tempat daripada najis.
3. Menutup aurat. Aurat ditutup dengan sesuatu yang menahan kelihatan warna kulit. Aurat lelaki antara pusat dan lutut, aurat perempuan sekalian badannya kecuali muka dan dua tapak tangan.
4. Mengetahui masuknya waktu sembahyang. Di antara syarat sah sembahyang mengetahui bahawa waktu sembahyang sudah ada.
5. Menghadap kiblat (Ka'abah). Selama dalam sembahyang wajib menghadap kiblat. Kalau sembahyang berdiri atau duduk hendaklah menghadapkan dada. Kalau sembahyang berbaring, menghadap dengan dada dan muka. Kalau sembahyang melintang, hendaklah dua tapak kakinya dan mukanya menghadap ke kiblat dan kepalanya diangkatkan dengan bantal atau sesuatu yang lain.

Rukun-rukun Sembahyang

1. Niat: Erti niat ada dua:
   - Asal makna niat, "mengqasadkan" sesuatu perbuatan, dengan adanya asal perbuatan itu dinamakan ikhtiari (Kemahuan sendiri bukan dipaksa).
   - Niat pada syara' (yang menjadikan rukun sembahyang dan ibadat yang lain) iaitu syara' (yang mengqasadkan sesuatu perbuatan, kerana mengikut perintah Allah supaya diredai-Nya. Inilah yang dinamakan ikhlas maka orang yang sembahyang kerana mengikut perintah Allah semata-mata supaya mendapat keredaan-Nya begitu juga ibadat-ibadat yang lain.

Firman Allah:

وَمَا أُمِرُوْا إِلَّا لِيَعْبُدُوْا اللهَ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ

Terjemahan: Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya.

(Al-Baiyinah 98:5)

Sabda Rasulullah s.a.w.

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Terjemahan: Sesungguhnya segala amal itu hendaklah dengan niat.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Berdiri bagi orang yang kuasa. Bagi orang yang tidak kuasa berdiri ialah boleh sembahyang duduk dan kalau tidak kuasa duduk ia boleh berbaring, dan kalau tidak kuasa berbaring boleh melentang, kalau tidak kuasa demikian sembahyanglah menurut kemampuannya, walau dengan apa isyarat sekalipun. Yang penting sembahyang tidak boleh ditinggalkan selama iman masih ada.
3. *Takbiratul-Ihram* (membaca Allahu Akbar) sabda Rasulullah s.a.w.

مِفْتَاحُ الصَّلاَةِ الْوُضُوْءِ وَتَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ

Terjemahan: Kunci sembahyang itu wudu', permulaannya takbir dan penghabisannya salam.

(Riwayat Ahmad, Abu Daud dan al-Tarmizi)

4. Membaca surah al-Fatihah.
5. Ruku' serta *tamakninah* (berdiam)

Sabda Rasulullah s.a.w.

ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْتَمِئِنَّ رَاكِعًا

Terjemahan: Kemudian ruku'lah engkau hingga engkau diam seketika.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

6. I'tidal serta tamakninah (berdiam). Ertinya berdiri betul kembali seperti pada ketika membaca al-Fatihah atau waktu qiam.

Sabda Rasulullah s.a.w.

ثُمَّ ارْفَعْ حَتّٰى تَعْتَدِلَ قَائِمًا

Terjemahan: Kemudian bangkitlah engkau sehingga berdiri betul kembali.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

7. Sujud dua kali serta tamakninah (berdiam). Sabda Rasulullah s.a.w.

ثُمَّ اسْجُدْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

Terjemahan: Kemudian sujudlah engkau hingga berdiam seketika, kemudian bangkitlah engkau hingga berdiam seketika, kemudian sujudlah engkau hingga berdiam seketika. Sekurang-kurang sujud ialah meletakkan dahi ke tempat sujud.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

8. Duduk di antara dua sujud dan tamakninah (berdiam) di antaranya. Sabda Rasulullah s.a.w.

ثُمَّ اسْجُدْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتّٰى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

Terjemahan: Sujudlah engkau hingga berdiam seketika, kemudian bangkitlah engkau hingga berdiam seketika, kemudian sujudlah engkau hingga berdiam pula seketika.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

9. Duduk akhir. Untuk tahiyat akhir dan selawat atas Nabi s.a.w. dan atas keluarga beliau maka tidak payahlah ditulis di sini, kerana pembaca-pembaca telah memakluminya.
10. Membaca tahiyat akhir, lafaz tahiyat:

التَّحِيَّاتُ الْـمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ السَّلَامُ
عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلٰى
عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Terjemahan: Segala perhormatan yang berkat salat yang baik adalah untuk Allah. Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan Rahmat Allah serta keberkatannya, sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang salih. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Muhammad itu adalah pesuruh Allah.

11. Membaca selawat atas Nabi Muhammad s.a.w. Waktu membacanya ialah pada ketika duduk akhir sudah membaca tahiyat akhir, adapun selawat atas keluarga beliau menurut Shafi'e tidak wajib hanya sunat sahaja. Lafaz selawat:

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى
إِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ
حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ

Terjemahan: "Ya Allah! Berilah kesejahteraan atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana telah Engkau berikan kesejahteraan atas Nabi Ibrahim, demikian juga atas keluarga Ibrahim. Dan beri keberkatan atas junjungan kami Muhammad dan

atas keluarga Muhammad sebagaimana telah Engkau beri keberkatan atas Nabi Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim pada sekalian 'alam, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Mulia''.

(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

12. Memberi salam yang pertama (ke kanan). Sabda Rasulullah s.a.w.

تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا اَلتَّسْلِيْمُ

Terjemahan: Permulaan sembahyang itu takbir dan penghabisannya salam. Lafaz salam yang sempurna ialah:

اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

Terjemahan: Mudah-mudahan selamatlah kamu dengan rahmat dan berkat Allah dan sekurang-kurang salam ialah (Assalamualaikum) ''Mudah-mudahan selamatlah kamu''.

(Riwayat Abu Daud dan Ibn Hamman)

13. Mentertibkan segala rukun. Ertinya meletakkan tiap-tiap rukun pada tempatnya menurut susunan yang tersebut di atas. Sabda Rasulullah s.a.w.

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِىْ أُصَلِّىْ

Terjemahan: Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat saya bersembahyang.

(Riwayat al-Bukhari)

Setelah kita mempelajari rukun-rukun sembahyang marilah kita mempelajari dengan secara ringkas pula tentang perkara-perkara yang membatalkan sembahyang.

Perkara-perkara yang Membatalkan Sembahyang

1. Meninggalkan salah satu rukun atau memutuskan rukun sebelum sempurna dengan sengaja umpama ia i'tidal sebelum sempuma ruku'.
2. Meninggalkan salah satu syarat, seperti ia berhadas, kena najis yang tidak dimaafkan, sama ada badan, pakaian sedangkan najis itu tidak dapat dihilangkan ketika itu kalau najis itu dapat dihilangkan serta-merta, maka sembahyangnya tidak batal, atau terbuka aurat walhal ia tidak dapat menutup ketika itu, jika ia dapat menutupnya serta-merta maka sembahyangnya tidak batal.
3. Berkata-kata dengan sengaja walaupun sedikit.
4. Banyak bergerak, melakukan suatu dengan tidak ada perlunya seperti bergerak tiga langkah atau memukul tiga kali berturut-turut. Sebab orang yang sedang sembahyang itu disuruh mengerjakan perkara yang bersangkut dengan sembahyang sahaja, pekerjaan yang lain hendaklah ditinggalkan.
5. Makan atau minum walaupun sedikit.

Demikianlah secara ringkas perkara-perkara yang membatalkan sembahyang berikut dengan ini marilah kita mempelajari sebab-sebab sujud sahwi pula.

Sebab-sebab Sujud Sahwi

1. Ketinggalan tahiyat pertama atau ketinggalan qunut pada waktu subuh.
2. Kelebihan raka'at atau rukun atau sujud disebabkan oleh lupa.
3. Kerana syak atau ragu tentang bilangan raka'at yang telah dikerjakan, umpama ia ragu adalah bilangan raka'at yang telah dikerjakan tiga atau empat, maka hendaklah ia jadikan bilangan yang yakin iaitu di sini tiga raka'at maka ia tambah satu raka'at lagi, serta ia sujud sahwi sebelum memberi salam.
4. Apabila kurang raka'at sembahyang kerana lupa.

Kewajipan Menunaikan Sembahyang dan Fungsinya dalam Kehidupan

Pengertian dalam Matlamat Ibadat

Ibadat adalah merupakan nilai Islam yang penting sekali kerana ia memainkan peranan yang berkesan untuk membina keperibadian dan memajukan masyarakat. Ibadat merupakan pelan induk yang mengikat antara hamba dengan Tuhan mengawal manusia agar tidak terlepas daripada 'aqidahnya. 'Aqidah pula merupakan ikatan hati dan perasaan manusia kepada Allah manakala ibadat pula mengambil berat tentang gerak langkah manusia bagi ikatan tersebut supaya pertaliannya selalu rapat serta teguh dengan Allah, matlamat 'aqidah dan ibadat ialah melaksanakan tujuan wujudnya manusia sebagai khalifah Allah di bumi untuk membina dan memajukan alam ini.

Ibadat ialah Hubungan Langsung antara Hamba dengan Allah

Ibadat dalam Islam merupakan pertalian terus-menerus antara hamba dengan Allah tanpa perantaraan sama ada orang biasa dan golongan ulama', dalam hubungan ini seseorang manusia pada waktu menyembah Allah bebas daripada sebarang perantaraan atau wasitah dan tempat kerana semua tempat yang suci di bumi boleh digunakan untuk melakukan ibadat kepada Allah, bagi mencapai matlamat menghubungkan seorang hamba dengan Allah tidak memerlukan kepada tempat-tempat tertentu atau wasitah sebagaimana terdapat pada setengah-setengah agama lain. Firman-Nya:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ، أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ
إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُواْ لِى وَلْيُؤْمِنُواْ بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

Terjemahan: Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu darihal-Ku, maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) senantiasa hampir (kepada mereka), Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perin-

tah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada Aku supaya mereka menjadi baik serta betul.

(Al-Baqarah 2:186)

Konsep Ibadat

Konsep ibadât dalam Islam merangkumi segala kegiatan manusia dari segi rohaniah dan jasmaniah, tiap-tiap seorang Muslim boleh mencampurkan di antara dunia dan akhirat, inilah kombinasi yang indah dalam Islam yang tidak terdapat dalam agama-agama lain, setiap Muslim boleh melaksanakan sifat kesempurnaan yang dituntut oleh agama pada masa ia menjalankan segala kegiatannya di bumi sebagai khalifah Allah seperti mencari rezeki dan sebagainya, dengan syarat menjujurkan hatinya kepada Allah sama ada pada masa menunaikan syiar ibadat atau pada masa menjalankan kegiatan-kegiatan dalam urusan hidup di dunia. Demikianlah pengertian ibadat menurut skop yang luas dalam Islam dan berikut ini akan diterangkan pengertian yang berhubung dengan sembahyang secara khusus.

Sembahyang Ibadat yang Tertua dalam Risalah-risalah Ketuhanan

Sembahyang ialah ibadat yang paling tua dikenali bersama-sama dengan iman, tiap-tiap syari'at ada mempunyai ibadat ini. Dalam al-Qur'an al-Karim ada menyebutkan setengah-setengah daripada kedudukan sembahyang bagi Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang terdahulu. Di antaranya berkenaan dengan Nabi Ibrahim a.s. Firman-Nya:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِندَ بَيْتِكَ
الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِّنَ النَّاسِ
تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُم مِّنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

Terjemahan: Wahai Tuhan kami! (Mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan

memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian daripada manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka daripada berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.

(Ibrahim 14:37)

Kemudian disebut pula dalam surah yang lain mengenai Nabi Ismail putera Nabi Ibrahim a.s. Firman-Nya:

أَنْ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْعَـٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ

Terjemahan: Bersihkanlah rumah-Ku (Ka'abah dan Masjid al-Haram daripada segala perkara yang dilarang) untuk orang yang bertawaf, dan orang yang beriktikaf (yang tetapi tinggal padanya), dan orang yang ruku' sujud.

(Al-Baqarah 2:125)

Kemudian Nabi'Isa a.s. telah memperkatakan nikmat Allah ke atasnya.

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنتُ وَأَوْصَـٰنِي بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ
مَا دُمْتُ حَيًّا

Terjemahan: Dan ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.

(Maryam 19:31)

Luqman telah menasihatkan anaknya supaya beriman kepada Allah, membuat baik terhadap dua ibu bapa, patuh kepada Allah sama ada di tempat terang atau tersembunyi lalu diwasiatkan supaya menunaikan sembahyang. Firman-Nya:

يَـٰبُنَيَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأْمُرْ بِٱلْمَعْرُوفِ وَٱنْهَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَ، إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ

Terjemahan: Wahai anak kesayanganku! Dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan serta lдranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

(Luqman 31:17)

Selain daripada itu pula, Allah Ta'ala telah mengambil pengakuan daripada mereka "Bani Israel" supaya sembahyang menjadi piagam atau prinsip yang terpenting dalam agama mereka, firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَـٰقَ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَقُولُوا۟ لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan bani Israel (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang miskin; dan katakanlah sembahyang serta keluarkanlah zakat".

(Al-Baqarah 2:83)

Demikianlah beberapa petikan tentang kewajipan sembahyang terhadap setengah-setengah Nabi-nabi, Rasul-rasul dan umat-umat sebelum Islam.

Sembahyang Membentuk Peribadi Mukmin

Islam telah menyebut tentang kepentingan sembahyang dalam berbagai segi, di antaranya ia menjadi setengah-setengah sifat

orang yang bertaqwa yang menurut arahan kitab suci al-Qur'an dan mereka yang memperlengkapkan dirinya dengan sifat-sifat yang terpuji itu adalah mendapat petunjuk daripada Allah Ta'ala seterusnya merekalah yang beroleh kejayaan, firman-Nya:

الٓمٓ ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ٱلَّذِينَ
يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ
وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ
وَبِٱلْأٓخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Alif, Lam, Mim. Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa. Iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan orang yang beriman kepada kitab al-Qur'an, yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad) dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu serta mereka yakin akan (adanya hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang telah mendapat petunjuk daripada Tuhan mereka dan merekalah orang berjaya.

(Al-Baqarah 2:1–5)

Al-Qur'an dari segi yang lain menerangkan sembahyang yang memberi kesan terhadap pembersihan diri dan mengawalnya daripada terjerumus ke dalam lembah kehinaan atau keburukan serta membersihkan manusia daripada naluri-naluri yang tidak sihat, firman-Nya:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: Dan dirikanlah sembahyang (dengan tetap), sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.

(Al-'Ankabut 29:54)

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ

Terjemahan: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut, kecuali orang yang mengerjakan sembahyangnya; iaitu mereka (yang tetap mengerjakan sembahyangnya).

(Al-Hujurat: 19)

Sebaliknya orang yang meninggalkan sembahyang digelarkan orang yang tenggelam dalam hawa nafsu yang bakal menjadi ahli neraka firman-Nya.:

فَخَلَفَ مِن بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُواْ الصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا

Terjemahan: Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan ma'siat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).

(Maryam 19:59)

Menurut jejak langkah Baginda Rasulullah s.a.w. apabila berlaku kecemasan lalu Baginda sembahyang dan berkata:

جُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِيْ فِى ٱلصَّلَاةِ

Terjemahan: Telah menjadikan ketenangan mataku dalam sembahyang.

Firman-Nya:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَاةِ

Terjemahan: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang.

(Al-Baqarah 2:45)

Sembahyang Ibadat Kemasyarakatan

Setengah-setengah orang menganggap sembahyang sebagai ibadat perseorangan untuk menghampirkan diri di antara insan dengan Allah sahaja, tetapi sebenarnya di samping faedah yang tersebut di atas ada hikmat dari segi kemasyarakatan yang terjalin dengan cara berhimpun (berjemaah) dalam masjid-masjid dan surau-surau itu boleh membuka jalan untuk memperdalamkan semangat di masjid-masjid sama ada di bandar-bandar, di kampung-kampung bagi sembahyang lima waktu dan sebagainya, maka masjid-masjid dan surau-surau itu merupakan majlis perjumpaan atau dewan raya pada masa tertentu dengan cara teratur.

Untuk melaksanakan matlamat perpaduan, kerjasama dan persaudaraan di antara kaum Muslimin, Allah Ta'ala mewajibkan ke atas mereka supaya melakukan sembahyang Jumaat, sekali seminggu pada masa mereka berkumpulan untuk mengabdikan diri kepada Allah mereka juga dapat berkenal-kenalan serta mendengar panduan dan nasihat daripada khutbah imam masjid demi kebajikan bersama dalam usaha mencapai keredaan Allah.

Di samping itu pula Allah mengambil berat perhimpunan yang lebih ramai dan lebih luas iaitu dua kali setahun iaitu sembahyang hari raya puasa (Aidilfitri) dan hari raya korban (Aidiladha) untuk memperdalamkan lagi hikmat-hikmat yang tersebut di atas di samping mensyukuri nikmat Allah terhadap dua peristiwa yang besar iaitu dua hari raya untuk umat Islam. Demikianlah Islam menyusun semangat kesedaran dalam ibadat sembahyang yang berbagai-bagai corak itu demi kebajikan manusia sendiri.

Kewajipan Sembahyang dalam Islam

Islam sebagai agama yang tulen menjadikan sembahyang satu daripada rukun Islam yang lima dengan diwajibkan ke atas tiap-tiap penganutnya Muslim dan Muslimat supaya mendirikan sembahyang lima waktu sehari semalam, hingga kanak-kanak diwajibkan ke atas tiap-tiap penjaganya supaya menyuruhnya sembahyang sejak usianya meningkat tujuh tahun dan mewajibkan penjaga-penjaga memukulnya jika kanak-kanak itu berdegil atau malas setelah usianya sepuluh tahun, sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> *''Suruhlah anak-anak kamu mendirikan sembahyang apabila mereka meningkat usianya tujuh tahun dan pukul mereka itu (jika degil atau malas) apabila usia mereka meningkat sepuluh tahun serta pisahlah tempat tidur antara mereka''.*

Kewajipan sembahyang itu terlalu mustahak dan orang yang meninggalkannya adalah berdosa besar kerana ia menjadi rukun Islam yang berti tidak wujud keislaman seorang itu kecuali dengan mengerjakannya pada tiap-tiap waktu di samping menunaikan rukun-rukun Islam yang lain. Sabda Rasulullah s.a.w.

بُنِيَ ٱلْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةَ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Terjemahannya: Ditegakkan Islam di atas lima, pengakuan syahadah iaitu tidak ada Tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Allah, Pengakuan bahawa Nabi Muhammad Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan puasa pada bulan Ramadan.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّيْنِ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّيْنَ

Terjemahannya: Sembahyang tiang agama, barang siapa yang meninggalkannya bermakna meruntuhkan agamanya.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Perintah menunaikan sembahyang adalah lebih berat daripada perintah rukun-rukun yang lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Shaqiq al-Aqili katanya:

كَانَ أَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
لَا يَرَوْنَ شَيْئًا مِنْ أَعْمَالٍ تَرْكُهُ كُفْرٌ غَيْرَ الصَّلَاةِ

Terjemahan: Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. tidak memandang sesuatu terhadap amalan-amalan yang meninggalkan menjadi kufur selain daripada sembahyang, tegasnya tidak ada halangan atau keuzuran yang mengharuskan meninggalkan atau dikeluarkan daripada waktunya selain daripada terlupa dan tertidur.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Sedangkan puasa bulan Ramadan ditangguhkan kepada masa yang lain sekiranya ada keuzuran, firman Allah:

لَيْسَ التَّفْرِيْطُ فِى النَّوْمِ إِنَّمَا التَّفْرِيْطُ فِى الْيَقْظَةِ فَإِذَا نَسِىَ
أَحَدُكُمْ صَلَاةً أَوْ نَامَ عَنْهَا فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا

Terjemahan: Bukanlah kecuaian dalam masa tidur tetapi kecuaian itu sebenarnya dalam masa sedar, apabila seorang daripada kamu terlupa sembahyang atau tertidur maka hendaklah ia sembahyang apabila ia mengingatinya.

فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Terjemahannya: Maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka), kemudi-

an wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain.

(Al-Baqarah 2:184)

Begitu juga zakat, seperti zakat fitrah yang tidak dikeluarkan sebelum sembahyang hari raya kerana tiada hadir harta fitrahnya maka bolehlah ditundakan sehingga harta itu diperolehinya seterusnya amalan ibadat haji harus ditunda sehingga ke masa berkemampuan dan berkuasa. Keadaan seperti itu sangat berbeza dengan sembahyang sebab ia tidak harus ditunda kepada masa yang lain daripada waktunya, hinggakan kalau tidak mempunyai penutup aurat atau tiada alat bersuci (tanah atau air) maka wajiblah sembahyang pada waktunya kerana menghormati waktu, sekalipun wajib diqada' pada setengah-setengah keadaan.

Demikian juga sakit atau hilang keupayaan tetapi masih siuman maka adalah wajib menunaikan sembahyang dengan duduk atau baring (mengiring atau menelentang) atau dengan menggunakan isyarat kelopak mata dan akhir sekali dengan mengingatkan kelakuan sembahyang dalam hatinya, firman-Nya:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَـٰبًا مَّوْقُوتًا

Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan kepada orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

(Al-Nisa' 4:103)

Kewajipan sembahyang yang tersebut di atas juga termasuk sembahyang Jumaat, firman-Nya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ
فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟ ٱلْبَيْعَ

Terjemahannya: Wahai orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan

sembahyang Jumaat) dan tinggallah berjualbeli (pada saat itu).

(Al-Jumu'ah 69:9)

Terjemahannya: Barang siapa yang meninggalkan tiga kali sembahyang Jumaat kerana meringankan atau kecuaian maka Allah telah mengecapkan (kelalaian) ke atas jantungnya.

Pendapat Ulama' tentang Hukum Meninggalkan Sembahyang

Kebanyakan ulama' telah memberi pendapat mereka tentang masalah yang di atas, walau bagaimanapun akan diterakan di sini sebahagian pendapat mereka sahaja untuk menjadi renungan bersama di antaranya:

1. Meninggalkan sembahyang itu suatu perkara yang boleh mendedahkan kepada kekufuran, kerana meninggalkan satu daripada rukun Islam yang sangat penting.
2. Tidak ada perselisihan di antara ulama' tentang kekufuran orang yang mengingkarkan wajib sembahyang kecuali jika ia baharu menganut Islam yang berkemungkinan ia tidak mengetahui hukum wajibnya, kerana tidak bergaul dengan orang Islam.
3. Meninggalkan sembahyang kerana segan atau malas di samping mengi'tikadkan wajibnya, maka ada beberapa pendapat pula, di antaranya:

   a. Tidak jadi kafir dan tidak dibunuh tetapi dipermalukan yakni dikenakan hukum takzir serta dipenjarakan sehingga ia sembahyang, ini pendapat Abu Hanifah, dan pendapat segolongan ulama' Kufah juga pendapat al-Imam al-Muzani, dalilnya banyak.

   b. Dan ada pendapat yang mengatakan kufur, di antaranya ialah Sayidina Ali dan Imam Ahmad menurut salah satu riwayat daripadanya dan itulah pendapat Abdullah bin

al-Mubarak, Ishak dan Rahawiyah dan satu pendapat daripada sahabat-sahabat al-Shafi'e.

Pendapat ulama tentang masalah ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa orang yang meninggalkan sembahyang kerana malas atau segan adalah fasik kerana telah melakukan dosa besar dengan mengabaikan salah satu rukun Islam yang lima, kerana Nabi s.a.w. bersabda:

الصَّلاَةُ عِمَادُ الدِّيْنِ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّيْنَ

Terjemahannya: Sembahyang ialah tiang agama, barang siapa yang meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Jadi hendaklah dikenakan hukum takzir atau keseksaan dan terpulanglah kepada pihak berkuasa atau kadi untuk mengenakan hukuman yang setimpal dengannya, supaya menjamin kaum Muslimin melakukannya dengan teratur dan tidak berani meninggalkannya atau membuat mudah terhadap rukun Islam yang menjadi syiarnya yang termustahak.

XV

RUKUN ISLAM
ZAKAT, PUASA DAN HAJI

Zakat

Zakat: Menurut istilah agama Islam ialah kadar harta tertentu diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat.

Hukumnya: Zakat adalah salah satu daripada Rukun Islam yang lima, fardu 'ain ke atas tiap-tiap orang yang cukup syaratnya. Zakat ini mula diwajibkan pada tahun yang kedua Hijrah. Firman Allah:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

Terjemahannya: Dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat hartamu.

(Al-Nisa' 4:77)

Firman-Nya lagi:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

Terjemahannya: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka (menjadi) sedekah, (supaya) dengannya engkau

membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).

(Al-Taubah 9:103–3)

Sabda Rasulullah:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيْتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Terjemahannya: Islam itu ditegakkan di atas lima dasar: Menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mengerjakan sembahyang lima waktu, membayar zakat, mengerjakan puasa pada bulan Ramadan.

Zakat adalah ibadat kewangan yang sangat dititikberatkan dalam Islam, hingga dijadikan salah satu daripada Rukun Islam. Tiap-tiap orang Islam yang mempunyai harta hendaklah memberi sumbangan kepada golongan yang tidak mampu atau kurang mampu dan kepada maslahat umum negara sama ada berupa wang ringgit, emas, perak, barang-barang dagangan, haiwan ternakan, buah-buahan dan biji-bijian menurut nisab dan kadar-kadar tertentu yang diterangkan satu persatunya dalam ilmu fiqh Islam.

Sebenarnya perintah Allah mengeluarkan zakat itu selalu disertakan dengan perintah sembahyang sebanyak 30 kali disebutkan dalam al-Qur'an al-Karim.

Sikap Islam tentang Wang Ringgit dan Harta Kekayaan

Menerusi ibadat zakat Islam dapat menyelesaikan masalah ekonomi dengan cara yang tersendiri iaitu mengambil jalan tengah untuk yang sederhana iaitu jalan yang baik lagi praktikal untuk membuat perimbangan di antara golongan yang mampu dengan golongan yang tidak mampu. Dengan cara ini jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin dapat diperdekatkan. Golongan kaya dapat terus menikmati kekayaannya dengan syarat sebahagian

daripada kekayaan itu dialirkan kepada golongan miskin, sebagai suatu hak yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. bukan sebagai pengemis yang meminta belas kasihan orang kaya. Semua harta kekayaan, wang ringgit adalah milik Allah. Manusia hanya sebagai pemegang amanah.

Cara perundangan Islam ini dapat mengawal perimbangan dan mengawal hak kebebasan bagi tiap-tiap individu untuk berusaha dan mencari rezeki di samping menjaga hak-hak masyarakat supaya terjamin atau dengan perkataan lain tiap-tiap orang hendaklah mengambil berat hak masyarakat di samping kedudukan masyarakat dan maslahat umum dengan tidak menafikan hak individu. Dengan sistem yang sederhana ini muncullah Islam sebagai satu syariat yang praktis yang berlainan daripada syariat dan konsep-konsep yang lain.

Persoalan-persoalan Penting dalam Zakat

1. Zakat hendaklah dibahagikan kepada golongan atau asnaf-asnaf yang tertentu menurut nas yang tersebut dalam al-Qur'an al-Karim. Firman Allah:

إِنَّمَا الصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا
وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ اللهِ
وَابْنِ ٱلسَّبِيلِ

Terjemahannya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang yang berhutang dan (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.

(Al-Taubat 9:60)

Berpandukan ayat ini maka zakat tidak harus dibahagikan kepada yang lain daripada golongan atau asnaf yang tersebut itu.

2. Zakat bukanlah sebagai derma atau sagu hati atau semata-mata pemberian atau ihsan daripada pemberi, tetapi adalah hak masyarakat yang terletak di bawah pengawasan pemerintah untuk mengumpul dan membahagikannya. Kedudukannya samalah juga dengan cukai-cukai yang dikutip oleh kerajaan terhadap rakyat-rakyat yang mampu. Oleh yang demikian Allah berfirman:

وَفِيٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ

Terjemahannya: Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada) meminta.

(Al-Zariyat:19)

3. Perlu diinsafi bahawa kadar yang wajib dikeluarkan zakat itu cuma sedikit sahaja, jika dibandingkan dengan jumlah kekayaan tiap-tiap orang kaya atau mampu. Jadi orang ramai boleh bekerjasama untuk membangunkan jaminan kemasyarakatan. Zakat ini bukanlah tertanggung ke atas hartawan-hartawan malahan tertanggung ke atas kebanyakan penduduk yang mampu menurut syarat-syaratnya.

   Hal ini sangat besar faedahnya kerana dengan peraturan kutipan zakat membawa erti yang luas tentang keteguhan masyarakat dan membuka peluang supaya rakyat merasa bahawa mereka telah memberi sumbangan bersama terhadap pembangunan masyarakat. Jadi tiap-tiap rakyat yang mampu merasa penuh tanggungjawab untuk membina masyarakatnya serta menjalankan tugas terhadap golongan yang tidak berdaya atau tidak mampu seperti fakir miskin dan lainnya.
4. Zakat adalah merupakan satu cara membahagi dan mengedarkan kekayaan di antara rakyat pada masa yang tertentu. Selepas itu dikira milikan dan kekayaan baru yang diusahakan dengan penat lelah sendiri.
5. Zakat menjadi faktor yang berkesan untuk memupuk rasa kasih sayang dan saling mengerti di antara seluruh rakyat. Dan

dasar inilah yang diambil berat oleh agama dan pemimpin-pemimpin demi mengawal perpaduan negara. Dan juga untuk mengikis semangat kebendaan yang mementingkan diri sendiri, semangat individualistik dan semangat egoistik yakni semangat angkuh dan takbur.

6. Zakat yang dipungut dalam sesebuah negeri atau jajahan hendaklah dibahagikan kepada golongan atau asnaf-asnaf yang berhak di tempat itu juga. Kemudian jika didapati berlebihan daripada keperluan negeri atau jajahan hendaklah dihantar kepada baitulmal pusat untuk dibahagi kepada negeri Islam yang lain atau jajahan yang lain.

   Cara ini merupakan satu daripada sistem yang sangat berkesan untuk meningkatkan keadaan kehidupan rakyat dan melaksanakan jaminan sosial di segenap negara Islam dalam dunia.

Zakat hendaklah dijadikan satu peruntukan yang berasingan dalam baitulmal, supaya tidak bercampur aduk dengan lain-lain sumber kekayaan negeri. Inilah cara yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar bin al-Khatab r.a., yang mana institusi zakat pada zamannya benar-benar dapat menjaminkan keadilan sosial bagi negara Islam.

Jenis-jenis Zakat, Nisab dan Kadar yang Diwajibkan

Sebenarnya kita tidaklah ingin membuat keterangan yang terperinci dalam hal-hal ini, sebab matlamat kita ialah untuk membentangkan konsep-konsep dan perkara-perkara asas sahaja, maka masalah-masalah yang halus itu bolehlah pembaca-pembaca membaca sendiri dalam kitab-kitab fiqh Islam.

Zakat pada keseluruhannya terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama: Zakat harta benda dan yang kedua zakat fitrah.

Zakat harta benda terbahagi kepada 5 jenis:

1. Zakat emas dan perak
2. Zakat perniagaan
3. Zakat binatang ternakan
4. Zakat tumbuh-tumbuhan termasuk biji-bijian dan buah-buahan
5. Zakat rikaz yakni harta yang terpendam atau harta karun.

Zakat Emas dan Perak

Dua jenis logam ini sangat berharga dalam penilaian masyarakat manusia sejak dahulu hingga sekarang. Allah menjadikan keduanya itu berbagai faedah, oleh kerana keduanya jarang didapati dalam dunia ini kecuali di negeri-negeri atau di tempat-tempat yang tertentu sahaja. Maka umat manusia sejak dahulu lagi telah menjadikan keduanya matang atau nilai bagi barang-barang. Oleh yang demikian syariat Islam memberi perhatian utama kepadanya dan mengira sebagai kekayaan yang bertambah dari segi kejadian asalnya. Maka dikenakan zakat sama ada dijadikan mata wang atau emas berkeping atau dijadikan bekas-bekas, alat-alat atau sebagainya, dan dikecualikan jika dijadikan barang-barang perhiasan untuk pakaian perempuan.

Nisab emas ialah 20 misqal atau bersamaan dengan 25 mayam dan 2 7108 saga. Dan nisab perak ialah 200 dirham atau bersamaan dengan 176 mayam dan 7 saga. Kadar yang diwajibkan dikeluarkan hanya 2.5 peratus (dua setengah peratus).

Syarat-syarat zakat bagi emas dan perak ialah:

1. Islam
2. Merdeka
3. Milik sempurna
4. Sampai nisab
5. Sampai satu tahun disimpan.

Apabila cukup nisab dan cukup syarat-syaratnya hendaklah dikeluarkan zakat.

Zakat Harta Benda Perniagaan

Jenis harta benda perniagaan ialah segala mata benda yang dimaksudkan untuk perdagangan, seperti kain baju barang-barang kelengkapan, barang-barang perhiasan, perabot-perabot dan sebagainya.

Nisabnya adalah diasaskan kepada harga atau nilai nisab emas dan perak. Menurut nisab harta benda yang ditetapkan oleh Majlis Fatwa bagi Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Agama Islam ialah berdasarkan nilai 25 mayam dan 2.7108 harga emas. Manakala

harta atau nilai emas pula tidak tetap iaitu tertakluk kepada naik turun nilai emas dan perak dalam negeri dan di pasaran antarabangsa.

Kadar yang wajib dikeluarkan ialah 2.5 peratus sama seperti emas atau perak.

Syarat-syarat wajib zakat bagi harta benda pemiagaan adalah sama seperti syarat-syarat pada zakat emas dan perak WalLahua'lam.

Zakat Haiwan Ternakan

Alim ulama fiqh mengatakan wajib zakat terhadap haiwan temakan yang tertentu sahaja iaitu unta, lembu, kerbau, biri-biri dan kambing.

Permulaan nisab bagi lembu dan kerbau sebanyak 30 ekor, permulaan nisab bagi unta ialah 5 ekor, yang dimaksudkan dengan permulaan nisab di sini ialah had minima mula dikenakan zakat.

Kita tidak bermaksud membuat penjelasan satu persatu tentang nisab dan kadar yang wajib dikeluarkan, sebab tujuan kita hanya mempelajari konsep zakat dan pokok-pokok sahaja.

Syarat-syarat wajib zakat ialah

1. Cukup nisab
2. Cukup haul ''Genap Setahun''
3. Milik yang sempuma
4. Haiwan yang ditemakkan secara dilepas di padang rumput
5. Pemiliknya orang merdeka.

Zakat Tumbuhan, Termasuk Biji-bijian dan Buah-buahan

Di antara nikmat Allah Ta'ala kepada manusia ialah menyediakan bumi luas terbentang ini dengan tanah-tanah yang boleh ditanam pelbagai jenis tanaman dan pokok-pokok. Sebenarnya tanaman dan pokok-pokok yang mengeluarkan hasil dan buah menjadi punca rezeki dan sumber makanan dan sumber kekayaan bagi umat manusia dan haiwan. Hingga setengah-setengah pakar ekonomi berpendapat bahawa kekayaan pertanian itu lebih penting daripada yang lain.

Jenis biji-bijian yang dikenakan zakat di antara lainnya ialah padi, gandum, barli, jagung, jenis-jenis kacang di India atau hasil-hasil yang menjadi makanan utama bagi penduduk. Hukum satu persatu yang termasuk syarat-syarat wajibnya ada diterangkan dalam kitab-kitab fiqh Islam.

Tentang buah-buahan pula dikenakan zakat ke atas buah zabib dan kurma dalam mazhab Shafi'i kita.

Nisab bagi biji-bijian dan buah-buahan ialah 5 usak atau bersamaan dengan 1 600 kati Baghdad atau bersamaan dengan 363 gantang padi di Malaysia secara lebih kurang. Kadar 363 gantang ini telah ditetapkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal-Ehwal Agama Islam di Malaysia.

Apabila cukup nisab tersebut maka hendaklah dikeluarkan 10 peratus sekiranya tumbuh-tumbuhan itu hidup dengan air hujan atau limpahan air sungai atau tidak memerlukan nafkah yang banyak. Tetapi jika tumbuh-tumbuhan itu menggunakan siraman tenaga manusia atau haiwan atau jentera atau nafkah pengeluarannya mahal maka dikenakan lima peratus, WalLahua'lam.

Syarat-syarat wajib zakat bagi biji-bijian dan buah-buahan

1. Islam
2. Merdeka
3. Milik sempurna
4. Sampai nisabnya
5. Biji-bijian makanan itu ditanam oleh manusia
6. Bijian makanan itu mengenyangkan dan tahan disimpan lama.

Zakat al-Rikaz (Harta Karun)

Rikaz ialah harta benda yang ditanam oleh orang dahulu kala seperti emas, perak, dan sebagainya. Jumhur Fuqaha' mengatakan orang yang mendapat harta tersebut hendaklah mengeluarkan sebanyak satu perlima daripada jumlah yang didapati.

Dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w.

Terjemahannya: Dikenakan kepada harta benda yang tertanam (harta karun) daripada jumlah yang didapati satu perlima.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Rikaz tidak disyaratkan tempoh satu tahun, tetapi apabila didapati wajib dikeluarkan zakatnya pada waktu itu juga seperti zakat galian emas perak.

Maka setengah-setengah ulama berpendapat bahawa disyaratkan zakatnya ialah sampai nisab, pendapat ini menurut mazhab Shafi'i, pendapat yang lain seperti Imam Maliki, Hanafi dan Imam Ahmad bin Hambali dan pengikutnya, bahawa nisab itu tidak disyaratkan.

Rikaz menjadi kepunyaan yang memperolehi apabila didapati dari tanah kepunyaan orang, maka perlu diselidiki orang yang memiliki tanah itu sehingga sampai kepada orang yang mula-mula membuka tanah itu. Kalau tidak ada yang mengakuinya, maka rikaz itu menjadi kepunyaan yang membuka tanah Allah — walLahua'lam.

Zakat Mata Wang (Wang Kertas)

Wang kertas adalah sebagai tanda bahawa yang memegangnya berhak memperolehi emas atau perak sebanyak angkanya, tetapi sekarang wang kertas itu sudah laku di pasar-pasar sebagai emas dan perak. Dengan wang tersebut dapat dibeli apa sahaja barang-barang dan boleh ditukar dengan perak pada sebarang waktu dan tempat dengan segera. Oleh kerana itu wang kertas wajib zakat apabila mencukupi syarat-syarat wajib zakat sebagaimana yang telah diterangkan.

Dalam praktiknya bahawa emas dan perak itu sekarang sudah menjadi sedikit di tangan orang ramai, kerana ianya sudah dikuasai oleh Bank (Negara) di seluruh dunia, sedangkan segala keperluan dapat dijalankan dengan wang kertas sahaja.

Jika tidak dikenakan zakat sudah tentu akibatnya akan mengurangkan hak fakir miskin. Bahkan mungkin terjadi emas akan berkurangan dari masa ke semasa. Apabila wang emas dan perak terus-menerus dikuasai oleh bank dan pemerintah, walhal zakat itu

zakat itu diwajibkan Allah untuk menolong asnaf yang berhak menerimanya, supaya mereka dapat menjalankan kewajipan terhadap Allah s.w.t. dan kepada masyarakat.

Zakat Fitrah

Zakat ini dinamakan juga zakat tubuh badan. Dalil yang menunjukkan wajibnya ialah hadith Rasulullah s.a.w.

فَرَضَ رَسُوْلُ اللهِ (ص): زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ وَصَاعًا مِنْ شَعِيْرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكَرِ وَالأُنْثَى، وَالصَّغِيْرِ وَالْكَبِيْرِ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَأَمَرَبِهَا أَنْ تُؤَدِّى قَبْلَ خُرُوْجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Terjemahan: Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah segantang kurma atau segantang syair ke atas hamba, orang merdeka, lelaki, perempuan kecil, besar dari kaum Muslimin dan disuruh mengeluarkannya. Sebelum orang keluar untuk sembahyang berhari raya.

(Riwayat oleh Lima Ahli Sunan)

Zakat ini diwajibkan pada akhir bulan Ramadan ke atas tiap-tiap orang Islam yang cukup syaratnya.

Tujuan diwajibkan zakat ini ialah untuk membantu orang yang tidak bernasib baik seperti fakir miskin dan sebagainya supaya mereka dapat merayakan hari raya puasa seperti orang kebanyakan.

Syarat-syarat wajib zakat fitrah

1. Islam. Orang yang bukan Islam tidak diwajibkan zakat fitrah.
2. Orang itu ada pada waktu terbenam matahari penghabisan puasa, maka orang yang mati sebelum terbenam matahari penghabisan bulan Ramadan, tidak wajib fitrah ke atasnya, demikian juga orang yang lahir sesudah terbenam, matahari malam raya.
3. Dia mempunyai kelebihan harta daripada keperluan makanan untuk dirinya sendiri dan untuk orang lain di bawah

tanggungannya, sama ada manusia atau binatang pada malam hari raya dan siang harinya. Orang yang tidak mempunyai tak wajib membayar fitrah.

Zakat ialah Jaminan Kemasyarakatan dalam Islam

Tujuan penting bagi zakat ialah untuk mengadakan jaminan kemasyarakatan terhadap rakyat, supaya tidak ada jurang perbezaan di atas orang yang mampu dengan orang yang tidak mampu atau kurang mampu. Pemerintahan Islam hendaklah mengawal maslahat rakyat supaya tiap-tiap rakyat mempunyai hak asasinya seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, dan pendidikan secara munasabah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

كَادَ الْجُوْعُ أَنْ يَكُوْنَ كُفْرًا

Terjemahan: Kelaparan itu hampir membawa kekufuran.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Hadith menggambarkan bahawa kelaparan yang timbul daripada ketidakadilan masyarakat hingga membawa kemiskinan kepada sebahagian rakyat boleh menimbulkan secara langsung gejala-gejala yang buruk, seperti merompak, mencuri, membunuh dan sebagainya.

Oleh yang demikian wajiblah pemerintah Islam mengadakan jaminan kemasyarakatan terhadap rakyat supaya tidak ada rakyat yang lapar dan dengan menyediakan peluang-peluang kerja yang sama, mengadakan projek-projek pembangunan negeri baik dari segi perindustrian, perusahaan atau perkilangan, membuka tanah-tanah baru untuk pertanian, menyediakan peluang-peluang berniaga yang sama kepada rakyat, mengadakan projek-projek ternakan, perikanan, bangunan negara baik dari segi perindustrian, perusahaan atau perkilangan, perlombongan, kayu-kayan dan sebagainya.

Tugas tersebut bukan sahaja dipikul oleh kerajaan bahkan oleh tiap-tiap Muslim yang mampu bagi membantu saudaranya daripada hasil pendapatan yang lebih untuk keperluan orang yang tidak mampu atau kurang mampu dengan menyumbangkan sebahagian

daripada hasil pendapatan yang menjadi hak bagi golongan yang tidak mampu.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

Terjemahan: Siapa yang mempunyai makanan yang lebih hendaklah diberi kepada orang yang tidak mempunyai makanan, barang siapa yang mempunyai kenderaan yang lebih hendaklah membawa orang yang tidak mempunyai kenderaan.

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيْهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak beriman seseorang daripada kamu hingga ia kasih kepada saudaranya seperti ia kasihkan dirinya sendiri.

(Riwayat setengah-setengah Ahli Sunan)

Pendeknya jika kerajaan Islam memungut zakat dengan teratur dan membahagikannya dengan baik, kepada golongan yang berhak serta mendapat kerjasama yang penuh daripada golongan yang mampu dan pihak kerajaan sentiasa mengadakan kemajuan dalam perindustrian, perusahaan, pertanian, perikanan, perlombongan dan sebagainya sudah tentu masyarakat Islam akan menjadi kukuh dan insya-Allah tidak akan timbul gejala-gejala buruk dan jika timbul adalah terkawal seterusnya kemungkaran, jenayah dan sebagainya akan dapat dibendung kepada kadar yang minima.

Puasa

Setelah kita mempelajari tentang zakat dalam Islam dengan sederhana mari kita mempelajari pula tentang puasa dan perkara-perkara yang bersangkut dengannya. Bahasa yang mustahak ialah dalil diwajibkan puasa, bahagian-bahagian hikmat, syarat-syarat dan rukun puasa.

Al-Siam atau Puasa adalah satu daripada Rukun Islam yang lima dan satu daripada asas ibadat yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah Ta'ala. Perkataan al-Siam berasal daripada bahasa Arab. Maknanya dalam bahasa Melayu ialah puasa. Al-Siam dari segi bahasa ialah menahan diri daripada sesuatu secara mutlak dan

kepada orang yang menahan diri daripada bercakap dikatakan puasa juga. Firman Allah yang menceritakan Mariam ibu Nabi Isa a.s.:

إِنِّى نَذَرْتُ لِلرَّحْمَٰنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ ٱلْيَوْمَ إِنسِيًّا

Terjemahan: Sesungguhnya saya bernazar diam membisu kerana (Allah) al-Rahman: (setelah Aku menyatakan demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun daripada kalangan manusia pada hari ini.

(Maryam 19:26)

Adapun pengertian dari segi syara' ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai daripada waktu fajar hingga kepada ghaib matahari seperti menahan diri daripada makan dan minum, berjimak dan sebagainya dengan syarat-syarat tertentu.

Dalil diwajibkan puasa, firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa.

(Al-Baqarah 2:183)

Firman-Nya:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Terjemahan: Oleh itu barang siapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya) hendaklah ia berpuasa bulan itu.

(Al-Baqarah 2:185)

Dalil dari segi Hadith pula ialah sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud dibinakan Islam di atas lima perkara:

Yakni mengakui bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah.

Yakni bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi orang berkuasa.

Bahagian-bahagian Puasa

Puasa terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya puasa fardu atau wajib seperti pada bulan Ramadan puasa nazar, puasa kifarat membunuh orang, puasa bersetubuh pada siang hari pada bulan Ramadan. Maka puasa pada hari Isnin dan hari Khamis dan lain-lain puasa adalah sunat dalam syara'.

Hikmat Puasa

Puasa mempunyai banyak hikmat atau rahsia sama ada dari segi rohaniah ia boleh menundukkan nafsu yang jahat, yakni naluri atau perasaan yang mendorong kepada kejahatan. Sebenarnya ibadat ini bukan sahaja terdapat dalam syariat Islam bahkan dalam syariat-syariat lain juga ada mempunyai ibadat ini walaupun caranya berlainan.

Hikmat puasa dari segi rohaniah ialah boleh menguatkan peribadi dan meluhurkan kesusilaan dan membersihkan jiwa insan. Puasa adalah sebagai latihan rohaniah yang mana tiap-tiap Muslim menahan diri daripada nafsu perut, nafsu jantina dan untuk mencegah moral yang rendah. Seorang Muslim yang benar-benar berpuasa tidak mencela, tidak mencaci, tidak mengumpat, tidak bercakap kotor dan tidak mengikut keinginan nafsu yang rendah. Inilah cara yang paling berkesan untuk membentuk peribadi yang mulia.

Demikian juga puasa boleh melemahkan tekanan nafsu yang keras, kerana orang yang sentiasa kenyang akan bertambah keras syahwatnya. Jadi dengan ibadat ini dapat menurunkan tekanan nafsu syahwat tersebut.

Oleh itu Rasulullah s.a.w. memberi bimbingan terhadap orang

muda yang kuat nafsu supaya berkahwin jika mereka mempunyai belanja dan jika tidak mempunyai perbelanjaan untuk berkahwin hendaklah berpuasa, kerana puasa itu boleh mengurangkan tekanan syahwat.

Dari segi perubatan dan ilmu kesihatan serta rawatan penyakit memang puasa itu sangat berfaedah. Perut manusia itu boleh diibaratkan sebagai enjin. Maka jika enjin itu sentiasa berjalan tentulah akan cepat rosak, begitulah juga perut dan alat-alat pencernaan manusia perlu diberi kerehatan selama sebulan dalam setahun guna membersih dan membetulkan perjalanan alat-alat pencernaan. Jikalau tidak akan cepat terkena penyakit.

Puasa memberi kesan untuk mengurangkan berat tubuh atau mengurangkan gemuk, kerana apabila kuat makan tentulah bertambah gemuk dan bertambah banyak nisbah lemah dalam tubuh. Kegemukan yang melebihi daripada bentuk tubuh akan membawa penyakit-penyakit yang merbahaya seperti kencing manis, darah tinggi, lemah jantung dan sebagainya.

Al-Tabrani telah meriwayatkan Hadith daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

أُغْزُوْا تَغْنَمُوْا وَصُوْمُوْا تَصِحُّوْا وَسَافِرُوْا تَسْتَغْنُوْا

Terjemahan: (Berperanglah kamu nescaya kamu akan mendapat rampasan perang, berpuasalah kamu nescaya kamu sihat dan musafirlah kamu nescaya kamu senang.

Maka faedah-faedah dari segi kemasyarakatan ialah memupuk perasaan rahmat dan kasihan belas terhadap golongan fakir miskin atau orang yang tidak mampu, supaya tiap-tiap orang Muslim merasa lapar dan dahaga dalam jangka waktu yang tertentu. Agar dengan demikian akan timbul rasa belas kasihan terhadap masyarakat yang miskin.

Nabi Yusuf a.s. sentiasa berpuasa walhal beliau menjadi pengerusi perbekalan negara-negara di Mesir pada zamannya. Ada orang berkata kepadanya: "Kenapakah tuan berpuasa walhal tuan menjadi pengerusi berbekalan negara?" Jawab beliau, "Aku

takutkan kekenyangan kerana itu boleh melupakan nasib orang yang lapar!"

Di antara hikmat puasa dari segi rohaniah juga ialah memuliakan bulan Ramadan, kerana bulan itulah mula diturunkan al-Qur'an al-Karim kepada Baginda. Baginda Rasulullah s.a.w. menggalakkan tiap-tiap Muslim supaya melakukan ibadat yang lebih dan mewajibkan puasa pada bulan yang mulia ini, ini untuk menambahkan lagi ganjaran pahala kepada hamba-Nya dan sebagai mengambil sempena dengan penurunan Al-Qur'an yang menjadi perlembagaan hidup bagi manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Di antara hikmatnya yang lain ialah menguatkan peribadi. Seorang pengarang bangsa Jerman bernama Jeharadat menulis dalam tulisannya beliau memuji hikmat puasa, di antara lain katanya: "Untuk menguatkan peribadi dan jiwa hendaklah dijadikan puasa itu sebagai pokok atau dasar hidup, kerana ianya menjadi cara yang berkesan untuk meninggikan pengaruh rohaniah ke atas jasmaniah. Dengan demikian manusia boleh menguasai dirinya sendiri sebaliknya ia tidak menjadi hamba kepada naluri kebendaan.

Dasar Kesenangan dalam Islam

Islam sebagai syari'at yang sesuai dengan segala keadaan dan zaman, maka syari'at yang mulia ini boleh disesuaikan dengan keadaan-keadaan yang tertentu supaya hukum-hukum itu selaras dengan tuntutan manusia. Jika orang sakit atau musafir pada bulan Ramadan maka Allah memberi kemudahan kepada mereka untuk makan dan minum. Firman Allah:

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Terjemahan: Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah ia berbuka kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu, pada hari-hari yang lain.

(Al-Baqarah 2:184)

Bagi orang yang terlalu tua dan uzur atau perempuan-perempuan yang menyusukan bayi yang khuatir di atas kesihatan bayi atau penyakit-penyakit teruk yang tidak ada harapan sembuh dibenarkan makan dan minum tetapi hendaklah membayar fidyah sebanyak secupak beras atau secupak gandum atau harganya bagi tiap-tiap hari yang ditinggalkan puasa itu.

Syarat-syarat sah Puasa

1. Islam — orang yang bukan Islam tidak sah puasa.
2. Mumaiyiz مميز yakni dapat membezakan yang baik dengan yang buruk atau bersih dan kotor.
3. Suci daripada haid dan nifas. Orang yang datang haid dan yang sedang berdarah nifas tidak sah puasa tetapi wajiblah keduanya mengqadakan puasa yang tertinggal itu.
4. Puasa diharuskan pada hari-hari yang dibolehkan puasa, sebaliknya tidak sah puasa pada dua hari raya dan hari Tasyrik iaitu dari 11 hingga 13 haribulan Haji (Zulhijah). Sabda Rasulullah s.a.w.:

    قل رسول الله صلعم عن أنس: أَنَّ النَّبِيَّ (صلعم) نَهَى عَنْ
    صَوْمِ خَمْسَةِ أَيَّامٍ فِي السَّنَةِ يَوْمَ الْفِطْرِ وَيَوْمَ النَّحْرِ وَثَلَاثَةِ أَيَّامِ
    التَّشْرِيْقِ

    Terjemahan: Daripada Anas bahawasanya Nabi s.a.w. telah melarang berpuasa lima hari dalam satu tahun: Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan tiga hari Tasyrik.

Rukun Puasa

1. Berniat pada malamnya yakni tiap-tiap malam selama bulan Ramadan.
2. Menahan diri daripada segala perkara yang membatalkan puasa mulai dari waktu terbit fajar hingga ghaibnya matahari.

Perkara-perkara yang Membatalkan Puasa

Makan dan minum dengan sengaja tetapi jika terlupa tidak membatalkan puasa. Sabda Rasulullah s.a.w.:

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ (صلعم) مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ فَإِنَّمَا اَطْعَمَهُ اللهُ وَسَقَاهُ

Terjemahan: Rasulullah s.a.w. bersabda: Barang siapa yang terlupa walhal sedang ia berpuasa lalu ia makan atau minum, maka hendaklah ia menyempurnakan puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberi makan dan memberi minum kepadanya.

1. Muntah dengan sengaja, tetapi jika termuntah tanpa sengaja tidaklah membatalkan puasa.
2. Bersetubuh.
3. Keluar darah haid atau darah nifas.
4. Gila. Jika kegilaan itu datang pada waktu siang hari batallah puasanya.
5. Keluar mani disebabkan bersentuh dengan perempuan. Tetapi jika terkeluar mani disebabkan oleh mimpi atau berkhayal tidaklah membatalkan puasa.

Perkara-perkara yang Disunatkan bagi Orang Berpuasa

1. Di antaranya menyegerakan berbuka apabila sudah yakin masuknya waktu maghrib yakni sunat berbuka puasa sebelum daripada menunaikan sembahyang maghrib.
2. Disunatkan berdoa selepas daripada berbuka dengan bacaan yang makthur daripada Rasulullah s.a.w. iaitu:

اللّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلٰى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَبِكَ اٰمَنْتُ ذَهَبَ الظَّـمَاءُ وَابْتَلَتْ الْعُرُوْقُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ. يَا وَاسِعَ الْفَضْلِ اِغْفِرْلِىْ الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِىْ أَعَانَنِىْ وَصُمْتُ وَرَزَقَنِىْ فَأَفْطَرْتُ

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

3. Disunatkan bersahur walaupun sedikit makanan atau minuman.

4. Menjauhkan diri daripada percakapan yang sia-sia dan percakapan yang buruk seperti mengumpat, mencela dan sebagainya. Memang kita telah maklum bersama bahawa perkara-perkara itu dilarang kerana pada bulan Ramadan dosanya lebih besar.
5. Membanyakkan berbuat kebajikan seperti bersedekah dan sebagainya terhadap kaum kerabat yang lemah dan fakir miskin.
6. Di antaranya disunatkan membaca al-Qur'an, berzikir, berselawat ke atas Rasul yang mulia. Ini akan diberikan pahala yang berlipat ganda dan banyak lagi sunat-sunat yang lain tetapi setakat ini sahaja memadailah sebagai ringkasannya.

Haji

Pengertian al-Haji

Mengqasadkan Baitullah al-Haram di Makkah untuk mengerjakan ibadat dengan syarat-syarat tertentu.

Ibadat haji ialah satu daripada rukun Islam yang lima yang mempunyai nilai-nilai yang mulia secara tersendiri. Dalil-dalil diwajibkan ibadat ini ialah firman Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji (dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya.

(Ali 'Imran 3:97)

Sebenarnya ibadat ini telah dilakukan oleh orang Arab pada zaman jahiliah dahulu yang mengerjakan haji menurut cara mereka sendiri iaitu berdasarkan tradisi mereka yang sesat. Ada di antara mereka yang berbogel, ada yang bertepuk-tepuk tangan, ada yang membesarkan berhala bukan membesarkan dan memuliakan Allah sebagai yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail a.s.

Dalam al-Qur'an ada diterangkan cara kesesatan mereka di Ka'abah. Firman Allah:

وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِنْدَ ٱلْبَيْتِ إِلَّا مُكَآءً وَتَصْدِيَةً

Terjemahan: Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah ini melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan.

(Al-Anfal 8:35)

Cerita Pembinaan Ka'abah

Ka'abah ialah pusat yang terpenting untuk menunaikan fardu haji. Maka sayogialah kita mengetahui sedikit sebanyak tentang peristiwa mendirikan Ka'abah itu. Pembinaan Ka'abah dilakukan pada zaman Nabi Ibrahim a.s. pada waktu itu ramai orang yang menyembah berhala. Mereka tidak menyembah Allah yang Maha Esa. Apabila Nabi Ibrahim dan isterinya Siti Hajar dan puteranya Ismail meninggalkan negeri Syam iaitu tanahair datuk neneknya menuju ke arah selatan negeri Hijaz yang tandus serta terpencil daripada orang ramai, untuk membentuk keluarga yang menyembah Allah semata-mata. Apabila Nabi Ismail besar, Allah menyuruh Nabi Ibrahim supaya membinakan tempat sembahyang yang membolehkan orang berhimpun di situ, untuk menyembah Allah yang Maha Esa serta bersyukur di atas nikmat-Nya yang tidak terhingga. Peristiwa ini disebutkan dalam al-Qur'an. Firman Allah:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا، إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika (Nabi) Ibrahim bersama-sama dengan anaknya (Nabi) Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Ka'abah) itu sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkaulah yang amat Mendengar, lagi amat Mengetahui."

(Al-Baqarah 2:127)

Setelah Nabi Ibrahim dan Ismail selesai membinanya lalu Allah menyuruh mereka mengawalnya supaya dijauhkan daripada kekotoran lahiriah seperti najis dan kekotoran maknawiah seperti syirik kepada Allah. Firman Allah:

وَعَهِدْنَآ إِلَىٰٓ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَٰعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّآئِفِينَ وَالْعَٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ

Terjemahan: Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): Bersihkanlah rumah-Ku (Ka'abah dan Masjid al-Haram daripada segala perkara yang dilarang) untuk orang yang bertawaf, dan orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang yang ruku' sujud.

(Al-Baqarah 2:125)

Firman Allah:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِى بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَٰلَمِينَ. فِيهِ ءَايَٰتٌ بَيِّنَٰتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًا

Terjemahan: Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah (Baitullah) yang di Makkah, yang berkat dan (dijadikan petunjuk hidayat bagi umat manusia. Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya), (di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia.

(Ali 'Imran 3:96–97)

Setelah Nabi Ibrahim dan puteranya Ismail wafat maka berlalulah zaman-berzaman maka orang yang terkemudian telah

memasukkan ke dalam ibadat haji berbagai perkara yang mungkar seperti syirik dan menyembah berhala.

Untuk membasmikan perkara-perkara tersebut maka Allah s.w.t. mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. agar manusia kembali semula kepada tauhid yang sebenar yang telah diseru oleh Nabi Ibrahim dahulu. Firman Allah:

هُوَ ٱجْتَبَـٰكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَٰهِيمَ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلْمُسْلِمِينَ مِن قَبْلُ

Terjemahan: Dialah yang memilih (kamu untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama-agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu "orang Islam" semenjak dahulu dalam (al-Qur'an) ini.

(Al-Haj 22:78)

Syarat-syarat Wajib Haji

1. Islam – tidak wajib bahkan tidak sah haji daripada orang kafir.
2. Berakal – tidak wajib haji ke atas orang gila.
3. Baligh – tidak wajib haji ke atas kanak-kanak.
4. Merdeka – tidak wajib haji ke atas hamba sahaya.
5. Berkuasa – tidak wajib haji ke atas orang yang tidak berkuasa.

Rukun Haji

1. Ihram (berniat mulai mengerjalan haji atau umrah).
2. Hadir di padang Arafah pada waktu yang ditetapkan iaitu mulai daripada tergelincir matahari 9 Zulhijah sampai terbit fajar 10 Zulhijah, maksudnya orang yang sedang menunaikan haji itu hendaklah berada di padang Arafah pada waktu tersebut.
3. Tawaf (mengelilingi Ka'abah). Tawaf rukun ini dinamakan tawaf.
4. Sa'i (berlari-lari sederhana di antara dua bukit Safa dan Marwah).

5. Bercukur atau mengggunting rambut. Sekurang-kurangnya menghilangkan tiga helai rambut.
6. Melakukan rukun-rukun itu dengan tertib seperti yang disebutkan di atas.

Perkara-perkara wajib Haji: Perkataan wajib dan rukun biasanya mempunyai erti yang sama tetapi dalam ibadat haji ada perbezaan di antara keduanya.

Rukun: Iaitu sesuatu yang tidak sah haji melainkan dengan melakukannya, ia tidak boleh diganti dengan dam.

Wajib: Iaitu sesuatu yang perlu dikerjakan, tetapi sah hajinya jika tertinggal tetap mestilah digantikan dengan dam (menyembelih binatang).

1. Berihram di Miqat (tempat yang ditentukan dan pada masa tertentu).
2. Hadir di Muzdalifah sesudah tengah malam iaitu pada malam Hari Raya Haji selepas berada di Padang 'Arafah.
3. Melontar Jumratu 'Aqabah pada Hari Raya Haji.
4. Melontar tiga Jumrah: iaitu jumrah yang pertama, yang kedua dan yang ketiga. Tiap-tiap satu jumrah dilontar dengan tujuh anak batu yang kecil. Waktu melontarnya ialah sesudah gelincir matahari.
5. Bermalam di Mina.
6. Tawaf wada' iaitu Tawaf pada waktu hendak meninggalkan Makkah.
7. Menjauhkan diri daripada segala larangan atau perkara yang diharamkan pada masa berihram.

Perkara yang Dilarang Semasa Berihram Haji

1. Diharamkan ke atas lelaki yang berihram memakai pakaian yang berjahit.
2. Diharamkan ke atas lelaki yang berihram menutup kepalanya kecuali kerana hajat dibolehkan, tetapi wajib membayar dam.
3. Diharamkan ke atas perempuan menutup muka dan dua tapak tangan.
4. Diharamkan memakai bau-bauan pada masa berihram sama ada lelaki dan perempuan baik pada badan atau pakaian.

5. Diharamkan mencukur rambut atau bulu dari tubuh badan dan memakai minyak rambut.
6. Diharamkan memotong kuku.
7. Diharamkan mengakadkan nikah (kahwin atau mengahwinkan atau menjadi wakil dalam akad perkahwinan).
8. Diharamkan memburu dan membunuh binatang yang liar di daratan dan halal dimakan.

'Umrah

Hukumnya fardu 'ain ke atas tiap-tiap lelaki atau perempuan sekali seumur hidup. Firman Allah:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: Dan sempurnakanlah ibadat haji dan 'umrah kerana Allah.

(Al-Baqarah 2:196)

Rukun 'Umrah

1. Ihram serta berniat
2. Tawaf
3. Sa'i di antara bukit Safa dan Marwah
4. Bercukur
5. Melakukan perkara di atas dengan tertib.

Semangat Haji dalam Islam

Sebenarnya ibadat haji dalam Islam dengan haji dalam agama-gama lain ada perbezaan yang besar. Sebab haji di sisi mereka ialah mengambil berkat dengan menziarahi kubur orang suci dan kesan-kesan bangunan lama yang ditinggalkan oleh datuk nenek mereka. Manakala haji dalam Islam menziarahi dan mengqasadkan Baitullah al-Haram untuk mencapai faedah, rohaniah, moral, kemasyarakatan dan ekonomi, firman Allah:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ
مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ لِّيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي

أَيَّامٍ مَّعْلُومَٰتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ ٱلْأَنْعَٰمِ، فَكُلُوا۟
مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْبَآئِسَ ٱلْفَقِيرَ

Terjemahan: Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji nescaya mereka akan datang kepada (rumah binaan)-Mu dengan berjalan kaki, dan dengan berkenderaan jenis-jenis unta yang kurus, yang datangnya daripada berbagai-bagai perkara yang mendatangkan faedah bagi mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban) dengan demikian makanlah kamu daripada daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.

(Al-Haj 22: 27–28)

Jika diperhatikan firman Allah (لِّيَشْهَدُوا۟ مَنَٰفِعَ لَهُمْ) yakni supaya mereka mempersaksikan berbagai manfaat bagi mereka, maka ulama' telah mentafsirkan berbagai manfaat dari segi keagamaan dan keduniaan. Dalam al-Qur'an dan dua perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Di samping itu ada hikmat yang penting lagi iaitu dari segi ekonomi, kita sedia maklum bahawa negara Islam mempunyai berbagai bahan-bahan mentah seperti petrol, getah, kelapa sawit, kapas, kayu-kayan, bahan-bahan logam seperti besi, tembaga, perak, emas, dan sebagainya, maka dengan muktamar am dan perhimpunan wakil-wakil dari negara Islam itu dapat dibuat perjanjian ekonomi, perusahaan dan perdagangan dan lain-lainnya, untuk mencari kepentingan bersama di antara negara-negara Islam dengan demikian perhubungan dan semangat kerjasama di antara negara Islam senantiasa terjalin rapat.

Hukum Ihram

Apabila seorang Muslim melakukan ihram maka diharamkan ke atasnya melakukan perbuatan-perbuatan yang berupa kemewahan dan keseronokan dari segi kebendaan, seperti ia tidak boleh memakai bau-bauan dan tidak boleh memakai pakaian berjahit,

tidak boleh memakai kasut-kasut, tidak boleh berhias, tidak boleh memotong kuku dan sebagainya.

Nikmat larangan tersebut ialah haji itu ibadat yang bertujuan menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. dan memohon ganjaran yang berlipat ganda yang disediakan Allah di negeri akhirat kelak.

Di antara hikmat yang lain ialah melatih diri supaya tidak digugat oleh fitnah, mata benda atau kemewahan material dunia sebaliknya untuk melatih diri hidup sederhana, hidup zahid supaya dengan demikian ia akan berjaya memperjuangkan nilai-nilai rohaniah yang mulia.

Ihram dan Kesejahteraan

Orang yang berihram berdoa pada masa memandang Ka'abah.

اللّٰهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ،
اَللّٰهُمَّ زِدْ هٰذَا الْبَيْتَ تَشْرِيْفًا وَتَكْرِيْمًا وَمَهَابَةً وَزِدْ مَنْ حَجَّهُ
أَوِ اعْتَمَرَهُ تَكْرِيْمًا وَتَشْرِيْفًا

Terjemahan: Wahai Tuhan kami daripada engkaulah datang kesejahteraan, hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan, daripada Engkaulah datang kesejahteraan, hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan, wahai Tuhan kami! Tambahlah rumah yang mulia ini dengan kemuliaan, keharmonian dan kehebatan-kehebatan dan tambahlah kepada orang yang menunaikan haji atau 'umrah, dengan kemuliaan dan kehormatan.

Doa ini menunjukkan dengan jelas bahawa di antara tujuan haji dalam Islam ialah menanam, menyuburkan dan memperkembangkan semangat cintakan kesejahteraan dan keamanan dalam jiwa dan lubuk hati tiap-tiap Muslim, sebaliknya untuk menghindar atau membuangkan semangat kebencian atau kemarahan atau pergaduhan. Firman Allah:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُوْمَـٰتٌ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا
فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي ٱلْحَجِّ وَمَا تَفْعَلُواْ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ

Terjemahan: (Masa untuk mengerjakan ibadat). Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidaklah boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh berbuat ma'siat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah.

(Al-Baqarah 2:197)

Menurut saranan ayat ini Allah telah mewajibkan ke atas orang yang berihram supaya bersikap damai, berjiwa murni dan berhati mulia sebaliknya mengharamkan daripada pertengkaran, kekotoran dan keburukan.

Untuk meningkatkan bagi semangat keimanan dan kedamaian dalam jiwa muslim, maka dilarang membunuh binatang darat sama ada yang halal dimakan atau tidak, sebab itulah dikatakan bahawa ibadat haji itu ialah mencari keamanan, kesejahteraan dan keselamatan.

Hikmat Tawaf

Orang yang mengerjakan haji diwajibkan Tawaf mengelilingi Ka'abah sebanyak tujuh kali yang dimulakan dari hajarul al-aswad. Tawaf tersebut ialah untuk menghormati Ka'abah yang menjadi rumah ibadat bagi tujuan menyembah Allah yang Maha Esa.

Hajar al-aswad yang terletak di satu sudut Ka'abah itu sebagai lambang yang dihormati oleh orang Arab sejak zaman-berzaman pada setiap kali diperbaiki bangunan Ka'abah.

Tawaf mengelilingi Ka'abah itu menyerupai kelakuan para malaikat yang mengelilingi Arasy Tuhan di alam malaikat. Malaikat-malaikat yang sentiasa memuji Allah, kaum Muslimin di dunia diwajibkan menghadap kiblat pada masa menunaikan sembahyang lima kali sehari semalam, maka wajiblah mereka menghormati dan memuliakan Ka'abah yang pertama dibina oleh Nabi Ibrahim dan puteranya Ismail untuk tujuan menyembah Allah.

Hikmah Sa'i di antara Safa dan Marwah

Sa'i ialah berlari perlahan atau berjalan cepat di antara bukit Safa dan marwah, ia termasuk dalam rukun haji yang diamalkan pada zaman dahulu tetapi peristiwa itu terus dikekalkan dalam Islam bagi mengingati satu peristiwa sejarah yang penting. Orang yang mula-mula melakukan Sa'i ialah Siti Hajar (Ibu Nabi Ismail isteri Nabi Ibrahim a.s.) yang berlari-lari untuk mencari air bagi kegunaan puteranya Ismail.

Orang Arab jahiliah mengekalkan tradisi ini cuma mereka meletakkan dua patung yang pertama dinamakan *al-Saf* dan yang kedua dinamakan Nailah, satunya diletakkan di Safa dan yang satu lagi diletakkan di Marwah. Apabila munculnya Islam maka di musnahkan patung-patung itu dan dikekalkan Sa'i di antara dua bukit itu yang telah dibersihkan daripada kesan-kesan syirik dan keberhalaan kerana mengingati peristiwa yang bersejarah itu.

Hikmah Wuquf di 'Arafah

Islam memfardukan wuquf di 'Arafah pada hari yang kesembilan bulan Zulhijah. Kelebihan wukuf ini ialah perhimpunan agung dan perjumpaan umum antara kaum Muslimin di dunia yang terdiri daripada berbagai bangsa, berbagai bahasa dan berbagai kebudayaan yang datang daripada segenap pelosok dunia untuk menunaikan ibadat haji. Maka di padang Arafahlah kaum Muslimin dari negara-negara Arab, Pakistan, Indonesia, Turki, Malaysia, Iran, Eropah, Afghanistan, Bangladesh, Tanzania, Filipina, Amerika, Australia, Jepun, Korea dan sebagainya dapat bertemu dengan semua bangsa. Mereka memakai pakaian yang sama yang sangat sederhana semuanya berdoa kepada Allah s.w.t. memohon limpah rahmat dan pengampunan daripada dosa-dosa dan fitnah dan memohon petunjuk supaya mendapat kesejahteraan sama ada di dunia dan di akhirat.

Keadaan yang demikian rupa, dapat melahirkan serta menggambarkan persamaan mutlak dari segi lahiriah di antara umat Islam di dunia, tanpa perkauman, tanpa kemewahan, tanpa kebanggaan, hanya yang jelas ialah hamba-hamba Allah yang lemah yang selalu berkehendak kepada ri'ayah Allah pada setiap masa.

Alangkah mulia tujuan dan matlamat ibadat Haji dalam Islam. Oleh itu Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ حَجَّ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرَجَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Terjemahan: Barang siapa yang menunaikan Haji dan ia tidak melakukan kefasikan nescaya keluar seperti hari yang baru diperanakkan oleh ibunya.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Kata Dr. Philip Hitti dalam buku Sejarah Arab penggal pertama halaman 187 — Ibadat haji pada segenap masa merupakan suatu sistem yang tunggal untuk mengeratkan perpaduan fikiran Islam di antara berbagai golongan, maka dengan sistem ini memberikan peluang kepada tiap-tiap Muslim untuk mengembara sekurang-kurangnya sekali seumur hidup, untuk berjumpa dengan kaum muslimin yang lain sebagai pertemuan persaudaraan dan menyatukan perasaan di antara satu sama lain yang datang dari segenap pelosok dunia, dengan berkat sistem ini memudahkan orang Negro, Barbar, Cina, Eropah, Turki, Arab dan lain-lain lagi sama ada kaya atau miskin atau orang besar atau orang biasa semuanya merasa bersaudara dari segi bahasa, keimanan dan kepercayaan.

XVI

KORBAN DAN IHSAN

Berkorban kerana Agama

Di antara sifat yang dipandang tinggi oleh Allah s.w.t. ialah berkorban kerana agama dan berkorban untuk kebajikan; sifat yang bertentangan dengan ini ialah mementingkan diri sendiri. Berkorban mempunyai pengertian yang luas, termasuklah mengetepikan kepentingan diri sendiri dan mengutamakan kepentingan masyarakat seperti mengeluarkan derma berupa wang ringgit untuk membantu hospital-hospital, sekolah-sekolah, rumah-rumah anak yatim, mendermakan kepada balu polis-polis dan perajurit-perajurit. Begitu juga kita menumpukan taat setia kepada Allah dan untuk membangunkan negara tanpa menyakiti dan menyentuh hak orang lain.

Demikian juga kita mengorbankan jiwa raga untuk mengawal keselamatan rakyat dan negara daripada ancaman musuh dari luar, jika niat kita jujur iaitu untuk menegakkan Islam dan syiarnya, maka kematian kita dinamakan mati syahid.

Angkatan tentera dan pasukan polis yang sentiasa bersiap sedia menentang pengganas-pengganas yang jahat sama ada dari luar dan dalam untuk menegakkan keamanan dan keselamatan rakyat adalah termasuk dalam jihad fi sabilillah jika niatnya bagi mendapatkan keredaan Allah. Jika mereka mati dalam keimanan maka kematian mereka adalah mulia di sisi Allah. Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ

عَذَابٍ أَلِيمٍ. تُؤْمِنُونَ بِاللهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَـٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ
اللهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ، ذٰلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ.
يَغْفِرْلَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّـٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَـٰرُ وَمَسَـٰكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّـٰتِ عَدْنٍ، ذٰلِكَ ٱلْفَوْزُ
ٱلْعَظِيمُ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Ia akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga yang kekal. Itulah kemenangan yang besar.

(Al-Shaf 61:10–12)

Rasulullah s.a.w. bersabda pada masa Baginda disoal tentang orang yang utama:

قِيْلَ يَا رَسُوْلَ اللهِ أَيُّ النَّاسِ أَفْضَلُ؟ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ
(صلعم): مُؤْمِنٌ يُجَاهِدُ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ. قَالُوْا، ثُمَّ
مَنْ؟ قَالَ: مُؤْمِنٌ فِيْ شَعْبٍ مِنَ الشِّعَابِ يَتَّقِيْ اللهَ وَيَدْعُ
النَّاسَ مِنْ شَرِّهِمْ

Terjemahan: Ditanya orang akan Rasulullah. Manakah manusia yang lebih utama? Maka jawab Rasulullah s.a.w. "orang yang lebih utama ialah orang mukmin

yang berbuat kebajikan pada jalan Allah, baik dengan harta bendanya mahupun dengan jiwanya. Kemudian siapa lagi?" tanya sahabat. Jawab Rasulullah "orang mukmin yang berada di satu lurah dari lurah bukit ia takutkan Allah dan menyeru manusia supaya menjauhkan daripada angkara kejahatan".

Alhamdulillah dalam sejarah bangsa kita memang terdapat pemimpin-pemimpin dan rakyat-rakyat yang berjiwa besar yang mengorbankan harta kekayaan dan nyawanya untuk agama dan keperluan bersama demi mencapai keridaan Allah di negeri akhirat kelak.

Tujuan agama Islam ialah melaksanakan keamanan dan kedamaian dalam negara seterusnya untuk dunia seluruhnya.

وَاللهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَـٰمِ

Terjemahan: (Itulah dia kesudahan dunia) Dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa.

(Yunus 10:25)

Untuk mencapai keselamatan di akhirat kiat perlu menegakkan keimanan di dunia dengan menjalankan hukum-hukum Allah. Hukum-hukum Allah sahaja yang dapat menegapkan kesejahteraan dan kedamaian di dunia ini.

Allah s.w.t. menyeru manusia supaya memperjuangkan keimanan. Firman Allah:

يَاَيُّهَا الَّذِيْنَ أَمَنُوْا ادْخُلُوْا فِى السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوْا
خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ. إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِيْنٌ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hukumnya, dan janganlah kamu turut langkah-

langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

(Al-Baqarah 2:208)

Untuk kita menegapkan kedamaian dan keimanan kita mestilah mempunyai kekuatan dan bersedia pada bila-bila masa sahaja untuk menumpaskan pengacau-pengacau dan pengganas-pengganas di dunia ini. Firman Allah:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ وَعَدُوَّكُمْ

Terjemahan: Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada (pasukan-pasukan) berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan (persediaan) itu musuh Allah dan musuh kamu.

(Al-Anfal 8:60)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيْفِ

Terjemahan: Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dikasihi Allah daripada orang mu'min yang lemah.

(Riwayat Muslim)

Kekuatan di sini mempunyai pengertian yang luas iaitu termasuk kekuatan ilmu pengetahuan, kesihatan tubuh badan, kekuatan alat senjata, kekuatan semangat dan keazaman, maka kekuatan-kekuatan itulah yang dapat menjamin kemenangan kita untuk menumpas sekalian musuh Allah, musuh negara dan masyarakat yang sentiasa melakukan kerosakan dan fitnah di bumi Allah ini.

Jika umat Islam kuat imannya kepada Allah dan memahami akan cita-cita Islam yang sebenar serta bersedia berkorban dengan apa jua yang ada pada mereka maka musuh-musuh Islam, musuh-musuh negara akan dapat dihancurkan dari masa ke semasa.

Mengingati Allah Penawar Jiwa

Di antara matlamat kehidupan rohaniah ialah memupuk perasaan tenteram dalam hati dan perasaan manusia dan sebaliknya untuk menghindarkan perasaan duka dan gelisah yang menjadi musuh ketat bagi tiap-tiap orang. Mengingati Allah adalah satu cara yang paling berkesan untuk mencapai matlamat yang tersebut, sebabnya adalah seperti berikut.

Fikiran yang selalu dilanda duka nestapa kerana kesulitan yang terkena kepada jasmani, rohani dan harta benda dan sebagainya boleh membawa pertarungan dalam akal fikiran dan kegelisahan dalam batin manusia, gejala-gejala itu selalu mendatang secara mendadak dan kadang-kadang perlahan-lahan disebabkan oleh wujudnya cabaran-cabaran hidup yang tidak habis-habis itu. Maka kesejahteraan manusia selalu tergugat oleh gejala-gejala tersebut dan kadang-kadang boleh melumpuhkan tenaga seseorang untuk mengatasi masalah-masalah itu sama ada masalah peribadi, keluarga dan kemasyarakatan.

Setengah-setengah orang menyangka bahawa gejala-gejala batin seperti duka nestapa, gelisah dan cemas tidak mendatangkan kesan kepada tubuh badan, tetapi pengalaman-pengalaman dan percubaan ilmiah telah membuktikan bahawa dukacita yang berpanjangan atau gelisah yang berterusan mendatangkan kesan secara langsung kepada anggota dan alat-alat dalam badan manusia seterusnya boleh membawa kelemahan kepada kegiatan anggota dalam badan yang menyebabkan berbagai penyakit.

Kegelisahan dan duka nestapa adalah berpunca daripada kelemahan insan untuk menyelesaikan masalah-masalah hidup yang bermacam rupa. Maka mengingati Allah dan berdoa kepada-Nya boleh mengembalikan perasaan aman dan tenteram ke dalam hati kita.

Seorang doktor pakar ilmu jiwa bernama Doktor Bril berkata: Orang yang kuat kepercayaan kepada agama tidak menghidapi

penyakit jiwa. Kata Dale Carnegie bahawa doktor-doktor pakar dalam ilmu jiwa mengatakan keimanan yang mendalam dan berpegang teguh kepada ajaran agama sudah cukup untuk mengalahkan kegelisahan dan ketegahan urat saraf dan seterusnya boleh menyembuhkan penyakit itu. Mengingati Allah s.w.t. ialah kesan daripada iman yang mendalam, berzikir kepada Allah menjadi hidangan rohani yang boleh menghilangkan gejala rohani dan penyakit batin. Firman Allah:

الَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللهِ أَلَا بِذِكْرِ اللهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Terjemahan: (Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikir kepada Allah. Ketahuilah! Dengan "Zikir Allah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(Al-Ra'd 13:28)

Mengingati Allah adalah merupakan seorang itu benar-benar mengenal Allah, dan kita hendaklah selalu memuji-Nya, sebab itu al-Qur'an menyatakan, bahawa mengingati Allah akan diberi limpahan kurnia yang baik. Ada banyak fadilat zikir di antaranya:

فَاذْكُرُونِيٓ أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواْ لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Terjemahan: Oleh itu, ingatlah kamu kepada Aku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan, dan bersyukurlah kamu kepada Aku dan janganlah kamu kufur (dengan nikmat-Ku).

(Al-Baqarah 2:152)

Firman Allah:

وَالذَّٰكِرِينَ اللهَ كَثِيرًا وَالذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ اللهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Terjemahan: Dan orang lelaki yang banyak menyebut nama Allah serta orang perempuan yang banyak menyebut nama Allah — Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

(Al-Ahzab 33:35)

Sebaliknya orang yang tidak mengingati Allah akan mendapat kesesatan yang boleh membawa kepada kekejian. Firman Allah:

وَمَن يَعْشُ عَن ذِكْرِ ٱلرَّحْمَٰنِ نُقَيِّضْ لَهُۥ شَيْطَٰنًا فَهُوَ لَهُۥ قَرِينٌ. وَإِنَّهُمْ لَيَصُدُّونَهُمْ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ

Terjemahan: Dan sesiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah al-Rahman. Kami akan adakan baginya syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu jadilah ia temannya yang tidak renggang daripadanya. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu tetap menyekat menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedang mereka menyangka bahawa mereka orang yang mendapat petunjuk hidayat.

(Al-Zukhruf 43:36–37)

Al-Qur'an al-Karim memberi amaran keras terhadap orang yang berpaling tadah daripada Allah s.w.t. firman-Nya:

وَلَا تَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ نَسُوا اللهَ فَأَنْسٰهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُوْلٰئِكَ هُمُ الْفٰسِقُوْنَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang fasik derhaka.

(Al-Hasyr 59:19)

Mengingati Allah sebenarnya mendatangkan kesan yang nyata dalam pendidikan rohani, tiap-tiap orang yang selalu mengingati-Nya dan selalu memuji kebesaran kerahmatan-Nya akan khusyu' dan lembutlah hatinya. Keadaan ini membuahkan kegiatan yang membina dan urusan yang baik, sebab itu mengingati dan menyedari bahawa Allah sentiasa menontonnya dan melihatnya, sebaliknya orang yang lupa daripada mengingati Allah akan terjatuh ke dalam lembah kehinaan, sebab hatinya keras dan tabiatnya tidak puas-puas menghirup benda-benda di dunia ini. Firman Allah;

أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللهِ وَمَا نَزَلَ
مِنَ ٱلْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلُ
فَطَالَ عَلَيْهِمُ ٱلْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ

Terjemahan: Belum sampaikah lagi masanya bagi orang yang beriman, untuk khusyu' hati mereka dengan mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (al-Qur'an) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka seperti orang yang telah diberikan kitab sebelum mereka, setelah lalu ke atas orang itu masa yang panjang, maka hati mereka menjadi keras, dan kebanyakan di antara mereka ialah orang yang fasik derhaka.

(Al-Hadid 57:16)

Oleh itu Islam menitikberatkan zikir kepada Allah s.w.t., maka sembahyang lima waktu yang diwajibkan ke atas setiap orang Muslim mengandungi macam-macam zikir untuk memberi peluang kepada tiap-tiap Muslim membersihkan diri dan rohaniahnya serta menumpukan ingatannya kepada Allah s.w.t. yang Maha Kuasa agar diberi limpah rahmat dalam usaha menjalankan kegiatan-kegiatan hidup setiap hari. Firman Allah:

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الفَجْرِ
إِنَّ قُرْءَانَ الفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً

لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا، وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِى
مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِى مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَل لِّى مِن لَّدُنكَ
سُلْطَٰنًا نَّصِيرًا

Terjemahan: Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya). Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah ''sembahyang Tahajud'' pada-Nya, sebagai sembahyang tambahan bagimu: Semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu — pada hari akhirat — di tempat yang terpuji. Dan pohonkanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa): ''Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan agama-Mu dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang sebenar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisimu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku.

(Al-Isra' 17:78–80)

Ihsan

Ihsan ditarifkan dengan makna memberi nikmat dan kelebihan. Tetapi sebenarnya makna ihsan ini lebih luas. Jika kita kembali kepada kamus maka makna (أَحْسَنَ) ialah membuat baik iaitu lawan perkataan jahat, dan (إِحْسَانٌ) pula ialah perbuatan baik. Perbuatan-perbuatan baik meliputi semua tingkah laku yang mengangkatkan taraf manusia serta mendidik jiwa seseorang dan menghampirkan dirinya kepada penciptanya. Berdasarkan makna ini al-Qur'an menggalakkan supaya beramal dengannya.

Sesungguhnya ajaran-ajaran al-Qur'an dalam ihsan dapat membuktikan bahawa ianya adalah kitab rohani yang membawa ke darjat yang tertinggi. Al-Qur'an mengatakan tentang ihsan hingga dapat mempengaruhi kepribadian seseorang, dari segi dorongan-dorongan bekerja. Al-Qur'an juga menerangkan sifat-sifat Muhsinin, serta menentukan golongan-golongan manusia yang lebih

berhak kepada ihsan daripada yang lain dan akhirnya al-Qur'an menyeru kepada ihsan supaya manusia menjadi mulia, yang sekarang diseru oleh ahli-ahli falsafah dan golongan-golongan bijak pandai di dunia.

Kedudukan Ihsan dalam Islam

Al-Qur'an menerangkan bahawa ihsan wajib menjadi tabiat manusia. Allah telah memberi nikmat kepada manusia dengan ihsan-Nya, maka manusia juga perlu ihsan dengan nikmat ini kepada makhluk. Firman Allah:

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللهُ إِلَيْكَ

Terjemahan: Dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah).

(Al-Qasas 28:77)

Al-Qur'an juga menyatakan bahawa manfaat ihsan itu akan kembali kepada tuannya (المُحْسِن). Firman Allah:

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ، وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا

Terjemahan: Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan ialah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.

(Al-Isra' 17:7)

Ini adalah benar, iaitu seseorang yang melakukan ihsan akan merasa tenang yang tidak dapat dirasakan oleh orang lain dan orang yang menerima ihsan itu sendiri akan merasa senang, kasih serta sayang kepada pelaku ihsan. Ini semua memberi kebahagiaan jiwa. Sedang membuat keburukan (الإساءة) menjadikannya seseorang yang hina dan tidak mendapat ketenangan hidup, kerana itulah Allah memberi galakan supaya berbuat ihsan dengan firman-Nya:

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَانِ وَإِيتَآءِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنْكَرِ وَٱلْبَغْيِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman.

(Al-Nahl 16:90)

Al-Qur'an mengangkatkan martabat ihsan disertakan dengan ikhlas kepada Allah dan kedua-dua ini disifatkan sebagai sifat yang paling tinggi yang patut ada pada seseorang yang beragama. Firman Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

Terjemahan: Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (مُحْسِنٌ) *, sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan.*

(Al-Nisa' 4:12)

Firman Allah:

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ

Terjemahan: Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh.

(Luqman 31:22)

Yakni sesungguhnya ia berpegang kepada sebab-sebab paling kuat yang menghubungkan dia dengan keredaan Allah.

Allah memberi galakan untuk mengerjakan amalan-amalan baik (الْحَسَنَاتِ) dengan firman-Nya:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشْرُ أَمْثَالِهَا

Terjemahan: Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat) maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya.

(Al-An'am 6:160)

Antara Sifat-sifat Muhsinin

Antara sifat-sifat muhsinin dalam al-Qur'an ialah mendirikan sembahyang pada waktu malam dan di akhir-akhir malam, mereka menuntut keampunan daripada Tuhan mereka. Antara sifat-sifat mereka juga ialah menetapkan sebahagian daripada harta mereka untuk orang miskin bagi memenuhi keperluan mereka. Firman Allah:

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّـٰتٍ وَعُيُونٍ. ءَاخِذِينَ مَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ، إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَبْلَ ذَٰلِكَ مُحْسِنِينَ. كَانُوا۟ قَلِيلًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ وَفِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang bertaqwa adalah ditempatkan dalam beberapa taman syurga, dengan mata air-mata air terpancar padanya (keadaan mereka di sana) senantiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang yang berbuat kebaikan. Mereka senantiasa mengambil sedikit sahaja masa daripada waktu malam untuk mereka tidur. Dan pada waktu sahur (akhir malam sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun). Dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

(Al-Zariyat 51:15–19)

Jihad pada jalan Allah dengan jiwa dan harta adalah salah satu perkara ihsan. Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ جَـٰهَدُواْ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللهَ لَمَعَ ٱلْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha membaiki amalannya.

(Al-'Ankabut 29:69)

Mengikut apa yang didatangkan oleh Rasulullah s.a.w. adalah perkara ihsan. Firman Allah:

وَٱلَّذِى جَآءَ بِٱلصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ أُوْلَـٰئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ

Terjemahan: Dan (nyatalah bahawa) yang membawa kebenaran (Tauhid dan hukum agama) serta ia (dan pengikut-pengikutnya) mengakui kebenarannya (dengan mematuhi hukum itu), mereka itulah orang yang bertaqwa.

(Al-Zumar 39:33)

Memaaf (ٱلْعَفْو) juga salah satu daripada perkara ihsan. Firman Allah.

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Oleh itu maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang yang berusaha supaya membaiki amalannya.

(Al-Ma'idah 5:13)

Sabar juga merupakan ihsan. Firman Allah:

وَاصْبِرْ فَإِنَّ اللهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Dan sabarlah (wahai Muhammad), engkau dan umatmu, dalam melakukan suruhan Allah, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala orang yang berbuat kebaikan.

(Hud 11:115)

Daripada ayat-ayat di atas kita dapat melihat betapa galakan al-Qur'an kepada ihsan melalui janji-janji kepada orang yang melakukan ihsan itu – melalui janji seperti ini maka ia menjadi suatu daya rohani yang kuat untuk memberi ketenangan kepada jiwa orang yang melakukan ihsan itu.

Ihsan memerlukan kepada pengorbanan dan kesungguhan, dengan sebab ini Allah memberi galakan supaya dilakukan ihsan dengan menerangkan kelebihan dan pahala kepada ihsan itu bagi memberi kesan kepada jiwa manusia dan untuk mereka menjadikannya sebagai suatu tabiat mereka.

Orang yang Disuruh oleh al-Qur'an untuk Melakukan Ihsan

Al-Qur'an meletakkan beberapa golongan manusia yang lebih berhak diberikan ihsan kepada mereka. Antara golongan yang berhak itu, paling utamanya ialah kedua ibu bapa, sebab ibu bapa berjasa besar ke atas anak-anak. Al-Qur'an bukan sahaja membataskan supaya berlaku ihsan kepada ibu bapa, tetapi menentukan pula bagaimana cara mu'amalah dengan keduanya. Firman Allah:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا
يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا
تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam

jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun "ah", dan janganlah engkau menengking, menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

(Al-Isra' 17:23–24)

Dalam ayat ini Allah menghubungkan ihsan kepada dua ibu bapa sebagai ibadat kepada-Nya, kemudian Allah menerangkan apa yang perlu dilakukan kepada kedua-duanya, khususnya ketika kedua-duanya berkeadaan lemah dan tua, serta Allah menyuruh supaya taat kepada kedua-duanya berasaskan lima perkara berikut:

1. Jangan memandang jijik (jika mendapati sesuatu keburukan daripada keduanya).
2. Jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang kasar yang menyebabkan mereka tersinggung.
3. Hendaklah berbicara kepada kedua-duanya dengan perkataan yang baik-baik dengan secara hormat.
4. Hendaklah tawadu' dan hormat kepada kedua-duanya serta merasa belas kasihan. Al-Qur'an membandingkan cara tawadu' kepada kedua ibu bapa dengan keadaan burung yang apabila hendak mengeram anak-anaknya maka dia menurunkan sayapnya dengan perlahan-lahan.
5. Hendaklah berdoa kepada Allah supaya Allah memberi rahmat kepada kedua-duanya.

Al-Qur'an juga menentukan supaya berlaku ihsan kepada orang yang mempunyai pertalian kerana orang yang melakukan ihsan dan orang yang menerima baik keluarga atau jiran ataupun golongan manusia lain yang tidak ada pertolongan dan bantuan kepada mereka ini, maka pada ketika itu ihsan merupakan sesuatu yang dituntut. Firman Allah:

وَاعْبُدُوا اللهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا
وَبِذِى الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَٰمَىٰ وَالْمَسَٰكِينِ وَالْجَارِ ذِى الْقُرْبَىٰ

وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِٱلْجَنْبِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَـٰنُكُمْ

Terjemahan: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan (juga) hamba sahaya yang kamu miliki.

(Al-Nisa' 4:36)

BIBLIOGRAFI

al-Quran dan Tafsir

Al-Quran al-Karim

Abu al-Fida', Ismail bin Kathir. 1976. *Tafsir al-Quran al-'Azim,* Cairo: Mustafa al-Halabi.

Jalaluddin bin Muhammad dan Jalaluddin Abd. Rahman. 1966. *Tafsir al-Jalalain,* Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Tabari, Muhammad bin jarir. t.t. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran,* Cairo: Matba'ah al-Maimuniyyah.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah al-Ansari, 1975. *al-Jami' Li ahkam al-Quran,* Cairo: Mustafa al-Halabi.

Al-Khazin, Ala al-Din al-Baghdadi. t.t. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ni al-Tanzil,* Cairo: al-Maktabah al-Tijariyyah.

Al-Nisaburi, Nizam al-Din al-Hasan bin Muhammad. t.t. *Tafsir al-Nisaburi,* Beirut: al-Maktabah al-Thafafiyyah.

Al-Zamakhsyari, Abi al-Qasim Jad al-Allah Muhammad bin Umar. t.t. *Al-Kasysyaf 'an Haqaiq al-Tanzil,* Cairo: al-Dar al-Alineiyyah.

Al-Alusi, Abu al-Fadz Syihabuddin Mahmud. t.t. *Ruh al-Ma'ani, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.*

Sayyid Qutb, 1391H. *Fi Zilal al-Quran,* Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Al-Arabi, Abu Bakar. t.t. *Ahkam al-Quran,* Cairo: Mustafa al-Halabi.

Al-Sais, Muhammad Ali. 1373H. *Tafsir ayat al-Ahkam,* Cairo: Maktabah al-Azhariyyah.

Al-Sabuni, Muhammad Ali. t.t. *Tafsir ayat al-Ahkam,* Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Hadith

Al-Bukhari, (256H), *Sahih al-Bukhari.* Cairo: al-Matba'ah al-Khairiyah, 1320H.

Muslim (261H). Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. 134H/1955M. *Sahih Muslim.* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi, 134H/1955.

Abu Daud (275H). 1369H/1950M *Al-Sunan Abu Daud.* Cairo: Matba'ah al-Sa'adah,

Ibn Majah. (275H). Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. 1972. *Al-Sunan Ibn Majah.* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Tirmidhi, (279H). t.t. *Al-Jami'.* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Tabarani, (360H). *Al-Mu'jam al-Ausat.* (Bahan belum bercetak)

Ibn Hanbal, Ahmad (241H). *Al-Musnad.* Cairo: al-Matba'ah al-Maimaniyyah. 1313H.

Al-Nassa'i, (303H). 1332H. *Al-Muntaqa.* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Baji, (493H). 1332H. *Al-Muntaqa.* Cairo: Matba'ah al-Sa'adah.

Al-Baihaqi, (458H), 1354H. *Al-Sunan al-Kubra.* Haidar Abad: Darirah al-ma'arif al-Nidhamaih,

Al-Syaukani, (1250H). 1391H/1971. *Nail al-Autar.* Cairo: Matba'ah Mustafa al-Halabi.

Ibn Hibban. 1388H/1968. *Sahih Ibn Hibban.* Cairo: al-maktabah al-Salafiyah.

Fiqh Mazhab Syafi'i

Al-Ansari, Abu Yahya Zakariyya. t.t. *Fath al-Wahhab.* 2 Juzu' Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Muti'iy, Muhammad Najib. t.t. *al-Majmu'.* 20 Juzu'. Mesir: Matba'ah al-Imam.

Al-Muzaniy, Abu Ibrahim bin Yahya. t.t. *Mukhtasar.* Beirut: Dar al-Ma'rifah,

Al-Nawawi, Abu Yahya bin Syaraf. 1958 *Minhaj al-Talibin.* Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Ramli, Ibnu Syihabu'd-Din. 1957 *Nihayah al-Muhtaj.* Cetakan

Akhir 8 Jilid. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid 'Abd ar-Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar. 1952 *Bughyah al-Mustarsyidin*. Mesir: Maktabah wa Malba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid al-Bakry. t.t. *I'anah at-Talibin*. 4 juzu'. Mesir: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Al-Sayyuti, Jalalu'd-Din 'Abd ar-Rahman. 1959. *al-Ashbah wa an-Naza'ir*. Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, 1973. *al-Umm*. Cetakan Kedua. 8 juzu'. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Sya'rani, Abu al-Muwahib 'Abd al-Wahab bin Ahmad. 1981. *Mizan al-Kubra*. 2 Juzu'. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj*. 4 juzu'. Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Aluj bin Yusuf. t.t. *al-Muhadhdhab*. Mesir: Matba'ah 'Isa al-Babiy al-Halabi.

Ibnu Hajar al-Haytamiy, Abu al-'Abbas Ahmad Shihabu'd-Din. 1347H. *Fath al-Jawwad bi Syarhi al-Irsyad*. Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabiy.

Qalyubiy wa 'Umayrah, Syihabu'd-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan Shihabu'd-Din Ahmad al-Barlasiy. 1956. *Hashiyatani Qalyubiy wa 'Umayrah*. Cetakan Ketiga. 4 Jilid. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Sheikh, Zainu'd Din bin 'Abd al-'Aziz. t.t. *Fath al-Mu'in bi Syarhi Qurratul al-'Ain*. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Umum

'Abd al-Qadir 'Audah. 1383H /1963M. *Al-Tashri al-Jina'i al-Islami*. Cairo: Maktabah Dar al-'Urubah.

'Abd al-Karim Zaidan. 1396H/1976M. *Ahkam al-Dhimmiyin wa al Mustaminin fi Dar al-Islam*. Ed. II. Baghdad: Maktabah al-Quds.

Husni al-Kharbutli. 1389H/1969M. *Al-Islam wa Ahl al-Dhimmah*.

Cairo: al-Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyah.

Al-Maududi, (1400H). t.t. *Huquq Ahl al-Dhimmah fi al Daulah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Yusuf al-Qardawi. 1378H/1969M, *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Dar al-Irsyad.

Al-Tabari, (310H). t.t. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Cairo: al-Matba'ah al-Husainiyyah.

Ibn al-Athir (606H). 1303H. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Cairo: Matba'ah al-Maimaniyyah.

Al-Baladhuri, (279H). 1319H/1901M. *Futuh al-Buldan*. Cairo:

Al-Sayuti, (911H). 1387H/1967 *Husn al-Muhadarah*. Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Ibn Kathir (774H). 1966. *Al-Bidayah wa al-Nihayah* Beirut: Matba'ah al-Maarif.

Ibn 'Asakir (571H). 1951. *Tarikh Madinah Dimasyq*. Damsyik: Cetakan Damsyik.

Ibn Khalikan (681H). 1972 *Wafayat al-A'yan* Beirut: Dar al-Thaqafah.

Al-Ya'qubi, (192H). 1893. *Mu'jam al-Buldan*. Leiden:

Ibn 'Abd al-Hakam (257H). 1922. *Futuh Misr. Leiden.*

Al-Asfahani, t.t. *Al-Aghani*. Beirut: Dar al-Thaqafah.

Ibn Abi Usaiba'ah. 1955. *Tabaqat al-Atibba'*. Cairo:

Gustav Lobon. t.t. Terj. 'Adil. Ed. II. *Hadrah al-'Arab*. Cairo: Matba'ah al-Halabi.

Adam Mitz. Terj. Muhammad Abd al-hadi Abd Al-ridah. 1947 Ed. II. *Al-hadarah al-'Arabiyyah fi al-Qarn al-Rabi' al-Hijri*. Cairo:

Will Durant, 1965–1972M. *Qissat al-Hadarah, Jami'at al-Duwal al-'Arabiyyah*, Cairo.

Thomas W. Amold, Sir. Terj. Hasan Ibrahim Hasan dan dua rakannya. 1957 *Al-Da'wah ila al-Islam*. Cairo: al-Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Kifah al-Din*. Cairo.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Al-Islam fi Wajh al-Zahf al-Ahmar*. Cairo.

Mahmud Syakir. t.t. *Ariteria wa al-habasyah*. Aman

Nadim al-Baitar. t.t. *Al-Aidolojiyyah al-Inqilabiyyah*. Beirut: al-

Muassasah al-Ahliyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Muhammad 'Abduh (1323H). 1323H. Ed. VIII. *Al-Islam wa al-Nasraniyyah.* Cairo.

Ahmad al-Syalabi. 1967. *Al-Masehiyyah.* Cairo: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

INDEKS